13.	Surizan bin Hamid	Pengawal Keselamatan Gred KP11
14.	Siti Mahani binti Muhamad	Pengawal Keselamatan Gred KP11
15.	Mohamad Yusof bin Ismail	Pekerja Awam Gred N1

**ANUGERAH PERKHIDMATAN CEMERLANG TAHUN 2013  
JABATAN KEHAKIMAN SYARIAH NEGERI SABAH**

<b>Bil</b>	<b>Nama Pegawai</b>	<b>Jawatan/Gred</b>
1.	Mohd Kasmir bin Mohd Ibno	Pegawai Syariah/Gred LS41
2.	Fairul @ Kahiruddin bin Mat Sulaiman	Pegawai Syariah/Gred LS41
3.	Wahidah Siregar binti Arben Siregar	Pegawai Syariah/Gred LS41
4.	Haslan bin Ruhinin	Penolong Pegawai Syariah/Gred LS27
5.	Rofinah binti Arbain	Penolong Akauntan/Gred W27
6.	Mohd Khairol Saifuddin bin Sulaiman	Penolong Pegawai Syariah/Gred LS27
7.	Siti Malni binti Sakimin	Pembantu Syariah/Gred LS17
8.	Abdul Rajak @ Razak bin Iskandar	Pembantu Tadbir (Kew)/Gred W22
9.	Nurahai binti Sakang	Pembantu Tadbir (P/O)/Gred N17
10.	Ezan binti Salami	Pembantu Tadbir (Kew)/Gred W17
11.	Ruhani binti Osman	Pembantu Tadbir (P/O)/Gred N22
12.	Nuria binti Salleh	Pembantu Tadbir (P/O)/Gred N17
13.	Karim bin Limin	Pembantu Am Pejabat/Gred N1
14.	Juhari bin Usah	Penghantar Notis/Gred N3
15.	Herry bin Lamsen	Pembantu Am Pejabat/Gred N1
16.	Adam bin Ag. Yunus	Pemandu Kenderaan/Gred R3

**PRESTASI PEMBANGUNAN, PELAKSANAAN DAN PENCAPAIAN  
PENGUNAAN HRMIS SEHINGGA 31 DISEMBER 2013**

MODUL	JKSM		JKSNS		MSWP	
	%	MARKAH KPI	%	MARKAH KPI	%	MARKAH KPI
Purata Profil Perkhidmatan (SP) dan Rekod Peribadi (PR)	100	20	99.88	15	99.78	15
Pengisytiharan Harta	99.71	20	96.50	20	93.09	20
Sasaran Kerja Tahunan (SKT) *dikira sehingga 31 Julai 2013	87.21	15	79.19	15	94.57	20
Data Perjawatan	100	20	100	20	100	20
<b>Keseluruhan /Rating</b>	<b>96.73</b>	<b>5 (ST)</b>	<b>93.89</b>	<b>5 (ST)</b>	<b>96.86</b>	<b>5 (ST)</b>

## LAPORAN PRESTASI KEWANGAN

### PRESTASI PERBELANJAAN MENGRUS DAN PEMBANGUNAN JKSM 2012 DAN 2013

PERKARA	2012			2013		
	Peruntukan (RM)	Perbelanjaan (RM)	%	Peruntukan (RM)	Perbelanjaan (RM)	%
Belanja Mengurus	36,610,776.00	36,161,415.54	98.77	38,374,624.00	37,816,836.12	98.55
Belanja Pembangunan	41,748,420.00	41,543,967.66	99.51	14,924,840.00	13,737,086.36	92.05
<b>JUMLAH</b>	<b>78,359,196.00</b>	<b>77,705,383.20</b>	<b>99.17</b>	<b>53,299,464.00</b>	<b>51,553,922.48</b>	<b>96.73</b>

### PERUNTUKAN DAN PERBELANJAAN MENGRUS JKSM 2012 DAN 2013

PERKARA	2012			2013		
	Peruntukan (RM)	Perbelanjaan (RM)	%	Peruntukan (RM)	Perbelanjaan (RM)	%
Emolumen	23,368,000.00	23,237,432.68	99.44	24,822,924.00	24,746,010.64	99.69
Perkhidmatan dan Bekalan	12,862,921.00	12,725,026.76	98.93	13,457,352.00	12,987,837.15	96.51
Aset	260,000.00	103,864.00	39.95	87,148.00	79,727.67	91.49
Pemberian dan Kenaan Bayaran Tetap	88,830.00	65,475.34	73.71	7,200.00	3,260.66	45.29
Perbalanjaan-perbelanjaan lain	31,025.00	29,616.76	95.46	-	-	-
<b>JUMLAH</b>	<b>36,610,776.00</b>	<b>36,161,415.54</b>	<b>98.77</b>	<b>38,374,624.00</b>	<b>37,816,836.12</b>	<b>98.55</b>



**LAPORAN TAHUNAN PENGURUSAN ASET ALIH KERAJAAN  
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2013**

Tahun Semasa	Kedudukan Harta Modal		Kedudukan Inventori		Pelupusan Aset Nilai Perolehan (RM)	Kehilangan Aset			
	Bil KEW.PA-2	Nilai Perolehan (RM)	Bil KEW.PA-3	Nilai Perolehan (RM)		Nilai Hapus Kira (RM)	Nilai Bayar Balik (RM)	Surcaj Bil	Amaun (RM)
Baki dibawa ke hadapan	4,494	19,252,602.54	1,385	1,872,146.22	2,474,459.43	36,760.00	15,769.80	0	0.00
Suku Tahun Pertama	4,494	19,252,602.54	1,388	1,884,466.22	0.00	0.00	0.00	0	0.00
Suku Tahun Kedua	4,341	18,541,159.54	1,391	1,896,011.22	713,315.00	19,998.00	0.00	0	0.00
Suku Tahun ketiga	4,312	18,391,554.54	1,394	1,901,691.22	171,605.00	700.00	0.00	0	0.00
Suku Tahun Keempat	4,312	19,053,415.54	1,387	1,890,431.63	145,659.59	0.00	0.00	0	0.00
<b>Baki Akhir Tahun</b>	<b>4,312</b>	<b>19,053,415.54</b>	<b>1,387</b>	<b>1,890,431.63</b>	<b>3,505,039.02</b>	<b>46,161.00</b>	<b>15,769.80</b>	<b>0</b>	<b>0.00</b>



**BKPSM****LAPORAN PENGURUSAN STOR BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2013**

Tahun Semasa	Kedudukan Stok										Kehilangan dan Hapus Kira Stok (RM)
	Sedia Ada		Pembelian		Pengeluaran		Stok Semasa		Kadar Pusingan Stok	Pelupusan Stok (RM)	
	Bil.Stok	Jum.Nilai Stok	Bil.Stok	Jum.Nilai Stok	Bil.Stok	Jum.Nilai Stok	Bil.Stok	Jum.Nilai Stok			
	i	a	ii	b	iii	c	(i+ii) - (iii)	(a+b) - c			
Baki Bawa kehadapan								26,106	54,649.91		
Suku Tahun Pertama	26,106	54,649.91	40,082	115,541.40	18,627	80,389.75	47,561	89,801.56	1.11	-	
Suku Tahun Kedua	47,561	89,801.56	31,013	112,936.00	15,725	98,365.86	62,849	104,371.70	0.97	-	
Suku Tahun ketiga	62,849	104,371.70	38,281	134,901.30	26,466	116,129.08	74,664	123,143.92	1.02	-	
Suku Tahun Keempat	74,664	123,143.92	9,465	51,327.50	20,122	107,092.62	64,007	67,378.80	1.12	-	
<b>NILAI TAHUNAN KESELURUHAN</b>			<b>118,841</b>	<b>414,706.20</b>	<b>80,940</b>	<b>401,977.31</b>		<b>Kadar Pusingan Stok Tahunan</b>	<b>6.59</b>	<b>-</b>	



## LAIN-LAIN PROGRAM DAN AKTIVITI YANG DIJALANKAN OLEH BKPSM DAN SEUMPAMANYA

BIL	NAMA PROGRAM DAN AKTIVITI	TEMPAT/MASA	KEKERAPAN
1.	Perhimpunan Bulanan JKSM	Bilik Mesyuarat Utama, Aras 3, JKSM bermula jam 8.45 pagi.	12 kali sepanjang Tahun 2013. Kehadiran melibatkan semua warga JKSM.
2.	Program Tazkirah JKSM	Bilik Mesyuarat Utama, Aras 3, JKSM bermula jam 8.45 pagi	Setiap Jumaat sepanjang Tahun 2013. Kehadiran melibatkan semua warga JKSM.
3.	Perhimpunan Bulanan Bersama Y.Bhg Dato' Timbalan Ketua Setiausaha Kanan (TKSUK)	Auditorium Blok B1, Jabatan Perdana Menteri (JPM) bermula jam 8.00 pagi.	12 kali sepanjang Tahun 2013. Kehadiran seramai 20 orang warga JKSM.
4.	Perhimpunan agensi-agensi di bawah YB Menteri di Jabatan Perdana Menteri (JPM)	Auditorium Aras 5, Blok D8, bermula jam 8.00 pagi.	1 kali sepanjang Tahun 2013. Kehadiran melibatkan semua warga JKSM.
5.	Perhimpunan Jabatan Perdana Menteri (JPM) – Program Ke Arah Perkhidmatan Cemerlang dan Cintailah Negara Kita	Dataran Perdana, Bangunan Perdana Putra, bermula jam 8.15 pagi.	2 kali sepanjang Tahun 2013. Kehadiran melibatkan Pegawai Gred 41 dan keatas.

### LAPORAN PENILAIAN PENARAFAN BINTANG (SSR)

Penilaian Penarafan Bintang (SSR) oleh Unit Pemodenan Tadbiran dan Perancangan Pengurusan Malaysia (MAMPU) terhadap JKSM telah bermula pada tahun 2013. Penilaian yang julung kali diadakan ini adalah selaras dengan keputusan YBhg. Ketua Setiausaha Negara yang meletakkan Ketua Pengarah/Ketua Hakim Syariah JKSM di dalam kategori Penjawat Pengurusan Tertinggi Perkhidmatan Awam (PPTPA). Penilaian SSR telah mula dijalankan pada 10 hingga 12 Disember 2013. Pasukan penilai yang dianggotai oleh 10 orang pegawai daripada pelbagai agensi ini telah membuat penilaian ke atas tiga komponen utama penilaian iaitu Komponen A: Pengurusan, Komponen B: Perkhidmatan Teras, dan Komponen C: Pengurusan Pelanggan. Keputusan terhadap SSR dijangka akan diperolehi pada bulan Jun 2014.

#### Lain-lain

Dr. Mohd Na'im bin Haji Mokhtar, Pengarah Bahagian Sokongan Keluarga (BSK) telah dilantik sebagai Visiting Fellow oleh Fakulti Undang-Undang, Universiti Harvard Amerika Syarikat. Tempoh fellowship beliau adalah bermula 1 Februari sehingga 30 April 2013. "Doctrine of Separation of Powers and Its Relevance to the Enforcement and Execution of Maintenance Order by the Syariah Courts of Malaysia" adalah tajuk pembentangan kajian yang dibawa oleh beliau. Secara amnya, pelantikan beliau sebagai Visiting Fellow di Universiti Harvard merupakan satu kebanggaan kepada Perkhidmatan Awam Malaysia dan seterusnya mengangkat perkhidmatan Pegawai Syariah ke tahap yang lebih tinggi.

(i) Pelan Pengurusan Risiko Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia



(ii) Pelan Strategik Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia 2013 – 2018



(iii) Pelan Integriti Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia 2013 – 2015



## LAPORAN PROJEK PEMBANGUNAN JKSM 2013

Senarai Projek-Projek Pembangunan Kompleks Mahkamah Syariah Negeri-Negeri Di bawah JKSM Yang Telah Siap dan Beroperasi :-

1. Kompleks Ibu Pejabat Mahkamah Syariah Negeri Sembilan :

Majlis Penyerahan telah diadakan pada 2 April 2013 dan Kompleks Mahkamah Syariah Baru telah beroperasi pada Mei 2013.

2. Kompleks Ibu Pejabat Mahkamah Syariah Negeri Melaka :

Majlis Penyerahan telah diadakan pada 31 Januari 2013 dan Kompleks Mahkamah Syariah Baru telah beroperasi pada 1 Februari 2013.

3. Kompleks Ibu Pejabat Mahkamah Syariah Negeri Kelantan :

Majlis Penyerahan telah diadakan pada 8 Julai 2013 dan Kompleks Mahkamah Syariah Baru telah beroperasi pada Pertengahan Ogos 2013.

### PRESTASI FIZIKAL DAN KEWANGAN KOMPLEKS IBU PEJABAT MAHKAMAH SYARIAH NEGERI-NEGERI, JKSM

NAMA PROJEK	KOS (RM)	FIZIKAL			KEWANGAN			TARIKH SIAP	ISU/MASALAH
		JADUAL (%)	SEBENAR (%)	LEWAT/AWAL (%)	JADUAL (%)	SEBENAR (%)	LEWAT/AWAL (%)		
KOMPLEKS IBU PEJABAT MAHKAMAH SYARIAH NEGERI PULAU PINANG	36,450,000.00	26.00	23.15	-2.85	23.15	21.55	-1.6	01/10/2014	<p>Kerja di tapak :</p> <ol style="list-style-type: none"> <li>1. Ground Beam Blok Mahkamah Zon A &amp; B -90%</li> <li>2. Ground Floor Slab Pondok Pengawal -30%</li> <li>3. Pemasangan elektrik - 4%</li> </ol>
KOMPLEKS IBU PEJABAT MAHKAMAH SYARIAH NEGERI PAHANG	37,500,000.00								<p>Status terkini :</p> <p>Masih di peringkat penyelarasan reka bentuk.</p>

**KOMPLEKS IBU PEJABAT MAHKAMAH SYARIAH NEGERI SEMBILAN**



**KOMPLEKS IBU PEJABAT MAHKAMAH SYARIAH NEGERI MELAKA**



**LAWATAN YB KETUA MENTERI BESAR MELAKA PADA 27 OGOS 2013**

### KOMPLEKS IBU PEJABAT MAHKAMAH SYARIAH NEGERI KELANTAN




### MAJLIS PERASMIAN OLEH DYMM SULTAN KELANTAN PADA 13 NOVEMBER 2013





## KOMPLEKS MAHKAMAH SYARIAH NEGERI PULAU PINANG



*Lukisan Arkitek Gambaran Sebenar Kompleks Ibu Pejabat Mahkamah Syariah Negeri Pulau Pinang*

### GAMBAR-GAMBAR DI TAPAK








# BAHAGIAN PENDAFTARAN KEURUSETIAAN DAN REKOD (BPKR)



# CARTA ORGANISASI BAHAGIAN, KEURUSETIAAN DAN REKOD



## BAHAGIAN PENDAFTARAN KEURUSETIAAN DAN REKOD

### SEKSYEN PENDAFTARAN RAYUAN

#### a. Mesyuarat Jawatankuasa Kerja Arahan Amalan Mahkamah Syariah (MJKAA)

MJKAA pada tahun 2013 telah dilaksanakan sebanyak 3 kali berdasarkan keperluannya untuk membincangkan kertas konsep kajian Arahan Amalan. Mesyuarat ini diadakan bertujuan untuk mendapatkan persetujuan ahli terhadap kertas konsep cadangan Arahan Amalan yang dibentangkan sebelum ia dibawa ke peringkat Mesyuarat Jawatankuasa Induk Arahan Amalan. Ahli-ahli mesyuarat terdiri daripada Pengarah-Pengarah Bahagian di Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia, pegawai-pegawai terpilih dari Jabatan Kehakiman Syariah negeri-negeri dan wakil dari Persatuan Peguam Syarie Malaysia. Mesyuarat ini dipengerusikan oleh Ketua Pendaftar Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia.

#### b. Mesyuarat Jawatankuasa Induk Arahan Amalan Mahkamah Syariah (MJIAA)

Mesyuarat Jawatankuasa Induk Arahan Amalan Mahkamah Syariah (MJIAA) yang diadakan sekali dalam tahun adalah bertujuan untuk membincang dan mendapatkan persetujuan ahli-ahli terhadap kertas konsep cadangan Arahan Amalan yang telahpun dipersetujui di peringkat MJKAA. Kertas Konsep Cadangan Arahan Amalan yang telah dipersetujui di peringkat ini akan dijadikan Arahan Amalan pada tahun tersebut. Mesyuarat ini dipengerusikan oleh YAA Ketua Pengarah/Ketua Hakim Syarie Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia dan danganogai oleh YAA Ketua-Ketua Hakim Syarie negeri-negeri, wakil dari Persatuan Peguam Syarie Malaysia, wakil dari Yayasan Bantuan Guaman Kebangsaan dan pakar-pakar perundangan daripada kalangan ahli akademik dan peguam berpengalaman.

Mesyuarat Jawatankuasa Induk Arahan Amalan Tahun 2013 telah diadakan di LEXIS Port Dickson pada 1 hingga 2 Disember 2013. Sebanyak 10 kertas konsep cadangan Arahan Amalan telah dibentangkan dan hasil daripada mesyuarat tersebut, sebanyak 7 kertas konsep telah diterima untuk dijadikan Arahan Amalan Tahun 2013 manakala satu kertas konsep telah ditolak dan dua ditangguhkan untuk dibuat kajian lanjut.

BIL	CADANGAN ARAHAN AMALAN	TAJUK
1	Arahan Amalan No.2 Tahun 2013	Perluasan Warna Tudung Bagi Peguam Syarie/ Pendakwa Syarie/ Pegawai Mahkamah Wanita Di Semua Peringkat Dewan Mahkamah
2	Arahan Amalan No.3 Tahun 2013	Penyeragaman Proses Kerja Dan Carta Aliran Sulh Di JKSN / MSN Seluruh Malaysia
3	Arahan Amalan No.4 Tahun 2013	Tambahan Kod Dewan Mahkamah
4	Arahan Amalan No.5 Tahun 2013	Amalan Mengenai Pelaksanaan Waran Tangkap Kes Mal
5	Arahan Amalan No.6 Tahun 2013	Pembatalan Arahan Amalan No.6 Tahun 2000 (Jangka Masa Penyelidikan Kes Mengikut Piagam Pelanggan)
6	Arahan Amalan No.7 Tahun 2013	Penggunaan Aplikasi E-Bicara Oleh Hakim Syarie
7	Arahan Amalan No.8 Tahun 2013	Permohonan Perintah Luar Bidang Kuasa

**c. Mesyuarat Jawatankuasa Kerja Kaedah-Kaedah Mahkamah Syariah (MJKKMS)**

Mesyuarat Jawatankuasa Kerja Kaedah-Kaedah Mahkamah Syariah (MJKKMS) diadakan bertujuan untuk membenteng dan membahaskan draf-draf kaedah mahkamah syariah. Draft yang telah dipersetujui untuk diterima di peringkat MJKKMS akan dibawa ke peringkat jawatankuasa induk untuk dibentangkan. Pada tahun 2013, MJKKMS telah diadakan sebanyak tiga kali.

**d. Mesyuarat Jawatankuasa Induk Kaedah-Kaedah Mahkamah Syariah (MJIKMS)**

Mesyuarat Jawatankuasa Induk Kaedah-Kaedah Mahkamah Syariah (MJIKMS) diadakan sekali dalam setahun, bertujuan untuk membenteng dan membincangkan draf-draf kaedah yang telah di persetujui di peringkat MJKKMS. Mesyuarat ini dipengerusikan oleh YAA Ketua Pengarah/Ketua Hakim Syarie Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia dan dnggotai oleh YAA Ketua-Ketua Hakim Syarie negeri-negeri, wakil dari Persatuan Peguam Syarie Malaysia, wakil dari Yayasan Bantuan Guaman Kebangsaan dan pakar-pakar perundangan daripada kalangan ahli akademik dan peguam berpengalaman.

MJIKMS tahun 2013 telah diadakan pada 2 hingga 3 Disember 2013 di LEXIS Port Dickson, Negeri Sembilan. Hasil mesyuarat tersebut satu draf kaedah telah pun diputuskan untuk dijadikan Kaedah Mahkamah Syariah Wilayah-Wilayah Persekutuan 2013 iaitu Kaedah-Kaedah Tatacara Mal (Prosiding Ex Parte Hadhanah Dan Injunksi) (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 2013.

**e. Mesyuarat Jawatankuasa Naziran Dan Pertindihan Kes Mahkamah Syariah**

Mesyuarat Jawatankuasa Naziran Dan Pertindihan Kes Mahkamah Syariah diadakan mengikut keperluan iaitu berdasarkan aduan dari Jabatan Kehakiman Syariah Negeri / Mahkamah Syariah negeri-negeri yang telah mengenal pasti wujud pertindihan kes sama oleh pihak yang sama dan didaftarkan di dua Mahkamah Syariah. Mesyuarat ini dipengerusikan oleh Ketua Pendaftar JKSM manakala ahli-ahlinya terdiri daripada Ketua-Ketua Pengarah (kehakiman) di JKSM.

Pada tahun 2013, Jawatankuasa Naziran Dan Pertindihan Kes JKSM telah menerima lima pertindihan kes mahkamah syariah. Walaubagaimana pun, satu pertindihan kes tidak berjaya dibawa ke Mesyuarat Jawatankuasa Naziran Dan Pertindihan Kes tetapi telah dibawa ke bulan Januari tahun 2014.

BIL	TARIKH MESYUARAT	MAHKAMAH SYARIAH TERLIBAT	NO. KES
1	12 Julai 2013	MTS Ipoh perak dengan MTS Shah Alam Selangor	08100-028-0218-2012 10400-028-0282-2012
2	12 Julai 2013	MTS WP Kuala Lumpur dengan MTS Shah Alam Selangor	14700-028-0029-2013 14700-038-0023-2013 14700-033-0033-2013 10100-028-0052-2012 10100-038-0069-2013
3	12 Julai 2013	MTS Alor Setar Kedah dengan MTS WP Kuala Lumpur	02200-028-0194-2013 14600-028-0319-2013
4	20 November 2013	MTS Alor Setar, Kedah dengan MTS Seremban, Negeri Sembilan	02200-028-0200-2013 05100-028-0110-2012
5	15 Januari 2014	MTS Kangar Perlis dengan MRS Shah Alam Selangor	09002-014-0612-2013 09100-028-0610-2013 10002-058-0980-2013

**f. Muzakarah Pemahaman Arahan Amalan Mahkamah Syariah Tahun 2013**

Muzakarah Pemahaman Arahan Amalan Mahkamah Syariah diadakan bertujuan untuk memberi kefahaman dan penjelasan yang selaras tentang Arahan Amalan yang digunapakai di Mahkamah Syariah seluruh Malaysia selain memberi peluang kepada peserta-peserta muzakarah untuk memberi pandangan dan idea bagi tujuan penambahbaikan Arahan amalan yang sedia ada.

Peserta sasaran muzakarah ini adalah pegawai dan penolong pegawai di JKSN/MSN, penasihat undang-undang syariah negeri dari Pejabat Penasihat Undang-Undang Negeri dan pegawai-pegawai kader dari Jabatan Agama Islam Negeri dan Jabatan Bantuan Guaman Negeri.

Mengikut Perancangan Tahunan 2013, sebanyak enam Muzakarah Arahan Amalan akan diadakan di negeri-negeri.

BIL	MUZAKARAH ARAHAN AMALAN	TARIKH
1	Muzakarah Pemahaman Arahan Amalan Mahkamah Syariah Bil.1/2013 (Negeri Sabah)	4 Februari 2013
2	Muzakarah Pemahaman Arahan Amalan Mahkamah Syariah Bil.2/2013 (Negeri Kelantan)	7 Februari 2013
3	Muzakarah Pemahaman Arahan Amalan Mahkamah Syariah Bil.3/2013 (Negeri Terengganu)	2 Mei 2013
4	Muzakarah Pemahaman Arahan Amalan Mahkamah Syariah Bil.4/2013 (Negeri Pahang)	28 Jun 2013
5	Muzakarah Pemahaman Arahan Amalan Mahkamah Syariah Bil.5/2013 (Negeri Johor)	23 Ogos 2013
6	Muzakarah Pemahaman Arahan Amalan Mahkamah Syariah Bil.6/2013 (Negeri Perak)	11 Oktober 2013



*Muzakarah Pemahaman Arahan Amalan Bil.5 Tahun 2013 (Negeri Johor)*


**g. Mesyuarat Penyelarasan Kes Rayuan JKSM**

Mesyuarat Penyelarasan Kes-Kes Rayuan Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia diadakan setiap tahun bagi membincangkan isu penyelarasan dan penyeragaman prosiding dan apa-apa masalah yang berkaitan dengan kes rayuan di JKSN/MSN dan JKSM.

Mesyuarat Penyelarasan Kes-Kes Rayuan Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia tahun 2013 telah diadakan pada 4 Jun 2013 di Bangunan Mahkamah Syariah Wilayah Persekutuan Putrajaya. Mesyuarat ini telah dipengerusikan oleh Ketua Pendaftar Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia dan dianggotai oleh Ketua-Ketua Pendaftar JKSN/MSN serta Pengarah-Pengarah Bahagian di JKSM.

Laporan pencapaian penyelesaian kes rayuan dan semakan dalam tempoh 6 bulan daripada tarikh didaftarkan di JKSM dari tahun 2012 dan 2013 seperti yang ditunjukkan dalam carta 1 dan jadual 1 di bawah:

Carta 1



Jadual 1

Tahun	Bil	%
2012	71	76.35
2013	82	88.1

Kesimpulannya penyelesaian kes rayuan dan semakan dalam tempoh 6 bulan bagi tahun 2013 adalah tercapai dan bilangan penyelesaiannya kes semakin meningkat berbanding tahun sebelumnya.

## SEKSYEN KEURUSETIAAN (KEHAKIMAN)

Sepanjang tahun 2013, Seksyen Keurusetiaan (Kehakiman) telah berjaya melaksanakan program seperti berikut:

BIL	TARIKH	LOKASI	PERKARA
1	3-5 Januari 2013	Hotel sekitar Sarawak	Lawatan kerja ke lokasi-lokasi cadangan untuk Persidangan Pegawai Syariah Tahun 2013
2	29 Januari 2013	JKSM	Mesyuarat Jawatankuasa Induk Persidangan Tahunan Pegawai Syariah Kali Ke – 15 Bil. 1/2013.
3	14 Februari 2013	JKSM	Perbincangan Pra Mesyuarat Ketua Pendaftar Mahkamah Syariah Seluruh Malaysia Bil. 1/2013.
4	22 Februari 2013	JKSM	Mesyuarat Jawatankuasa Pelaksana Persidangan Tahunan Pegawai Syariah Seluruh Malaysia Kali ke – 15 Bil. 1/2013.
5	1 – 3 Mac 2013	Hotel M.S. Garden, Kuantan, Pahang	Mesyuarat Ketua Pendaftar Mahkamah Syariah Seluruh Malaysia Bil. 1/2013
6	14 Mac 2013	Mahkamah Syariah Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur.	Majlis Wacana Ketua Pengarah/Ketua Hakim Syarie JKSM Tahun 2013
7	15 Mac 2013	Kuching, Sarawak	Kunjung Hormat YAA Tan Sri Ketua Pengarah/Ketua Hakim Syarie JKSM ke Pejabat Ketua Menteri Sarawak YAB Tan Sri Abdul Taib Mahmud bersempena dengan penganjuran Persidangan Tahunan Pegawai Syariah Seluruh Malaysia Kali Ke-15 di Kuching, Sarawak pada 8-10 September 2013.
8	21 Mac 2013	JKSM	Perbincangan Pra Mesyuarat Ketua-Ketua Hakim Syarie Perkhidmatan Gunasama (Zon Utara) Bil. 1/2013.
9	27 – 28 Mac 2013	Hotel Flamingo, Tanjung Bungah, Pulau Pinang.	Mesyuarat Ketua-Ketua Hakim Syarie Perkhidmatan Gunasama (Zon Utara) Bil. 1/2013
10	11 April 2013	JKSM	Mesyuarat Jawatankuasa Induk Persidangan Tahunan Pegawai Syariah Kali Ke – 15 Bil. 2/2013.
11	15 April 2013	JKSM	Mesyuarat Pra Persidangan Ketua-Ketua Hakim Syarie Seluruh Malaysia Kali Ke - 60 Bil. 1/2013.
12	24 – 26 April 2013	Hotel Royal Bintang, Seremban, Negeri Sembilan.	Persidangan Ketua-Ketua Hakim Syarie Seluruh Malaysia Kali Ke – 60 Bil. 1/2013
13	8 – 9 Mei 2013	Hotel Premiera, Kuala Lumpur	Muzakarah Pegawai Syariah Di Jabatan Peguam Negara (JPN), Pejabat Penasihat Undang-Undang Negeri (PPUUN), Jabatan Bantuan Guaman (JBG), Jabatan Agama Islam Malaysia (JAIN), Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) Dan Kementerian Pembangunan Wanita Keluara Dan Masyarakat (KPWKM) Kali Ke 16 Bil.1/2013
14	17 - 18 Jun 2013	Hotel Marco Polo, Tawau, Sabah	Muzakarah Hakim Syarie Negeri Perkhidmatan Gunasama Zon Sabah Kali Ke 19 Bil.2/2013
15	9 Julai 2013	JKSM	Mesyuarat Jawatankuasa Induk Persidangan Tahunan Pegawai Syariah Kali Ke - 15 Bil. 3/2013
16	19 Ogos 2013	JKSM	Perbincangan Pra Persidangan Ketua Hakim Syarie Seluruh Malaysia Kali Ke 61 Bil. 2/2013.
17	22 Ogos 2013	JKSM	Mesyuarat Jawatankuasa Pelaksana Persidangan Tahunan Pegawai Syariah Seluruh Malaysia Kali ke – 15 Bil. 3/2013.
18	26 Ogos 2013	JKSM	Mesyuarat Jawatankuasa Induk Persidangan Tahunan Pegawai Syariah Kali Ke - 15 Bil. 4/2013.
19	27 – 29 Ogos 2013	Hotel Everly, Putrajaya	Persidangan Ketua Hakim Syarie Seluruh Malaysia Kali Ke 61 Bil. 2/2013

20	4 September 2013	Mahkamah Syariah Putrajaya	Mesyuarat Jawatankuasa Pelaksana Persidangan Tahunan Pegawai Syariah Seluruh Malaysia Kali ke – 15 Bil. 4/2013.
21	8 – 10 September 2013	Hotel Four Points by Sheraton, Kuching, Sarawak	Persidangan Tahunan Pegawai Syariah Seluruh Malaysia Kali ke – 15.
22	13 September 2013	Bilik Mesyuarat Aras 4, JKSM	Perbincangan Pra Persidangan Ketua Pendaftar Nikah, Cerai dan Ruju' dan Ketua Pendaftar Mahkamah Syariah Seluruh Malaysia Tahun 2013.
23	18 September 2013	JKSM	Perbincangan Pra Mesyuarat Ketua Pendaftar Mahkamah Syariah Seluruh Malaysia Kali Ke 55 Bil. 3/2013.
24	8 – 10 Oktober 2013	Corus Paradise Hotel, Port Dickson	Mesyuarat Ketua Pendaftar Mahkamah Syariah Seluruh Malaysia Kali Ke 55 Bil. 3/2013
25	21 Oktober 2013	JKSM	Mesyuarat <i>Post-Mortem</i> Persidangan Tahunan Pegawai Syariah Seluruh Malaysia Kali ke – 15.
26	24 Oktober 2013	Mahkamah Syariah Wilayah Persekutuan Putrajaya.	Persidangan Ketua Pendaftar Nikah, Cerai dan Ruju' dan Ketua Pendaftar Mahkamah Syariah Seluruh Malaysia Tahun 2013
27	31 Oktober 2013	Mahkamah Syariah Wilayah Persekutuan Putrajaya	Mesyuarat Ketua Hakim Syarie Negeri Perkhidmatan Gunasama (Zon Tengah) Bil. 3/2013
28	7 November 2013	Mahkamah Syariah Wilayah Persekutuan Putrajaya.	Muzakarah Pegawai Syariah dan Pendakwa Syarie di JPgN. JBG, PPUUN, JAIN, JAKIM dan KPWKM Kali Ke 17 Bil. 2/2013
29	12 – 14 November 2013	Hotel Perdana, Kota Bharu, Kelantan.	Persidangan Ketua Hakim Syarie Seluruh Malaysia Kali Ke 62 Bil. 3/2013

Ketetapan Muzakarah Pegawai Syariah di Jabatan Peguam Negara (JPN), Pejabat Penasihat Undang-Undang Negeri (PPUUN), Jabatan Bantuan Guaman (JBG), Jabatan Agama Islam Malaysia (JAIN), Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) dan Kementerian Pembangunan Wanita Keluarga dan Masyarakat (KPWKM)kali ke 16 Bil 1/2013

Tarikh : 8 – 9 Mei 2013  
Tempat : Hotel Premiera, Kuala Lumpur

## 1. ISU-ISU DAN KETETAPAN MUZAKARAH

- 1.1 Ahli Muzakarah mencadangkan supaya peguam Syarie JBG dan Pendakwa Syarie diberi kemudahan untuk mengakses kes-kes dalam portal E-Syariah meliputi pendaftaran kes, nombor kes, tarikh tangguhan, tarikh bicara dan nombor IP kes (bagi kes jenayah). Cadangan supaya kemudahan pendaftaran secara online turut diberikan kepada Peguam Syarie JBG

### **Ketetapan:**

Muzakarah mengambil ketetapan bahawa perkara ini akan dilihat semula terutamanya dari segi pembayaran kepada peguam syarie JBG dan membenarkan peguam Syarie yang mendaftar sebagai ahli portal supaya dapat mengakses kes-kes dalam portal.

- 1.2 Ahli Muzakarah mencadangkan supaya Bahagian Teknologi Maklumat JKSM menyediakan satu modul khas bagi membolehkan jadual senarai kes yang dikendalikan oleh JBG dapat diberikan oleh Pendaftar Mahkamah kepada pihak JBG seminggu sebelum kes dijadualkan.

### **Ketetapan:**

Muzakarah mengambil ketetapan supaya diwujudkan satu modul baru yang membolehkan kes-kes yang diwakili oleh JBG dipaparkan bagi memudahkan pengenalanpastian kes-kes yang dikendalikan oleh pihak JBG.



- 1.3 Ahli Muzakarah mencadangkan supaya alasan penghakiman yang dikeluarkan oleh Mahkamah Rayuan Syariah dan Mahkamah Tinggi Syariah disiarkan dalam portal E-Syariah supaya keputusan-keputusan tersebut dapat diakses oleh Pegawai Syariah dengan lebih cepat sebelum Jurnal Hukum dikeluarkan.

**Ketetapan:**

Muzakarah dimaklumkan bahawa alasan penghakiman yang dikeluarkan oleh Mahkamah Rayuan Syariah dan Mahkamah Tinggi Syariah telah disiarkan dalam portal E-Syariah. Walau bagaimanapun, pihak BTMK akan mencuba dari masa ke semasa untuk memastikan penyiaran alasan penghakiman bagi kes-kes tertentu dapat disiarkan dalam portal secepat mungkin

- 1.4 Ahli Muzakarah mencadangkan supaya JKSM mengadakan bengkel berkenaan borang-borang yang tidak diwartakan dalam kes jenayah Syariah. Setakat ini banyak borang-borang yang digunapakai di mahkamah syariah tidak diselaraskan dan diwartakan sebagai contoh bagi Borang Bon Jamin Penguatkuasa dan Wakalah Peguam Syarie.

**Ketetapan:**

Muzakarah mengambil ketetapan bahawa Bahagian Latihan bersedia untuk menganjurkan bengkel berkenaan borang-borang yang tidak diwartakan dalam kes jenayah Syariah. Bahagian Latihan akan melihat dari segi mekanisma pelaksanaan bengkel tersebut agar ianya dapat mencapai matlamat seperti mana yang dicadangkan.

- 1.5 Ahli Muzakarah membangkitkan soal mengenai apakah perancangan pihak pengurusan dalam merangka hala tuju dan kemajuan kerjaya bagi Pegawai Syariah wanita.

**Ketetapan:**

Muzakarah mengambil ketetapan bahawa JKSM sentiasa berusaha ke arah merealisasikan kewujudan hakim di kalangan pegawai Syariah wanita bersesuaian dengan bilangan Pegawai Syariah wanita yang semakin meningkat di samping prestasi kerja yang sangat baik dan amat memberangsangkan. Walau bagaimanapun, ianya bergantung kepada kesesuaian keadaan.

- 1.6 Ahli Muzakarah membangkitkan soal mengenai dasar yang ditetapkan oleh pengurusan JKSM bagi menentukan tempoh penempatan pegawai kader di sesebuah Jabatan/Kementerian.

**Ketetapan:**

Muzakarah mengambil ketetapan bahawa pihak pengurusan JKSM telahpun menetapkan tempoh penempatan pegawai Syariah (Kader) di sesebuah agensi selama 3 tahun selaras dengan Dasar Pembangunan Sumber Manusia JKSM. Walau bagaimanapun ianya bergantung kepada kesesuaian dan keperluan perkhidmatan.

- 1.7 Ahli Muzakarah memohon supaya JKSM dapat berkongsi maklumat mengenai cadangan pengasingan Bahagian Pendakwaan Syariah Negeri daripada Jabatan Agama Islam Negeri-Negeri.

**Ketetapan:**

Muzakarah dimaklumkan bahawa perkara ini telah dipanjangkan kepada Peguam Negara dan Peguam Negara telah bersetuju supaya perkara ini dipanjangkan kepada JPA.

- 1.8 Ahli Muzakarah mencadangkan supaya pihak mahkamah dapat memastikan laporan penyampaian saman oleh penghantar saman mahkamah dapat disediakan sebelum sebutan kes dan satu salinan laporan tersebut diserahkan kepada Pendakwa Syarie dan Peguam Syarie JBG.

**Ketetapan:**

Muzakarah mengambil maklum mengenai perkara ini dan akan berusaha bagi memastikan laporan penyampaian saman oleh penghantar saman mahkamah dapat disediakan sebelum sebutan kes dan satu salinan laporan tersebut diserahkan kepada Pendakwa Syarie dan Peguam Syarie JBG untuk kelancaran kes di mahkamah.

**Ketetapan Muzakarah Pegawai Syariah di Jabatan Peguam Negara (JPN), Pejabat Penasihat Undang-Undang Negeri (PPUUN), Jabatan Bantuan Guaman (JBG), Jabatan Agama Islam Malaysia (JAIN), Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) dan Kementerian Pembangunan Wanita Keluarga dan Masyarakat (KPWKM)kali ke 17 Bil2/2013**

Tarikh : 7 November 2013  
Tempat : Mahkamah Syariah Wilayah Persekutuan, Putrajaya

Pembentangan kertas cadangan bertajuk “Amalan Pelaksanaan Saman Penghutang Penghakiman di Negeri-negeri Seluruh Malaysia : Isu dan Penyelesaian”

Muzakarah sebulat suara menerima kertas cadangan ini dengan dibuat beberapa penambahbaikan dari segi tatacara pelaksanaan SPP di Mahkamah-Mahkamah Syariah Seluruh Malaysia.

Ahli Muzakarah juga mencadangkan supaya dibuat satu penyelarasan dari segi tatacara pelaksanaan SPP di Mahkamah-Mahkamah Syariah Seluruh Malaysia kerana setakat ini amalannya adalah berbeza-beza bagi setiap negeri.

**Ketetapan :**

Muzakarah mengambil ketetapan supaya JKSM perlu membuat penyelarasan/penyeragaman berkenaan tatacara pelaksanaan SPP sama ada mewujudkan satu Arahan Amalan atau apa medium sekalipun agar dapat diamalkan secara seragam di setiap Mahkamah Syariah Negeri-Negeri.

**Ketetapan Muzakarah Hakim Syarie Negeri Perkhidmatan Gunasama Zon Utara kali ke 18 Bil 1/2013**

Tarikh : 27 – 28 Mac 2013  
Tempat : Hotel Flamingo Pulau Pinang

**ISU-ISU DAN KETETAPAN MUZAKARAH**

**1.0 Pengesahan Nikah Poligami**

- 1.1 Ahli Muzakarah membangkitkan isu mengenai pengesahan Nikah Poligami iaitu sama ada isteri sedia ada perlu dinamakan sebagai Responden.

**Ketetapan:**

Muzakarah mengambil ketetapan bahawa Isteri pertama tidak perlu dinamakan sebagai Responden. Walau bagaimanapun, isteri pertama boleh mengemukakan permohonan untuk mencelah atau apa-apa permohonan berbangkit daripada poligami tersebut. Mahkamah mengikut budi bicaranya boleh memanggil mana-mana pihak termasuk isteri pertama atau Pendaftar Nikah Cerai dan Rujuk (PNCR) untuk memberi keterangan sekiranya difikirkan perlu.

- 1.2 Ahli Muzakarah membangkitkan isu mengenai suami yang enggan mendaftarkan pernikahan dengan isteri kedua. Dalam situasi tersebut, adakah isteri kedua boleh memfailkan permohonan tersebut dan menamakan isteri pertama sebagai Responden.

**Ketetapan:**

Muzakarah mengambil ketetapan bahawa isteri kedua boleh memfailkan permohonan untuk mendaftarkan pernikahan walaupun tanpa persetujuan suami dan isteri pertama tidak boleh dinamakan sebagai Responden. Sungguhpun begitu, isteri pertama boleh mengemukakan permohonan untuk mencelah atau apa-apa permohonan berbangkit daripada poligami tersebut.

- 1.3 Ahli Muzakarah membangkitkan isu mengenai penentuan bidangkuasa Mahkamah bagi lelaki yang telah bernikah kali kedua dalam keadaan telah bercerai dengan isteri pertama dan telah



tamat tempoh eddah.

**Ketetapan:**

Muzakarah mengambil ketetapan bahawa pengesahan nikah hendaklah dibuat di Mahkamah Rendah Syariah.

## 2.0 Pentaksiran Kos

2.1 Ahli Muzakarah membangkitkan isu mengenai pentaksiran kos ke atas tindakan pihak-pihak yang melengah-lengahkan prosiding dan menimbulkan isu-isu remeh dalam permohonan interlokutori dan sebagainya.

**Ketetapan:**

Muzakarah mengambil ketetapan bahawa pentaksiran kos tersebut adalah tertakluk kepada budi bicara hakim itu sendiri selain daripada membuat rujukan kepada Kaedah-Kaedah Fi dan Kos yang telah di wartakan di Negeri-Negeri lain.

## 3.0 Permohonan Wali Hakim

Ahli Muzakarah membangkitkan isu mengenai situasi di mana A memohon wali hakim atas alasan beliau adalah anak tak sah taraf. A dilahirkan setelah ibu dan bapa A bercerai dengan talaq tiga dan tidak mendapatkan pengesahan cerai daripada Mahkamah. Ibu A bernikah dengan lelaki lain secara nikah muhallil dan kemudiannya bernikah semula dengan bapa A. Seterusnya, ibu dan bapa A bercerai secara ta'liq dan disahkan Mahkamah. Isunya sama ada kuasa semakan masih wujud dalam keadaan fakta terdahulu berkenaan perceraian talaq tiga dan seterusnya nikah muhallil disembunyikan.

Ketetapan:

Muzakarah mengambil ketetapan bahawa kajian lanjut mengenai isu ini akan dijalankan oleh Bahagian Dasar dan Penyelidikan (BDP) JKSM.

## 4.0 Pemegang Amanah

4.1 Ahli Muzakarah membangkitkan isu mengenai sama ada Mahkamah Syariah berbidangkuasa dalam memutuskan hal berkaitan pemegang amanah.

Ketetapan:

Muzakarah mengambil ketetapan bahawa Mahkamah Syariah berbidangkuasa terhadap penentuan pemegang amanah.

## 5.0 Perintah Mahkamah

5.1 Ahli Muzakarah membangkitkan isu mengenai situasi berikut :

A dan B bercerai dan telah direkodkan persetujuan bagi harta sepencarian, nafkah diri, dan sebagainya sebagai perintah dan seterusnya pihak-pihak telah rujuk semula sebagai suami isteri dan bercerai kali kedua. Isu yang berbangit adalah sama ada Perintah terdahulu terbatal atau masih berkuatkuasa dan boleh dilaksanakan.

**Ketetapan:**





Muzakarah mengambil ketetapan bahawa Perintah terdahulu masih lagi terpakai selagi mana ia tidak dibatalkan oleh mahkamah atas permohonan mana-mana pihak.

## 6.0 Wakalah

6.1 Ahli Muzakarah membangkitkan isu mengenai sama ada Notis Penarikan Diri sebagai Peguam Syarie perlu didengar dan mendapat kebenaran daripada Mahkamah.

### **Ketetapan:**

Muzakarah mengambil ketetapan bahawa penarikan diri sebagai peguam Syarie perlu didengar dan mendapat kebenaran daripada mahkamah yang berbidangkuasa.

6.2 Ahli Muzakarah juga membangkitkan isu mengenai lafaz wakalah yang menyebut bahawa "berhubungan dengannya", sejauhmanakah kesahan (validity) wakalah tersebut untuk diterimapakai? (Ruj : Arahan Amalan 2/2004)

### **Ketetapan:**

Muzakarah mengambil ketetapan bahawa Arahan Amalan bil 2/2004 hendaklah disemak semula.

## 7.0 Perbicaraan Kes Jenayah

7.1 Ahli Muzakarah membangkitkan isu mengenai dokumen-dokumen yang boleh dibekalkan kepada pihak pembelaan (penzahiran dokumen daripada pihak pendakwaan kepada pembelaan dalam suatu perbicaraan jenayah).

### **Ketetapan:**

Muzakarah mengambil ketetapan isu-isu yang dibangkitkan ini hendaklah dibengkelkan.

## 8.0 Wali Hakim

8.1 Ahli Muzakarah membangkitkan isu mengenai sama ada perintah wali hakim boleh dilaksanakan di negeri lain kerana ia melibatkan isu pentauliah dan diperlukan untuk pengendorsan melalui perintah bersaling terlebih dahulu.

### **Ketetapan:**

Muzakarah mengambil ketetapan bahawa isu ini akan dibincangkan dalam mesyuarat/Persidangan Ketua Pendaftar Nikah Cerai dan Rujuk dan Ketua Pendaftar Mahkamah Syariah seluruh Malaysia.

## 9.0 Faraid

Ahli Muzakarah membangkitkan isu mengenai perkara- perkara berikut :-

- (i) Kod pendaftaran bagi perubahan perintah faraid.
- (ii) Isu permohonan zawil arham.
- (ii) Isu takharuj.

### **Ketetapan:**

Muzakarah mengambil ketetapan bahawa :-

- (i) Bahagian Pendaftaran, Keurusetian dan Rekod mengemukakan cadangan bagi mewujudkan kod bagi perubahan perintah faraid dalam Mesyuarat Ketua-Ketua Hakim Syarie Seluruh Malaysia; dan
- (ii) Bahagian Dasar dan Penyelidikan mengadakan perbincangan lanjut berkenaan permohonan *zawil arham*



## 10.0 Penyelarasan isu-isu dan Ketetapan Muzakarah Hakim Syarie di semua peringkat zon

10.1 Ahli Muzakarah mencadangkan supaya semua isu dan Ketetapan Muzakarah Hakim Syarie di semua peringkat zon yang telah diputuskan sebelum ini dipanjangkan kepada semua Hakim Syarie zon Utara, zon Tengah dan zon Sabah bagi tujuan penyelarasan.

**Ketetapan:**

Cadangan tersebut diterima oleh semua ahli Muzakarah

## 11.0 Muzakarah Hakim-Hakim Syarie SeMalaysia

11.1 Ahli Muzakarah mencadangkan supaya Muzakarah Hakim-Hakim Syarie SeMalaysia diadakan pada setiap tahun.

**Ketetapan :**

Cadangan tersebut akan dibincangkan dengan lebih lanjut oleh pihak Jabatan sebelum keputusan yang muktamad mengenainya dapat diputuskan.

### **Ketetapan Muzakarah Hakim Syarie Negeri Perkhidmatan Gunasama Zon Sabah Kali ke 19 Bil 2/2013**

Tarikh : 17 - 18 Jun 2013  
Tempat : Hotel Marco Polo, Tawau, Sabah

#### **ISU-ISU DAN KETETAPAN MUZAKARAH**

- 1) Ahli Muzakarah membangkitkan isu mengenai sama ada Pengesahan (*endorsement*) Perjanjian Penyelesaian yang mana salah satu pihak tidak dapat hadir bagi tujuan tersebut di hadapan Hakim. Kaedah pengesahan Perjanjian Penyelesaian tersebut dibuat samada melalui Affidavit Keterangan atau Akuan Berkanun atau hadir di hadapan mana-mana Hakim di negeri lain atau mewakilkan dengan Peguam Syarie. Ahli Muzakarah mengemukakan cadangan untuk meminda Arahan Amalan yang memerlukan kehadiran kedua-dua pihak semasa endorsement dibuat.

**Ketetapan:**

Muzakarah mengambil ketetapan supaya mewujudkan satu Arahan Amalan yang berkaitan dengan pengesahan (*endorsement*) Perjanjian Penyelesaian yang mana salah satu pihak tidak dapat hadir bagi tujuan tersebut di hadapan Hakim.

- 2) Ahli muzakarah membangkitkan isu pengesahan (*endorsement*) Perjanjian Penyelesaian pada hari yang sama semasa persetujuan ditandatangani di hadapan Pegawai Sulh. Ahli muzakarah turut mencadangkan supaya mewujudkan Arahan Amalan berhubung dengan isu penggunaan affidavit bagi pihak yang bersetuju dengan perjanjian tersebut tetapi tidak dapat hadir ke mahkamah untuk menyatakan persetujuan atau pun memadai dengan kehadiran peguam syarie bagi menyatakan persetujuan tersebut. Walau bagaimanapun hakim perlu berhati-hati dalam penerimaan affidavit tersebut agar tidak disalahgunakan oleh sesetengah pihak. Misalannya affidavit tersebut hendaklah diikrarkan di hadapan hakim mahkamah syariah di mana tempat pihak tersebut bermastautin. Begitu juga jika pihak tersebut berada di luar negara maka hendaklah diikrarkan di hadapan pegawai kedutaan atau konsulat.

**Ketetapan:**

Muzakarah mengambil ketetapan bahawa '*endorsement*' atau Persetujuan Perjanjian dalam Majlis Sulh mesti dibuat di hadapan hakim pada hari yang sama (serta-merta).

### **Ketetapan Muzakarah Ketua Hakim Syarie Negeri Perkhidmatan Gunasama (Zon Tengah) Bil. 3/2013**

Tarikh : 31 Oktober 2013  
Tempat : Bilik Persidangan, Mahkamah Syariah Putrajaya

## ISU-ISU DAN KETETAPAN MUZAKARAH

### 1.0 Mut'aah selepas berlaku talaq

- 1.1 Ahli muzakarah membangkitkan isu berkaitan dengan keadaan isteri yang memilih untuk diceraikan melalui talaq tidak wajib mendapat mut'aah. Muzakarah juga membincangkan mengenai kadar mut'aah yang perlu dibayar oleh pihak suami selepas berlaku talaq dan waktu dibolehkan tuntutan mut'aah apabila isteri telah bersetuju untuk meng'ibra'kan mut'aah sebelum dan selepas lafaz talaq.

**Ketetapan:**

Ahli Muzakarah bersetuju supaya penyelesaian dibuat dengan dua cara iaitu:

- (i) penyelesaian secara jangka panjang dengan menubuhkan suatu Jawatankuasa yang dianggotai oleh ahli dan pakar yang terdiri dari profesional dan ahli akademik dan seterusnya satu Kertas Konsep perlu dibuat untuk dibentangkan di dalam mesyuarat Jawatankuasa berkenaan.
  
- (ii) penyelesaian secara jangka pendek dengan hakim membuat keputusan seperti mana biasa yang memerlukan ijtihad hakim.

### 2.0 Menceraikan isteri dalam keadaan haid dengan persetujuan bersama

- 2.1 Ahli muzakarah membangkitkan isu mengenai menceraikan isteri dalam keadaan haid dengan persetujuan bersama dibolehkan dari sudut syara' dan merupakan bukan talaq 'bid'ie'.

**Ketetapan:**

Ahli Muzakarah bersetuju supaya penyelesaian dibuat dengan dua cara iaitu:

- (i) penyelesaian secara jangka panjang dengan menubuhkan suatu Jawatankuasa yang dianggotai oleh ahli dan pakar yang terdiri dari profesional dan ahli akademik dan seterusnya satu Kertas Konsep perlu dibuat untuk dibentangkan di dalam mesyuarat Jawatankuasa berkenaan.
  
- (ii) penyelesaian secara jangka pendek dengan hakim membuat keputusan seperti mana biasa yang memerlukan ijtihad hakim.

### 3.0 Ganti rugi perkahwinan

- 3.1 Ahli muzakarah membangkitkan isu mengenai ganti rugi perkahwinan yang boleh dituntut oleh pihak-pihak yang terlibat kerana di negara Jordan, suami yang menceraikan isterinya tanpa sebab adalah boleh dituntut ganti rugi perkahwinan oleh pihak isteri.

**Ketetapan:**

Ahli muzakarah bersetuju supaya pihak Bahagian Dasar dan Penyelidikan (BDP) JKSM membuat satu kertas kajian berhubung dengan ganti rugi perkahwinan dan JKSM disarankan untuk mewujudkan satu garis panduan berhubung dengan ganti rugi perkahwinan untuk membantu pihak mahkamah membuat keputusan.

## SEKSYEN KEURUSETIAAN (KUALITI MS ISO DAN AMALAN 5S JKSM)

Sepanjang tahun 2013, Seksyen keurusetiaan (kualiti MS ISO dan Amalan 5S) telah berjaya melaksanakan program seperti berikut:

BIL.	AKTIVITI	TARIKH CADANGAN	TARIKH PELAKSANAAN	CATATAN
1	Mesyuarat Penyelarasan Jawatankuasa Bersama Ketua-Ketua Zon Amalan 5S Bil.1/2013	8/1/2013	8/1/2013	Berjaya dilaksanakan
2	Audit Dalam 5S Bil.1/2013	21-23/1/2013	21-23/1/2013	Berjaya dilaksanakan.
3	Mesyuarat Hari Inovasi Mahkamah Syariah Seluruh Malaysia Bil.1/2013	6/2/2013	6/2/2013	Berjaya dilaksanakan
4	Mesyuarat Jawatankuasa Penyelarasan MS ISO 9001 : 2008 Bil.1/2013	8/1/2013	8/1/2013	Berjaya dilaksanakan
5	Kursus Audit Dalam MS ISO 9001 : 2008	4-6/2/2013	4-6/2/2013	Berjaya dilaksanakan
6	Mesyuarat JK Pemantauan Arahan Amalan Bil.1/2013	5/2/2013	7/2/2013	Mesyuarat dipinda ke tarikh lain
7	Pelaksanaan Audit Dalam MS ISO 9001 : 2008	18-20/2/2013	18-25/2/2013	Dilanjutkan kerana pertindahan program
8	Pra Mesyuarat Kajian Semula Pengurusan	8/3/2013	8/3/2013	Berjaya dilaksanakan
9	Mesyuarat Pasukan Kualiti Bil.1/2013	15/3/2013	15/3/2013	Berjaya dilaksanakan
10	Mesyuarat Kajian Semula Pengurusan (MKSP)	19/3/2013	23/5/2013	Dipinda kerana kekangan waktu
11	Bengkel Penyelarasan MS ISO 9001 : 2008 Mahkamah Syariah Seluruh Malaysia	25 – 27/3/2013	25 – 27/3/2013	Berjaya dilaksanakan
12	Kursus Audit Dalam 5S	1-2/4/2013	1-2/4/2013	Berjaya dilaksanakan
13	Makmal Semakan Dokumen MS ISO 9001 : 2008	3 – 5 /4/2013	4 – 6/4/2013	Dipinda satu hari dari tarikh perancangan
14	Mesyuarat Penyelarasan Jawatankuasa Bersama Ketua-Ketua Zon Amalan 5S Bil.2/2013	9/4/2013	9/4/2013	Berjaya dilaksanakan
15	Audit Dalam 5S Bil.2/2013	9 – 11/4/2013	9 – 11/4/2013	Berjaya dilaksanakan
16	Mesyuarat Hari Inovasi Mahkamah Syariah Seluruh Malaysia Bil.2/2013	18/4/2013	18/4/2013	Berjaya dilaksanakan
17	Taklimat Keselamatan 5S oleh Jabatan Bomba Malaysia	19/4/2013	10/5/2013	Taklimat dipinda ke tarikh lain
18	Bengkel Pemahaman Tindakan Pencegahan dan Pembedulan ISO	3-5/3/2013	01-02/7/2013	Bengkel telah dipinda ke tarikh lain
19	Mesyuarat Hari Inovasi Mahkamah Syariah Seluruh Malaysia Bil.3/2013 & Bil.4/2013	23/7/2013	23/7/2013 & 1/8/2013	Berjaya dilaksanakan
20	Lawatan Jawatankuasa Amalan 5S Jabatan Bantuan Guaman Putrajaya ke JKSM	-	25/7/2013	Berjaya dilaksanakan
21	Mesyuarat JK Pemantauan Arahan Amalan Bil.2/2013	31/7/2013	31/7/2013	Berjaya dilaksanakan
22	Hari Inovasi Mahkamah Syariah Seluruh Malaysia Tahun 2013	12/12/2013	20/8/2013	Berjaya dilaksanakan
23	Bengkel Pemahaman Dokumen ISO 9001 : 2008	18-20/9/2013	18-20/9/2013	Berjaya dilaksanakan
24	Audit Pemantauan Pematuhan ISO 9001 : 2008	30/9/2013	1/10/2013	Dipinda satu hari dari tarikh perancangan
25	Audit Dalam 5S Bil.3 & Bil.4/2013	22-23/8/2012	24/10/2013 & 31/10/2013	Audit dipinda ke tarikh lain
26	Mesyuarat Persediaan Audit 5s MAMPU	-	28/10/2013	Berjaya dilaksanakan
27	Ceramah 5s	-	1/11/2013	Berjaya dilaksanakan
28	Lawatan Ke Jabatan Kastam WPKL	-	28/11/2013	Berjaya dilaksanakan
29	Audit Pensijilan Semula 5S oleh MAMPU	20/11/2013	5/12/2013	Audit dipinda ke tarikh lain

### Laporan aktiviti amalan 5S JKSM Tahun 2013

Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia (JKSM) telah dilaksanakan bermula pada 13 Mei 2010 dan telah mendapat sijil pengiktirafan daripada Malaysia Produktiviti Corporation (MPC) pada 24 November 2010. Sepanjang pelaksanaan tersebut sehingga sekarang, banyak penambahbaikan telah dilakukan bagi mengekalkan amalan 5S di JKSM. Terdapat tiga (3) jawatankuasa yang bertanggungjawab dalam melaksanakan Amalan 5S Jabatan iaitu Jawatankuasa Audit Dalam 5S, Jawatankuasa Latihan 5S dan Jawatankuasa Promosi 5S

#### A) Laporan Jawatankuasa Audit 5S

- Peranan Jawatankuasa Audit Dalam MS ISO 9001:2008 adalah bagi memantau tahap penyampaian perkhidmatan, terdapat usaha-usaha untuk memantapkan pengurusan pejabat melalui pengenalan Amalan 5S dengan merujuk kepada pengurusan persekitaran tempat kerja yang lebih seragam, kondusif dan sistematik.
- Antara objektif yang ingin dicapai oleh Jabatan ini adalah seperti berikut :
  1. Memastikan produktiviti pekerja meningkat;
  2. Melahirkan warga JKSM yang berdisiplin dan sentiasa bermotivasi;
  3. Mewujudkan persekitaran kerja yang bersih, selesa, sistematik dan kondusif;
  4. Mengamalkan langkah-langkah penjimatan dalam pengurusan; dan
  5. Memastikan anggota saling bantu membantu dan bekerjasama.
- Seramai lebih kurang 30 orang pegawai dan kakitangan di JKSM telah dilantik sebagai Juruaudit Dalam Amalan Persekitaran 5S yang diketuai oleh Tuan Mohd Khairul Hamiz bin Hussin. Kesemua juruaudit telah mendapat latihan melalui program Kursus Audit Dalam Amalan Persekitaran 5S yang telah diadakan pada 1 hingga 2 April 2013 bertempat di Bilik Mesyuarat Utama, Aras3 JKSM.
- Antara tanggungjawab jawatankuasa ini adalah seperti berikut :
  - i. Menyediakan kriteria audit dalaman 5S.
  - ii. Menentukan kekerapan aktiviti audit dalaman 5S.
  - iii. Menyediakan laporan dan analisis keputusan audit dalaman 5S.
  - iv. Menyemak kriteria audit dalaman 5S dari semasa ke semasa mengikut keperluan.
- Pada tahun 2013, Jawatankuasa Audit Dalam 5S telah menjalankan auditan sebanyak 4 kali iaitu pada 21 hingga 23 Januari 2013, 9 hingga 11 April 2013, 24 Oktober 2013 dan 31 Oktober 2013. Auditan dilaksanakan dengan mengambil kira kriteria Audit yang telah ditetapkan oleh pihak MAMPU.

#### B) Laporan Jawatankuasa Latihan 5S

- Jawatankuasa Latihan 5S ini diketuai oleh Puan Noridah binti Mohamed Noor dan dibantu oleh beberapa ahli jawatankuasa yang lain.
- Antara tanggungjawab jawatankuasa ini adalah seperti berikut :
  - i. Menyediakan pelan pelaksanaan aktiviti latihan bagi memupuk amalan 5S kepada semua warga kerja dalam organisasi.
  - ii. Mengenalpasti jenis latihan yang diperlukan dari masa ke semasa bagi mengukuhkan aktiviti Amalan 5S.
  - iii. Menyelaras dan memastikan setiap warga kerja diberikan latihan 5S secukupnya.
  - iv. Menyediakan laporan terhadap penilaian latihan dan lawatan 5S yang telah dijalankan.



- Terdapat beberapa aktiviti yang telah dijalankan oleh Jawatankuasa Latihan 5S iaitu Kursus Audit Dalam Amalan 5S, Lawatan Penanda Aras ke Jabatan Kastam Wilayah Persekutuan Kelana Jaya, Hari Inovasi Mahkamah Syariah Seluruh Malaysia dan sebagainya.

*Lawatan Ke Jabatan Kastam Diraja Malaysia Wilayah Persekutuan Kelana Jaya*



### C) Laporan Jawatankuasa Promosi 5S.

- Jawatankuasa Promosi 5S ini diketuai oleh En. Ridzuan bin Aziz dan dibantu oleh beberapa ahli jawatankuasa yang lain.
- Antara tanggungjawab jawatankuasa ini adalah seperti berikut :
  - i. Menyediakan pelan pelaksanaan aktiviti promosi 5S.
  - ii. Mengenalpasti aktiviti/kempen promosi bagi memupuk kesedaran penyertaan bagi menjayakan pelaksanaan Amalan 5S.
  - iii. Menganalisis keberkesanan aktiviti promosi yang telah dilaksanakan.
  - iv. Melaporkan status pelaksanaan aktiviti dan tahap kesedaran 5S di kalangan warga.
- Terdapat beberapa aktiviti yang telah dijalankan oleh Jawatankuasa Promosi antaranya ialah menyediakan pelan pelaksanaan aktiviti promosi 5s, menjalankan spot test question ke atas warga JKSM bagi memupuk kesedaran dalam menjayakan amalan persekitaran 5S Jabatan, menyediakan laporan pelaksanaan aktiviti 5S di Jabatan dan sebagainya.
- Secara keseluruhannya Amalan Persekitaran 5S di Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia ini masih berada dalam keadaan baik dan warga Jabatan sentiasa memberikan komitmen bagi memastikan pengurusan persekitaran tempat kerja di Jabatan ini yang lebih seragam, kondusif dan sistematik

*Lawatan 5S daripada Jabatan Bantuan Guaman, Wilayah Persekutuan Putrajaya*



**ii) Laporan aktiviti MS ISO 9001:2008 JKSM tahun 2013**

Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia (JKSM) telah memperoleh sijil MS ISO 9001:2008 yang diiktiraf oleh SIRIM QAS International Sdn. Bhd. Terdapat empat (4) jawatankuasa yang bertanggungjawab dalam melaksanakan ISO Jabatan iaitu Jawatankuasa Audit Dalam ISO, Pasukan Kualiti, Pasukan Dokumentasi dan Jawatankuasa Pemantauan Pematuhan Arahan Amalan.

**A) Laporan Jawatankuasa Audit Dalam MS ISO 9001:2008**

- Peranan Jawatankuasa Audit Dalam MS ISO 9001:2008 adalah bagi memantau Sistem Pengurusan Kualiti Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia (JKSM) dalam mematuhi proses kerja yang telah didokumentasikan untuk memenuhi kehendak Standard MS ISO 9001:2008 selari dengan kehendak undang-undang, Arahan-arahan Amalan, Pekeliling-pekeliing, Arahan-arahan Perbendaharaan dan panduan-panduan lain yang telah ditetapkan.
- Seramai 28 orang pegawai gred 41-48 di JKSM telah dilantik sebagai Juruaudit Dalam MS ISO 9001:2008 yang diketuai oleh Puan Laila Busyra binti Hasan selaku Ketua Audit Dalam, JKSM. Kesemua juruaudit telah mendapat latihan melalui program Kursus Audit Dalam yang telah diadakan pada 4hb -6hb Januari 2013 bertempat di Mahkamah Syariah Wilayah Persekutuan Putrajaya.
- Audit Dalam MS ISO 9001:2008 telah diadakan pada 18 hingga 25 Februari 2013. Audit hanya dijalankan pada rekod-rekod jabatan sepanjang bulan Ogos 2012 sehingga akhir Disember 2012.
- Berdasarkan Audit Dalam yang dijalankan, setelah mengambil kira perbincangan dan audit bersilang di kalangan Pasukan Audit Dalam, dirumuskan penemuan-penemuan adalah seperti berikut:

- a) NCR (major) : 0
- b) NCR (minor) : 7
- c) Pemerhatian (OFI) : 9

- Peningkatan kesedaran dan kefahaman dikalangan warga JKSM berkaitan dokumen kualiti dapat dilihat daripada perbandingan ketakakuran dan pemerhatian di bawah :

Tahun	2009	2010	2011	2012	2013
NCR	8	3	10	7	7
OFI	10	24	36	18	9

- Secara keseluruhannya pihak JKSM telah memberikan komitmen dalam mematuhi prosedur kualiti seperti yang ditetapkan oleh Sistem Kualiti MS ISO 9001:2008. Walau bagaimanapun pasukan audit berpendapat bahawa pematuhan kepada prosedur ini boleh dipertingkatkan lagi dengan kerjasama semua pegawai dan kakitangan JKSM di semua Bahagian.

**B) Laporan Jawatankuasa Pasukan Kualiti**

- Pasukan Kualiti JKSM ini dianggotai oleh seramai 7 orang Pegawai Kualiti Bahagian dan 4 orang urus setia. Pasukan Kualiti ini telah diketuai oleh Tuan Abu Bakar bin Mohd Daud.
- Terdapat beberapa aktiviti yang telah dijalankan antaranya ialah Makmal Mesyuarat Kajian Semula Pengurusan, Bacaan dokumen ISO kepada warga kerja JKSM di Bahagian masing-masing, Bengkel Pemahaman Dokumen ISO dan sebagainya.
- Jawatankuasa Pasukan Kualiti juga bertanggungjawab dalam membuat analisa penemuan ketakakuran oleh Pasukan Audit Dalam dan Juruaudit SIRIM serta mengenalpasti Tindakan pencegahan dan pembetulan yang telah dilaksanakan oleh auditee.
- Berikut adalah laporan analisa Tindakan Pembetulan :

## 1. Hasil Audit SIRIM QAS International Sdn. Bhd

BIL	BAHAGIAN	JUMLAH NCR DIPEROLEHI	JUMLAH NCR DITUTUP		JUMLAH NCR TIDAK DITUTUP	
			BIL.	%	BIL.	%
1	BPKR	1	1	100	0	0
2	BKPSM	1	1	100	0	0
3	UKK	1	1	100	0	0
JUMLAH		3	3	100	0	0

Jadual 1: Bilangan NCR (SIRIM) dan statusnya mengikut bahagian.

Laporan ini menunjukkan hasil penemuan Audit SIRIM QAS Sdn. Bhd. Hasil Audit mendapati Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia (JKSM) telah menerima tiga (3) Ketakakuran Kecil (Minor NCR) sahaja. Berikut adalah laporan Ketakakuran mengikut bahagian berdasarkan Audit SIRIM 2012.

Berdasarkan Rajah di atas, terdapat tiga (3) ketakakuran yang dijumpai iaitu di BPKR, BKPSM dan UKK. Ketiga-tiga bahagian telah berjaya melaksanakan tindakan pembetulan terhadap NCR tersebut dalam tempoh 14 hari sebagaimana yang ditetapkan oleh pihak Audit SIRIM.

## 2) Hasil Audit Dalam Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia

Laporan ini menunjukkan analisa hasil penemuan Audit Dalam JKSM yang dijalankan pada 18 - 25 Februari 2013. Sungguhpun Audit Dalam diadakan pada Februari tahun ini (2013) tetapi penilaian tahap kepatuhan yang diaudit adalah berdasarkan rekod kerja jabatan pada tahun 2012 (Ogos – Disember), oleh itu adalah wajar susulan penemuan Audit Dalam ini dijadikan input kepada Laporan Status Tindakan Pembetulan dan Tindakan Pencegahan dibentangkan dalam Mesyuarat Kajian Semula Pengurusan kali ini. Hasil penemuan Audit Dalam Jabatan, sebanyak 8 Ketakakuran Kecil (Minor NCR) ditemui. Laporan ketakakuran mengikut bahagian adalah sebagaimana berikut:

BIL	BAHAGIAN	JUMLAH NCR DIPEROLEHI	JUMLAH NCR DITUTUP		JUMLAH NCR TIDAK DITUTUP	
			BIL.	%	BIL.	%
1	BPKR	5	5	100	0	0
2	BKPSM	1	1	100	0	0
3	BPSMP	2	2	100	0	0
JUMLAH		8	8	100%	0	0

Jadual 2 : Bilangan NCR (Audit Dalam) dan statusnya mengikut bahagian

Jadual di atas menunjukkan Bahagian mana dalam Jabatan ini yang mendapat Ketakakuran(NCR) dari hasil Audit Dalam dan tindakan susulan yang telah dilakukan selepas menerima NCR tersebut.

Berdasarkan jadual diatas, didapati 3 dari 7 Bahagian di Jabatan ini telah menerima NCR tahun ini. Ketiga-tiga bahagian yang menerima NCR telah berjaya dilaksanakan dalam tempoh 14 hari sebagaimana yang ditetapkan oleh Audit SIRIM.

Kesimpulannya, analisis ini membuktikan bahawa JKSM telah berjaya melaksanakan tindakan pembetulan dengan baik apabila sebanyak 100% tindakan pembetulan telah dilaksanakan. Kejayaan ini adalah hasil komitmen padu seluruh warga JKSM menjayakan sistem pengurusan kualiti.

- Berikut adalah laporan analisa tindakan pencegahan :

### 1. Hasil Audit SIRIM QAS International Sdn. Bhd

Hasil Auditan pihak SIRIM QAS International Sdn. Bhd. telah mencadangkan 7 peluang penambahbaikan atau cadangan penambahbaikan untuk pihak Jabatan mengemaskan pelaksanaan sistem penyampaian sedia ada.

Jadual di bawah menjelaskan Bahagian mana di Jabatan ini menerima cadangan penambahbaikan dan status tindakan pencegahan yang telah diambil berdasarkan cadangan tersebut.

Bil	Bahagian	Jumlah OFI diperolehi	Status Tindakan			
			Selesai		Belum Selesai	
			Bil.	Peratus	Bil.	Peratus
1	BPKR	4	4	100	0	0
2	BDP	1	1	100	1	0
3	BL	1	1	100	0	0
4	Audit Dalam	1	1	100	0	0
5	UKK	1	1	100	0	0
<b>JUMLAH</b>		<b>7</b>	<b>7</b>	<b>100</b>	<b>0</b>	<b>0</b>

BPKR menerima 5 cadangan penambahbaikan, manakala BDP, BL, Audit Dalam dan Unit Komunikasi dan Korporat (UKK) masing-masing menerima satu cadangan penambahbaikan. Jadual di atas juga menjelaskan JKSM telah berjaya mengambil tindakan terbaik dan cemerlang apabila kesemua cadangan penambahbaikan telah diambil tindakan dan selesai direkodkan.

### 2. Hasil Audit Dalam Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia

Laporan ini menterjemahkan hasil dapatan Audit Dalam JKSM yang dijalankan pada 18 hingga 25 Julai 2013 terhadap cadangan Penambahbaikan (OFI-Opportunity For Improvement). Berdasarkan Laporan Tindakan Pencegahan yang disediakan oleh semua Bahagian di Jabatan ini sebanyak 9 Peluang Penambahbaikan yang dicatatkan dalam Laporan Tindakan Pencegahan. Berikut adalah laporan Tindakan Pencegahan mengikut Bahagian.

Bil	Bahagian	Jumlah OFI diperolehi	Status Tindakan			
			Selesai		Belum Selesai	
			Bil.	Peratus	Bil.	Peratus
1	BKPSM	1	0	0 %	1	100 %
2	BPKR	6	6	100 %	0	0 %
3	BDP	1	1	100 %	0	0 %
4	BL	1	1	100 %	0	0 %
<b>JUMLAH</b>		<b>9</b>	<b>8</b>	<b>88.9 %</b>	<b>1</b>	<b>11.1 %</b>

Rajah 3: Bilangan Peluang Penambahbaikkkan dan statusnya mengikut Bahagian.

Berdasarkan rajah di atas BPKR menerima Cadangan Penambahbaikan terbanyak iaitu sebanyak 6 OFI. Walau bagaimanapun BPKR telah berjaya mengambil Tindakan Pencegahan ke atas 6 OFI sebelum audit susulan iaitu sebanyak 88.9 % Tindakan Pencegahan daripada OFI yang diterima.

Seterusnya BDP dan BL masing-masing telah menerima 1 OFI dan Berjaya dilaksanakan. Manakala BKPSM telah menerima 1 OFI namun masih belum selesai merekodkan Tindakan Pencegahan.



Kesimpulannya, analisis ini membuktikan JKSM telah berjaya melaksanakan tindakan pencegahan dengan baiknya apabila 88.9 % tindakan pencegahan telah dilaksanakan, walau bagaimana pun sebahagian lagi tindakan pencegahan yang masih dalam tindakan iaitu sebanyak 11.1% sahaja. Kejayaan ini adalah hasil komitmen padu seluruh warga JKSM menjayakan sistem pengurusan kualiti.

#### C) Laporan Jawatankuasa Pasukan Dokumentasi ISO

- Pasukan Kualiti JKSM ini dianggotai oleh seramai 7 orang Pengurus Dokumen Bahagian dan 4 orang urus setia. Pasukan Dokumentasi ini telah diketuai oleh Tuan Mohd Tajudin Saifullah bin Abdul Wahab.
- Terdapat beberapa aktiviti yang telah dijalankan oleh Pasukan Dokumentasi antaranya ialah Makmal Semakan Dokumen MS ISO 9001:2008, pemurnian dokumen ISO dan sebagainya.
- Makmal Semakan Dokumen MS ISO 9001:2008 tahun 2013 telah diadakan di Selesa Resort, Bukit Tinggi, Pahang pada 4 hingga 6 Mac 2013. Makmal ini telah dihadiri oleh seorang fasilitator, Pegawai Kanan (Pengurusan), Pegawai Kanan (Kehakiman), Pengarah-pengarah Bahagian, Pegawai Kualiti Bahagian, Pasukan Dokumentasi dan urus setia ISO.
- Tujuan Makmal Semakan Dokumen ISO ini diadakan mengemas kini dokumen kualiti terhadap Sistem Pengurusan Kualiti MS ISO 9001:2008 jabatan selaras dengan cadangan yang telah disyorkan oleh SIRIM QAS International Sdn Berhad melalui Pemantauan Pensijilan Semula yang telah dijalankan pada 20 November 2011 sepertimana arahan yang telah dikeluarkan melalui Surat Pekeliling Kemajuan Pentadbiran Awam (SPKPA) Bil.2 tahun 2002.



Gambar : Makmal Semakan Dokumen Kualiti MS ISO 9001 : 2008, 4 hingga 6 April 2013

#### D) Laporan Jawatankuasa Pemantauan Pematuhan Arahan Amalan

- Jawatankuasa Pemantauan Pematuhan Arahan Amalan (JKPPAA) telah diwujudkan bagi melaksanakan keperluan dokumentasi yang telah ditetapkan di dalam pelaksanaan Sistem Pengurusan Kualiti (SPK) MS ISO 9001:2008 Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia (JKSM).
- Jawatankuasa ini dipertanggungjawabkan untuk melaksanakan pemantauan terhadap pemakaian dan pematuhan keseluruhan Arahan Amalan yang telah dikeluarkan oleh JKSM sesuai dengan peranan yang dimainkan oleh JKSM bagi menyelaraskan Sistem Perundangan Islam dan prosedur kehakiman untuk diterima pakai di negeri-negeri.
- Jawatankuasa ini diketuai oleh Tuan Ghazali bin Ahmad dan dianggotai oleh seramai 34 orang pegawai-pegawai Syariah di Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia (JKSM) yang dilantik oleh YAA Ketua Pengarah/ Ketua Hakim Syarie JKSM.
- JKPPAA pada kali ini telah bersetuju untuk menerima pakai kaedah dan format pemantauan sepertimana yang telah dijalankan untuk tahun 2011. Pemantauan pada kali ini adalah bagi keseluruhan Arahan Amalan yang telah dikeluarkan oleh JKSM dari tahun 2000 sehingga tahun 2011. Setiap kumpulan adalah terdiri daripada tiga orang pemantau dan salah seorang daripadanya bertindak sebagai Ketua Pemantau Lokasi.
- Bermula dari tahun 2000 sehingga 2011, sebanyak 136 Arahan Amalan telah dikeluarkan oleh JKSM. Sebanyak 7 Arahan Amalan telah dibatalkan. Oleh yang demikian, sebanyak 129 Arahan Amalan yang telah dipantau di keseluruhan Mahkamah Rayuan Syariah, Mahkamah Tinggi Syariah dan Mahkamah Rendah Syariah terpilih.
- Sistem dan skala pemarkahan dibuat melalui aplikasi Microsoft Excel secara seragam untuk keseluruhan lokasi dengan mengambilkira bilangan Arahan Amalan yang diterima pakai. Markah keseluruhan adalah markah purata di antara 3 lokasi yang dibuat pemantauan. Berikut adalah pemarkahan hasil daripada Pemantauan Pematuhan Arahan Amalan Tahun 2012 seperti berikut :

BIL.	NEGERI	MARKAH
1	WILAYAH PERSEKUTUAN	99.39
2	PERLIS	98.97
3	SELANGOR	98.81
4	NEGERI SEMBILAN	98.72
5	TERENGGANU	97.94
6	PERAK	97.73
7	PULAU PINANG	97.66
8	MELAKA	97.08
9	JOHOR	96.42
10	SARAWAK	95.35
11	SABAH	94.51
12	PAHANG	94.28
13	KEDAH	93.85
14	KELANTAN	93.72

*Secara keseluruhannya jelas menunjukkan peningkatan bagi setiap negeri terhadap pematuhan pemakaian Arahan Amalan yang telah dikeluarkan oleh JKSM.*

## SEKSYEN SULH

- Bertanggungjawab sepenuhnya terhadap aktiviti dan proses kerja Sulh di JKSN/MSN Seluruh Malaysia

### Muzakarah Pegawai Sulh Seluruh Malaysia Kali Ke-6



Pada 5-6 Jun 2013, Seksyen Sulh telah menganjurkan Muzakarah Pegawai Sulh Seluruh Malaysia kali ke-6 bertempat di Hotel Quality, Jalan Raja Laut, Kuala Lumpur yang dirasmikan oleh YBhg. Dato Seri Hj Yusop bin Che Teh selaku Hakim Rayuan, Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia (JKSM). Muzakarah tersebut telah dijayakan oleh semua Pengarah-Pengarah Kanan, Pegawai-Pegawai Sulh seluruh Malaysia dan beberapa orang kakitangan JKSM yang bertindak sebagai urus setia program. Program juga turut disajikan dengan satu slot ceramah yang bertajuk “Komunikasi Berkesan Dalam Menyelesaikan Kes Kekeluargaan” yang disampaikan oleh Prof. Madya Dr. Harlina Halizah Siraj dari PPUKM di mana ceramah tersebut bertujuan memberikan ilmu yang bermanfaat dan pengetahuan yang lebih mendalam kepada semua Pegawai Sulh dalam mengendalikan kes-kes Sulh di negeri masing-masing.

Objektif utama Muzakarah ini diadakan adalah bertujuan untuk :-


- a) Memberi kefahaman dan maklumat kepada Pegawai Sulh berkaitan proses Majlis Sulh bagi memantapkan pengetahuan dan kemahiran peserta dalam menyelesaikan sebarang masalah berkaitan Sulh;
- b) Mendapatkan input, mengenalpasti dan mengkaji kelemahan serta masalah yang dihadapi sewaktu melaksanakan tugas berkaitan Sulh;
- c) Menyelaras dan menyeragamkan segala proses berkaitan Majlis Sulh bagi semua Mahkamah Syariah di seluruh Malaysia dan;
- d) Berperanan sebagai wadah kepada peserta untuk bertukar-tukar pandangan dan fikiran dalam mempertingkatkan kerjaya dan ilmu khususnya dalam profesion Pegawai Syariah.

### 2. Bengkel KPI Menteri 2013

Objektif utama bengkel/mesyuarat ini dianjurkan adalah bertujuan untuk mengenal pasti isu dan masalah yang timbul terhadap kes-kes perceraian yang melebihi tempoh 1 tahun di Mahkamah Syariah Wilayah Persekutuan untuk diselesaikan.

Pada tahun 2013, Bengkel/Mesyuarat Key Performance Indicator (KPI) Menteri telah diadakan sebanyak empat (4) kali iaitu pada 18.2.2013, 10.5.2013, 23.8.2013 dan 25.10.2013. Bengkel/Mesyuarat itu bertujuan untuk mengatur strategi dan menyediakan pelan tindakan yang bersesuaian bagi mengatasi masalah dan isu yang dibangkitkan seterusnya memastikan kes-kes dapat diselesaikan dan memenuhi kehendak KPI YB Menteri.





- Carta menunjukkan bilangan kes dan peratusan bagi kes perceraian yang didaftarkan di Mahkamah Syariah Wilayah Persekutuan sehingga bulan Ogos pada setiap tahun.
- Carta menunjukkan berlaku penurunan pendaftaran kes iaitu sebanyak 49 kes direkodkan pada tahun 2012 manakala sebanyak 46 kes direkodkan pada tahun 2013.
- Secara keseluruhannya, peratusan penyelesaian kes pada tahun 2013 adalah 93% (43/46 kes) berbanding 95.91% (47/49) pada tahun 2012.

**Statistik tahunan kes sulh JKSN/MSN**

**TAHUN 2011**


	BAKI	DAFTAR	KES YANG SELESAI			DALAM PROSIDING
			BERJAYA	GAGAL	TIDAK HADIR	
<b>JUMLAH</b>	883	9012	4802	2225	2004	838

**TAHUN 2012**

	BAKI	DAFTAR	KES YANG SELESAI			DALAM PROSIDING
			BERJAYA	GAGAL	TIDAK HADIR	
<b>JUMLAH</b>	8122	8557	4244	1874	2219	8365

**TAHUN 2013**

	BAKI	DAFTAR	KES YANG SELESAI			DALAM PROSIDING
			BERJAYA	GAGAL	TIDAK HADIR	
<b>JUMLAH</b>	6490	7096	3266	1746	1851	5746



- Jumlah kes yang berjaya didaftarkan sepanjang tahun 2013 adalah sebanyak 13586 kes dan bilangan kes selesai berjumlah 3266 dan ia merangkumi kes-kes yang berbaki pada tahun 2012 sebanyak 6490.
- Secara keseluruhannya, peratusan penyelesaian kes pada tahun 2013 adalah 24.03% (3266 kes) berbanding 25.45% (4244) pada tahun 2012.

### LAIN-LAIN BERKAITAN SEKSYEN SULH SEPANJANG TAHUN 2013

Pada tahun 2013, Seksyen Sulh juga telah berjaya mewujudkan format bagi kulit fail kes Sulh untuk digunapakai di JKSN/MSN (Seperti di lampiran). Kulit Fail Sulh ini telah dicetak dan diedarkan kepada semua JKSN/MSN.

*SULIT*

MAHKAMAH TINGGI SYARIAH.....

KES MAL NO.....

MAJLIS SULH

KES NO.....

ANTARA

PLAINTIF / PEMOHON                      DEFENDAN / RESPONDEN

Nama .....	Nama .....
No. KP .....	No. KP .....
Alamat .....	Alamat .....
No. Tel .....	No. Tel .....

JENIS KES / TUNTUTAN

Bil	Tarikh Sulh	Kehadiran		Status Kes (Tangguh / Perjanjian Penyelesaian / Laporan (Gagal / Berjaya))	Catatan (Alasan Tangguh / Selesai)
		P	D		
1					
2					
3					
4					
5					

KEPUTUSAN SULH : BERJAYA   
 GAGAL   
 TIDAK HADIR

TARIKH DAFTAR :  
 TARIKH SELESAI :

PEGAWAI SULH  
 TANDATANGAN

*SULIT*

*SULIT*

MAHKAMAH RENDAH SYARIAH.....

KES MAL NO.....

MAJLIS SULH

KES NO.....

ANTARA

PLAINTIF / PEMOHON                      DEFENDAN / RESPONDEN

Nama .....	Nama .....
No. KP .....	No. KP .....
Alamat .....	Alamat .....
No. Tel .....	No. Tel .....

JENIS KES / TUNTUTAN

Bil	Tarikh Sulh	Kehadiran		Status Kes (Tangguh / Perjanjian Penyelesaian / Laporan (Gagal / Berjaya))	Catatan (Alasan Tangguh / Selesai)
		P	D		
1					
2					
3					
4					
5					

KEPUTUSAN SULH : BERJAYA   
 GAGAL   
 TIDAK HADIR

TARIKH DAFTAR :  
 TARIKH SELESAI :

PEGAWAI SULH  
 TANDATANGAN

*SULIT*



## SEKSYEN REKOD

### 1. Pengumpulan Alasan Penghakiman JKSN/MSN Seluruh Malaysia

#### PENGUMPULAN ALASAN PENGHAKIMAN TAHUN 2013 (Sehingga 31 Disember 2013)

BIL.	JKSN/MSN	MRS	MTS	MRY	JUMLAH
1	W.PERSEKUTUAN	30	123	26	179
2	SELANGOR	3	69	19	91
3	N.SEMBILAN	112	47	2	161
4	MELAKA	4	19	0	23
5	PERLIS	23	1	0	24
6	P.PINANG	19	8	18	45
7	SABAH	8	8	0	16
8	PAHANG	0	0	0	0
9	KELANTAN	5	3	7	15
10	KEDAH	0	5	0	5
11	TERENGGANU	24	5	2	31
12	PERAK	11	2	0	13
13	JOHOR	1	4	6	11
14	SARAWAK	4	2	0	6
	<b>JUMLAH</b>	<b>244</b>	<b>296</b>	<b>80</b>	<b>620</b>

*Nota :Setakat 31 Disember 2013*

## 2. Statistik Kes Tahun 2013 Bagi JKSN/MSN Seluruh Malaysia

### LAPORAN STATISTIK KES TAHUN 2013

Negeri	MAL 2013				JENAYAH 2013				FARAID 2013			
	Daftar	Selesai Baki	Selesai Daftar	Dalam Prosiding	Daftar	Selesai Baki	Selesai Daftar	Dalam Prosiding	Daftar	Selesai Baki	Selesai Daftar	Dalam Prosiding
Johor	8722	1858	6658	2064	1909	1873	1189	720	1578	100	1331	247
Kedah	5562	855	3311	2251	1256	36	737	519	1319	534	884	435
Kelantan	8394	3654	5025	3369	3033	961	1756	1277	1422	193	1107	315
Melaka	2958	848	2115	843	915	781	421	494	520	36	494	26
Negeri Sembilan	4550	1346	3359	1191	1497	450	943	554	529	69	483	46
Pahang	5400	1454	3873	1527	2196	374	948	1248	955	142	852	103
Perak	5539	2550	3259	2280	1161	885	524	637	966	182	823	143
Perlis	1199	271	652	547	236	42	151	85	393	29	284	109
Pulau Pinang	3168	860	2263	905	1135	645	702	433	1088	181	932	156
Sabah	8363	1714	5856	2507	1183	201	904	279	1798	442	1237	561
Sarawak	4234	450	3296	938	81	50	65	16	89	13	74	15
Selangor	15397	6050	9210	6187	2708	460	1350	1358	1575	296	1057	518
Terengganu	5697	2280	3872	1825	827	437	507	320	938	270	854	84
Wilayah Persekutuan	8055	2083	5506	2549	1202	514	935	267	622	73	529	93

NOTA :

\* Data ini diambil dari sistem SPKMS bermula 1 Januari 2013 Sehingga 31 Disember 2013

### 3. Statistik Pelupusan Rekod JKSN/MSN Seluruh Malaysia

#### AKTIVITI PELUPUSAN REKOD JANUARI – DISEMBER 2013

BIL.	LOKASI (JKSN/MSN)	FAIL MAL	FAIL JENAYAH	FAIL AM	JUMLAH
1.	<b>PULAU PINANG</b>				
	MRS SEBERANG PERAI UTARA	1,487	-	516	2,003
	MRS TIMUR LAUT	886	-	33	919
	MRS SEBERANG PERAI TENGAH	1,338	292	394	2,024
	MRS SEBERANG PERAI SELATAN	312	196	57	565
	MRS BARAT DAYA	862	-	23	885
	MTS PULAU PINANG	503	-	2,347	2,850
2.	<b>PAHANG</b>				
	MRS TEMERLOH	1,174	910	-	2,084
	MRS MARAN	585	302	-	887
	MRS CHENOR	202	-	-	202
	MRS KUALA LIPIS	1,112	838	-	1,950
	MRS CAMERON HIGHLAND	6	17	-	23
	MRS JERANTUT	165	213	-	378
	MRS ROMPIN	84	59	-	143
	MRS KUANTAN	699	2	-	701
MRS BENTONG	143	73	-	216	
3.	<b>SELANGOR</b>				
	MTS – IBU PEJABAT	-	165	257	422
	MRS HULU LANGAT	376	1,825	-	2,201
4.	<b>TERENGGANU</b>				
	MRS KUALA TERENGGANU	-	370	-	370
	MRS MARANG	150	-	18	168
	MRS HULU TERENGGANU	169	-	-	169
	MRS SETIU	114	-	-	114
	MRS DUNGUN	603	161	-	764
MRS BESUT	912	132	-	1,044	

BIL.	LOKASI (JKSN/MSN)	FAIL MAL	FAIL JENAYAH	FAIL AM	JUMLAH
5.	<b>JOHOR</b>				
	• MTS JOHOR BAHRU	426	-	-	426
	• MRS JOHOR BAHRU	11,994	6,472	-	18,466
	• MRS PONTIAN	397	430	-	827
6.	<b>NEGERI SEMBILAN</b>				
	• MRS KUALA PILAH	3,257	232	-	3,489
	• MTS SEREMBAN	756	-	-	756
	• MRS SEREMBAN	2,236	160	-	2,396
7.	<b>PERAK</b>				
	• MRS IPOH	976	829	-	1,805
	• MRS KUALA KANGSAR	418	60	56	534
	• MRS PARIT BUNTAR	-	121	14	135
	• MRS MANJUNG	216	160	-	376
	• MRS TELUK INTAN	251	79	96	426
	• MRS GERIK	126	151	277	554
	• MRS TAIPING	969	2,224	20	3,213
	• MRS TAPAH	169	166	15	350
	• MRS SERI ISKANDAR	102	35	6	143
	• MTS – BAHAGIAN PENTADBIRAN JKSN PERAK	-	-	18	18
8.	<b>KEDAH</b>				
	• MRS PENDANG	464	34	-	498
	• MRS PADANG TERAP	565	310	-	875
	• MTS ALOR SETAR	130	-	-	130
	• MRS BALING	2,295	220	-	2,515
9.	<b>MELAKA</b>				
	• MELAKA TENGAH (2 DEWAN MTS & 3 DEWAN MRS)	1,442	1,365	184 (346 KEW)	3,337
	• MRS ALOR GAJAH	794	144	-	938
	• MRS JASIN	367	231	-	598

BIL.	LOKASI (JKSN/MSN)	FAIL MAL	FAIL JENAYAH	FAIL AM	JUMLAH
10.	<b>SABAH</b> <ul style="list-style-type: none"> <li>• MTS - IBU PEJABAT</li> <li>• MRS BEUFORT</li> <li>• MRS KUDAT</li> <li>• MRS KENINGAU</li> </ul>	-	-	85	85
		-	-	55	55
		-	-	65	65
		-	-	48	48
11.	<b>SARAWAK</b> <ul style="list-style-type: none"> <li>• BAHAGIAN SAMARAHAN</li> <li>• JKSS KUCHING</li> <li>• BAHAGIAN BINTULU</li> <li>• BAHAGIAN SIBU</li> <li>• BAHAGIAN SRI AMAN</li> </ul>	-	-	58	58
		-	-	164	164
		-	-	86	86
		-	-	102	102
		-	-	112	112
12.	<b>PERLIS</b> <ul style="list-style-type: none"> <li>• MTS - IBU PEJABAT</li> </ul>	875	908	-	1,783
13.	<b>KELANTAN</b> <ul style="list-style-type: none"> <li>• MTS – IBU PEJABAT</li> <li>• MRS PASIR PUTEH</li> </ul>	1,716	1,502	201	3,419
		2,604	1,846	-	4,450
<b>JUMLAH KESELURUHAN</b>		<b>45,427</b>	<b>23,234</b>	<b>5,653</b>	<b>74,314</b>

#### 4. Pelancaran Buku Panduan Klasifikasi Fail JKSM/JKSN/MSN

Pada 13 Disember 2013 yang lepas telah diadakan Majlis Pelancaran Buku Panduan Klasifikasi Fail JKSM/ JKSN/MSN. Majlis Pelancaran tersebut telah dihadiri oleh Ketua Pengarah Arkib Negara Malaysia, Ketua Hakim Syarie JKSN/MSN, Timbalan Ketua Pengarah Arkib Negara Malaysia, Ketua Pendaftar JKSN/MSN dan pegawai-pegawai JKSM/JKSN/MSN. Manakala perasmian telah disempurnakan oleh YAA Tan Sri Dr. Ibrahim Lembut, Ketua Pengarah/Ketua Hakim Syarie JKSM.

Buku Panduan Klasifikasi Fail JKSM/JKSN/MSN ini diterbitkan sebagai rujukan dalam pelaksanaan pengendalian klasifikasi fail demi memantapkan lagi sistem pengurusan rekod yang efektif dan memberi impak kepada usaha penambahbaikan penyampaian perkhidmatan di JKSM/JKSN/MSN.





# BAHAGIAN LATIHAN (BL)





## 1. PENDAHULUAN

Bahagian Latihan diketuai oleh Pengarah Bahagian Latihan Pegawai Syariah gred LS52. Bahagian Latihan mengandungi dua (2) seksyen iaitu Seksyen Pengurusan Latihan (PL) dan Seksyen Pembangunan Dasar (PD) dan Unit Khidmat Sokongan yang diletakkan di bawah Pengarah Bahagian Latihan. Kedua-dua seksyen diketuai oleh dua (2) orang Ketua Penolong Pengarah, Pegawai Syariah gred LS48. Sementara Unit Khidmat Sokongan pula diketuai oleh Ketua Kerani, N22 dan dibantu oleh dua (2) orang Pembantu Kerani, N17 serta seorang Pembantu Am Rendah, N1.

Seksyen Pengurusan Latihan mengandungi kepada tiga (3) unit iaitu Unit Latihan Kehakiman, Unit Latihan Kerjaya dan Unit Pengajian Kitab Turath. Di bawah Unit Latihan Kehakiman diwujudkan empat (4) program iaitu Program Pengurusan Kehakiman, Program Litigasi Mal, Program Pendakwaan dan Program Sulh/BSK. Manakala di bawah Unit Latihan Kerjaya terdapat tiga (3) program iaitu Program Bahasa, Program Latihan Kerjaya dan Program Latihan Sokongan. Semua Unit Program diketuai oleh seorang Penyelaras Program masing-masing yang terdiri dari tujuh (7) Pegawai Syariah gred LS44 dan seorang LS41 dan yang dibantu oleh Urus setia Program, Pembantu Syariah gred LS 17 seramai 8 orang.

Manakala di bawah Seksyen Pembangunan Dasar hanya terdapat satu unit iaitu Unit Gubalan /Keurusetiaan diketuai oleh seorang Pegawai Syariah gred LS44 dan dibantu oleh Penolong Syariah gred LS32.

Secara keseluruhannya jumlah perjawatan di Bahagian Latihan adalah seramai 25 orang seperti yang dipaparkan di dalam Carta Organisasi Bahagian Latihan (Lampiran BL1).


## 2. PERJAWATAN

Perjawatan dan pengisian jawatan di Bahagian Latihan adalah seperti berikut :

Gred Jawatan	Lulus	Isi	Kekosongan	% Pengisian
LS52	1	1	-	100
LS48	2	2	-	100
LS44	8	8	-	100
LS41	1	1	-	100
LS32	1	1	-	100
N22	1	1	-	100
LS17	8	8	-	100
N17	2	2	-	100
N1	1	1	-	100

Kumpulan Perkhidmatan	Lulus	Isi	Kekosongan	% Pengisian
Pengurusan dan Profesional (Gred 41-54)	12	12	0	100
Sokongan (gred 1-40)	13	13	0	100
<b>Jumlah</b>	<b>25</b>	<b>25</b>	<b>0</b>	<b>100</b>

# CARTA ORGANISASI BAHAGIAN LATIHAN



### 3. OBJEKTIF BAHAGIAN


Bahagian latihan JKSM diwujudkan berdasarkan objektif-objektif yang telah digariskan seperti berikut :

- i. Menggubal Modul dan Kurikulum program latihan untuk pegawai dan kakitangan JSKM, Mahkamah Syariah seluruh Malaysia dan semua Pegawai Syariah yang ditempatkan di agensi-agensi lain seperti Jabatan Peguam Negara, Jabatan Peguam Negeri, Jabatan Bantuan Guaman Malaysia, Kementerian Pembangunan Keluarga dan Wanita, Jabatan Agama Islam Negeri dan lain-lain;
- ii. Mengurusetia dan melaksanakan program-program yang dirancang dalam POL atau Blue Print Bahagian Latihan JKSM.
- iii. Menyediakan laporan pemantauan program latihan dan penilaian keberkesanan program berasaskan Borang Penilaian I dan II;
- iv. Menguruskan penyertaan peserta bagi program-program anjuran agensi luar; dan
- v. Bekerjasama dengan pusat latihan kehakiman dan perundangan atau agensi-agensi kerajaan bagi pembangunan sumber manusia dan kompetensi penjawat awam.

### 4. SENARAI LATIHAN ANJURAN BAHAGIAN LATIHAN TAHUN 2013

Pada tahun 2013, Bahagian Latihan telah berjaya melaksanakan sebanyak 81 program latihan yang dikendalikan oleh unit-unit di Bahagian Latihan. Senarai program adalah seperti di Jadual BL2.

Berdasarkan Jadual BL2, maka pecahan tugas bagi setiap unit adalah seperti yang digambarkan melalui petunjuk Carta Pai berikut :



Carta Pai : Pecahan Program Mengikut Unit

### 5. PERBELANJAAN YANG TELAH DIPERUNTUKKAN UNTUK PROGRAM TAHUN 2013

Bahagian Latihan telah mendapat peruntukkan kewangan sebanyak RM200,000.00 untuk melaksanakan program latihan pada tahun 2013. Pada pertengahan tahun, Bahagian Latihan telah diberi peruntukan tambahan sebanyak RM158,601.00 bagi menyempurnakan program yang telah dirancang dalam Blue Print Tahunan JKSM 2013 dan bagi menjayakan pelaksanaan KPI Ketua Pengarah/Ketua Hakim Syarie. Jumlah peruntukan tersebut tidak termasuk jumlah peruntukan bagi keseluruhan program-program latihan yang dilaksanakan secara kerjasama oleh Bahagian Latihan dengan Bahagian-Bahagian lain dalam JKSM iaitu RM 241,771.00.

Berikut adalah perbandingan peruntukan yang telah diberikan kepada Bahagian Latihan daripada tahun 2010 – 2013 untuk melaksanakan program-program yang telah dirancang atau program ad-hoc. Perbandingan tersebut digambarkan melalui Graf 1 .



Graf 1: Perbandingan Peruntukan Yang telah Diperolehi Oleh Bahagian Latihan

### 6. LAPORAN KEBERKESANAN PELAKSANAAN KURSUS

Peranan Bahagian Latihan bukan sahaja melaksanakan kursus kepada Pegawai Syariah dan Kakitangan JKSM/JKSN/MSN malah juga berperanan memastikan kursus yang dilaksanakan tersebut menghasilkan outcome yang berkualiti kepada peserta khususnya dan jabatan amnya.

Oleh itu, Borang Penilaian II bagi menilai keberkesanan latihan diedarkan kepada Ketua-ketua Jabatan selepas 3 bulan kursus dijalankan. Penilaian Keberkesanan Latihan dibuat dari 3 sudut iaitu peningkatan tahap pengetahuan, kemahiran dan ketrampilan diri. Berdasarkan kepada Borang Penilaian II bagi 14 kursus yang dikembalikan kepada Bahagian Latihan menunjukkan bahawa Tahap Pengetahuan, kemahiran dan ketrampilan diri peserta selepas menghadiri kursus-kursus tersebut adalah berada ditahap yang memuaskan. Hanya sedikit saha ja yang berada di tahap sangat memuaskan.

Penilaian tersebut dijelaskan melalui graf di bawah :

Penilaian tersebut dijelaskan melalui graf di bawah :




Bil	Nama Kursus	Pengetahuan	Kemahiran	Ketrampilan Diri
A	Bengkel ETMS	1	1	2
B	Kursus Juruaudit Dalam MS ISO 9001:2008	1	2	1
C	Kursus Pengurusan Rekod Bagi Pembantu Rekod Jabatan Bil.1/13	2	2	2
D	Bengkel Perundangan 1: Penyelarasan Perintah Pengesahan & Pendaftaran Perkahwinan 4P	2	2	2
E	Kursus Teknik Penulisan (Amali) : Laporan Berita, Ucapan dan Asas Fotografi	2	2	2
F	Kursus Pengurusan Sumber Manusia	2	2	2
G	Kursus Khas Hakim MRS :Pengendalian Prosiding Penghinaan Mahkamah Kumpulan Zon Utara & Pantai Timur	2	2	2
H	Bengkel Manual Prosedur Kerja	2	1	1
I	Kursus Pembangunann Modal Insan	2	2	2
J	Kursus Pengendalian Seni Guaman (JBG)	2	2	2
K	Kursus Pembinaan Borang Maklumbalas Bagi Pelanggan Sulh dan Teknik Penyediaan Perjanjian Penyelesaian	2	2	2
L	Kursus Pemahaman Undang-undang Keterangan (Komprensensif)	2	2	2
M	Bengkel Perundangan 2 : Isu-isu Bidangkuasa Mahkamah Syariah	2	2	2
N	Bengkel Format Alasan Penghakiman & Perintah Di Bawah Sistem SPKMS	2	2	2

### 7. PERBANDINGAN ANTARA PERANCANGAN DAN PELAKSANAAN KURSUS BAGI TAHUN 2014

Berdasarkan kepada perancangan awal yang telah ditetapkan dalam Blue Print Tahun 2013, Bahagian Latihan telah merancang sebanyak 148 program yang melibatkan penyertaan daripada pelbagai gred dan jawatan pegawai dan kakitangan JKSM/JKSN/MSN. Walau bagaimanapun, di atas faktor-faktor peruntukan kewangan yang tidak mencukupi, hanya 83 program sahaja berjaya dilaksanakan. Walaupun demikian, peningkatan pelaksanaan program terus meningkat dari setahun ke setahun iaitu 10 program (2010), 33 program (2011), 48 program (2012) dan 83 program (2013) yang terdiri dari 54 program anjuran Bahagian Latihan, 28 program kerjasama dengan bahagian-bahagian dalam JKSM dan 1 program kerjasama dengan KWSP Petaling Jaya.

Perbezaan antara perancangan dan pelaksanaan program mengikut unit digambarkan melalui graf seperti yang dipaparkan.



### 8. PENETAPAN PIAGAM PELANGGAN JKSM

*“memastikan sekurang-kurangnya 80% Pegawai Syariah menghadiri 3 kursus teras dalam tempoh satu tahun dari tarikh perantukan”*

Bahagian Latihan sentiasa memastikan Pegawai Syariah baru mendapat latihan teras dalam tempoh 3 tahun pertama perkhidmatan mereka agar mereka mampu melaksanakan tanggungjawab mengikut jawatan yang diamanahkan oleh JKSM.

Pada tahun 2012, seramai 25 orang Pegawai Syariah Baru telah melapor diri di JKSM. Dalam tempoh setahun dari tarikh perantukan Pegawai-pegawai Syariah ini, masing-masing hanya berjaya mengikuti satu kursus teras daripada 8 kursus teras seperti yang telah ditetapkan dalam Kertas Dasar Latihan JKSM iaitu :

Bil	Kursus	Jumlah Kehadiran
1	Kursus Pra Penempatan Pegawai Syariah Baru	23
2	Kursus Pemahaman Undang-undang Pentadbiran Islam	0
3	Kursus Pemahaman Tatacara Mal	0
4	Kursus Pemahaman Undang-undang Keterangan	0
5	Kursus Pemahaman Undang-undang Keluarga Islam	0
6	Kursus Pengurusan Sulh	1
7	Kursus Seni Guaman	0
8	Bengkel Penulisan Teks Kehakiman	0

Berdasarkan keperluan Dasar Latihan dan Piagam Pelanggan JKSM,, pegawai lantikan baru berkenaan perlu menghadiri sekurang-kurangnya 2 lagi mana-mana kursus tersebut sebelum akhir tahun 2014.


### 9. JUMLAH HARI BERKURSUS PEGAWAI DAN KAKITANGAN JKSM

Dalam usaha meningkatkan tahap kecemerlangan perkhidmatan di JKSM, Bahagian Latihan berusaha memastikan semua pegawai dan kakitangan JKSM mendapat bimbingan dan cambahan pengetahuan secara formal iaitu melalui penganjuran kursus-kursus. Selain itu, warga JKSM juga dihantar menyertai kursus-kursus anjuran agensi-agensi luar jabatan seperti ILIM, INTAN, ILKAP atau agensi-agensi swasta.

Saranan kerajaan dalam memastikan semua pegawai dan kakitangan menghadiri kursus sekurang-kurangnya 7 hari setahun haruslah dijadikan tonggak utama Bahagian Latihan dalam menghasilkan tenaga kerja yang cemerlang. Pada tahun 2013, JKSM mempunyai 195 orang pegawai dan kakitangan yang terdiri daripada, seramai 70 orang pegawai pengurusan dan professional dan selebihnya adalah pegawai sokongan I dan II.

Data di bawah menunjukkan jumlah hari kehadiran kursus warga JKSM sepanjang 2013.

### Kehadiran Kursus



Berdasarkan Carta Pai di atas menunjukkan bahawa seramai 185 orang (95%) warga JKSM telah Berjaya menghadiri kursus melebihi 7 hari manakala baki daripada jumlah tersebut, seramai 9 orang (4%) kurang 7 hari menghadiri kursus.

Antara sebab-sebab 10 orang pegawai tidak mencapai 7 hari berkursus disebabkan baru melapor diri di JKSM pada bulan Disember kerana cuti belajar, cuti sakit yang berterusan akibat kecederaan dalam kemalangan jalan raya dan baru melaporkan diri bertugas di JKSM.

## 10. LAPORAN PROGRAM LATIHAN LUAR NEGARA

Pada tahun 2013, Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia telah menghantar dua orang Pegawai Syariah untuk menyertai rombongan program latihan luar Negara anjuran JAKIM iaitu Kursus Khas Pegawai Hal Ehwal Islam di London bermula pada 14 September 2013 hingga 16 November 2013. Pada tahun ini, Pegawai Syariah yang bertuah mengikuti program ini adalah Tuan Abdul Razak bin Mat Nayan selaku Hakim Mahkamah Tinggi Syariah Negeri Sembilan (LS48) dan Tuan Muhammad Khairul Nizam bin Kassim selaku Ketua Penolong Pengarah bahagian Sokongan Keluarga (LS48).

Secara umumnya, kursus ini dibahagikan kepada empat bahagian iaitu :

- \* Kursus Kepimpinan dan Pengurusan
- \* Kursus Bahasa Inggeris
- \* Dialog antara agama
- \* Lawatan ; Kedutaan Malaysia, Malaysia Education, Oxford Center For Islamic Studies, Masjid, Gereja, Synagogue, gudwara, pemjara dan komuniti.

Semua peserta yang mengikuti kursus tersebut dianugerahkan Sijil Penyertaan yang disampaikan oleh Duta Malaysia ke United Kingdom Tuan Yang Terutama Dato' Seri Zakaria Bin Sulong.





<b>Bidang Pengurusan Tertinggi</b>			
<b>Bil</b>	<b>Nama Pegawai</b>	<b>Jawatan</b>	<b>Gred</b>
1	YA Dato' Seri Hj Md Yusup bin Che Teh	Hakim Mahkamah Rayuan Syariah	Jusa B
2	YA Dato' Haji Yusof bin Musa	Hakim Mahkamah Rayuan Syariah	Jusa B
3	Puan Rasyidah binti Ghazali	Ketua Bahagian Dasar Perancangan Strategik dan Latihan Kehakiman	54
4	Puan Nurul Husna binti Awang	Pegawai Penyelidik Mahkamah Persekutuan	L52

<b>Bidang Litigasi Mal</b>			
<b>Bil</b>	<b>Nama Pegawai</b>	<b>Jawatan</b>	<b>Gred</b>
1	Tuan Mohd Amran bin Mat Zain	Ketua Hakim Syarie Wilayah Persekutuan	Jusa C
2	Tuan Mohamad Shakir bin Abdul Hamid	Pengarah Kanan (Kehakiman)	LS54
3	Tuan Mohd Nadzri bin Abdul Rahman	Hakim Mahkamah Tinggi Syariah Wilayah Persekutuan	LS54
4	Tuan Razali bin Ariffin	Penasihat Undang-undang	LS52
5	Tuan Ahmad bin Lakim	Pengarah Bahagian Latihan	LS52
6	Tuan Abas bin Nordin	Pengarah Bahagian Pendaftaran, Keurusetiaan dan Rekod	LS52
7	Tuan Muhamad Abdul Karim bin Wahab	Hakim Mahkamah Tinggi Syariah Wilayah Persekutuan	LS52
8	Tuan Kamal Bashah bin Dato' Ahmad Tajuddin	Hakim Mahkamah Tinggi Syariah Negeri Sembilan	LS48
9	Tuan Mohamed Fouzi bin Mokhtar	Penolong Penasihat Undang-undang	LS48
10	Tuan Musa bin Awang	Peguam Syarie	
11	Tuan Zaim bin Md Yudin	Pegawai Penyelidik Hakim Rayuan	LS48

<b>Bidang Pendakwaan</b>			
<b>Bil</b>	<b>Nama Pegawai</b>	<b>Jawatan</b>	<b>Gred</b>
1	Tuan Mohd Nadzri bin Abdul Rahman	Hakim Mahkamah Tinggi Syariah Wilayah Persekutuan	LS54
2	Tuan Ibrahim bin Deris	Ketua Pendakwa Syarie	LS52
2	Tuan Kamal Bashah bin Dato' Ahmad Tajuddin	Hakim Mahkamah Tinggi Syariah Negeri Sembilan	LS48
3	Tuan Zulfikri bin Yaso'a	Pegawai Penyelidik Hakim Rayuan	LS48
4	Tuan Shamsuddin bin Hussain	Pegawai Penyelidik Hakim Rayuan	LS48
5	Salehan Haji Yatim	Hakim Mahkamah Tinggi Syariah Selangor	LS48

Bidang Kitab Turath			
Bil	Nama Pegawai	Jawatan	Gred
1	Prof Md Salleh bin Hj Md @ Hj Ahmad	Fellow Kanan UIAM	
2	Prof Madya Dr Azman bin Mohd Nor	UIAM	
3	Y Bhg Ustaz Ahmad Fuad Amran	Pengajar Pusat Pengajian Pondok Kandis, Kelantan.	

Bidang Latihan Kerjaya			
Bil	Nama Pegawai	Jawatan	Gred
1	Tuan Hj Hashim Bin Hj Bedu	Pengarah Jabatan Penerangan Negeri Sembilan	S48
2	Prof. Abdul Mua'ti @ Zamri Ahmad	Pensyarah Fakulti Bahasa moden & Komunikasi UPM	DS54
3	Tuan Haji Moktar bin Mohd Tohar	Pensyarah Fakulti Bahasa moden & Komunikasi UPM	DS54
5	En Hj Ahmad Azam bin Hassan	Psikologi & Stress Jabatan Perdana Menteri	
6	En Mohammed Kamal bin Mohamed Yusof	Psikologi & Stress Jabatan Perdana Menteri	
7	Puan Khodrulnada binti Mohamad	Psikologi & Stress Jabatan Perdana Menteri	
8	Dr Hj Adanan bin Mat Junoh	USIM	
9	En Mohd Bakri bin Jali	ISO	

Bidang Latihan Sokongan			
Bil	Nama Pegawai	Jawatan	Gred
1	En. Azlan bin Jaafar	Pegawai ICT JKSM	F41
2	Puan Faridatul Azna binti Ramdan	Pegawai ICT JKSM	F41
3	Puan Haryanti binti Yusop	Pegawai ICT JKSM	F29
4	Puan Roziana binti Mat Amin	Penolong Pengarah Kanan Kewangan JKSM	LS44
5	Puan Suhaibah binti Wahab	Penolong Akauntan Kanan JKSM	W32
6	Puan Rosnani binti Harun	Bailif Mahkamah Tinggi Sivil	L26
7	Encik Yahya bin Madon	Bailif Mahkamah Tinggi Sivil	L17

### 11. LAIN-LAIN PROGRAM / AKTIVITI YANG DIJALANKAN OLEH BAHAGIAN LATIHAN

Selain melaksanakan program berbentuk kursus / latihan, Bahagian Latihan juga berperanan sebagai urusetia beberapa mesyuarat penting bahagian. Senarai Mesyuarat adalah seperti berikut :

Nama Mesyuarat	Bilangan
1) Mesyuarat Bahagian Latihan	7 kali
2) Mesyuarat Jawatankuasa Pembinaan Modul & Kurikulum Latihan	5 kali
3) Mesyuarat jawatankuasa Penilaian Perolehan Perkhidmatan Kemudahan Latihan secara Pakej	24 kali

Pada tahun ini, Bahagian Latihan telah kehilangan enam orang ahli. Bak kata pepatah, yang patah akan tumbuh, yang hilang akan berganti. Kesedihan tersebut telah diceritakan oleh kehadiran tujuh warga baru yang kini serasi menjadi ahli keluarga Bahagian Latihan. Senarai perpindahan adalah seperti berikut :

Tuan Mohd Mirza bin Abdul Rashid	<b>KE</b>	JKSN Perlis
Encik Zakaria bin Jamil		BPKR JKSM
Puan Norzaidah binti Omar		BKPSM JKSM
Puan Aziawati binti Ibrahim		MSWP Putrajaya
Puan Nurul Huda binti Mustaffa		BPKR JKSM
Puan Syatira binti Zainol Abidin		MSWP Putrajaya
Puan Siti Mashitah binti Md Kassim	<b>DARI</b>	JAKESS
Puan Nur Atikah binti Badri		BPKR JKSM
Puan W. Nor Hafilah bt Wan Adik		BPKR JKSM
Puan Nor Atiqah bt Mohamed Amdan		JAWI Kuala Lumpur
Puan Noorol Masitoh bt Johari		MSWP Putrajaya
Puan Mazihah binti Awang		Pejabat Penasihat Undang-undang JKSM
Puan Norafizah binti Tusiren		MSWP Putrajaya



Kursus Pemantapan Bahasa Melayu dan Penulisan Teks Ucapan, di Dewan Persidangan, Mahkamah Persekutuan Putrajaya (POJ), pada 9 Julai 2013 @ 30 Syaaban 1434 (Selasa).



Bengkel Perundangan Bil.2 : Isu-Isu Bidang Kuasa Mahkamah syariah pada 1 Julai 2013 di Dewan Persidangan, Mahkamah Syariah Wilayah Persekutuan Putrajaya



BENGKEL FORMAT ALASAN PENGHAKIMAN DAN PERINTAH DI BAWAH SPKMS PADA 7-9 JULAI 2013 DI INSTITUT LATIHAN KEHAKIMAN DAN ERUNDANGAN (ILKAP) BANGI, SELANGOR



YA.Dato' Hj Yusof Bin Musa (Hakim MRayuan Syariah) mewakili YAA Tan Sri KP/KHS JKSM, merasmikan Majlis Penutupan Kursus Pemahaman Undang-undang Keterangan, bersama Tuan Ahmad Bin Lakim (Pengarah B.Latihan JKSM), YA Tuan Mohd.Nazri Hj Abd.Rahman (Hakim MTSWP KL) dan peserta, di MH Hotel & Residences KL, pada 26-28 Mei 2013.



Ahmad Bin Lakim (Pengarah B.Latihan JKSM), Ustaz Hj Ahmad Fuad (dari Pondok Kelantan) tenaga Pengajar bersama peserta Ls41-48, Program Kelas Tafaqquh Zon Tengah dan Selatan, 27-28 Nov 2013, di BMU JKSM.




Ahmad Bin Lakim (Pengarah Bhg.Latihan JKSM/Pengarah Program), Aishah Binti Kamarudin (Penyelaras Program) bersama peserta Kursus Memacu Inovasi Kompetensi Kump.2, di Hotel Seri Malaysia, Bagan Lalang, Sepang, Negeri Selangor, pada 9-11 Dec 2013 @ 6-8 Safar 1435



# BAHAGIAN SOKONGAN KELUARGA (BSK)



# CARTA ORGANISASI BAHAGIAN SOKONGAN KELUARGA



## 1. LATARBELAKANG

Bahagian Sokongan Keluarga (BSK) merupakan bahagian yang ditubuhkan di bawah Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia (JKSM) rentetan daripada permasalahan berhubung pelaksanaan dan penguatkuasaan perintah nafkah. Menyedari keruncingan masalah pengabaian perintah Mahkamah Syariah berkaitan pembayaran nafkah, maka Mesyuarat Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia Kali Ke-46 pada 7 Jun 2007 yang dipengerusikan oleh Mantan Perdana Menteri Y.A.B. Dato' Seri Abdullah bin Hj. Ahmad Badawi (pada ketika itu) telah memutuskan agar BSK diwujudkan.

Keputusan ini telah direalisasikan pada bulan Oktober 2008 apabila BSK ditubuhkan dan mula beroperasi sejak April 2009 dengan menempatkan seramai 96 orang pegawai dan kakitangan JKSM di seluruh Mahkamah/Jabatan Kehakiman Syariah Negeri-negeri.

### VISI

"Berusaha menjadikan BSK sebagai sebuah organisasi sokongan keluarga yang unggul bagi membantu sistem pengukuhan kekeluargaan Islam ke arah pengwujudan masyarakat penyayang, penduduk berkualiti dan bangsa Malaysia yang progresif"

### MISI

"BSK komited untuk bertindak sebagai agensi utama dalam menjadikan Malaysia sebagai negara yang rakyatnya mengutamakan sistem kekeluargaan berlandaskan ajaran Islam, berperibadi mulia hasil daripada keluarga yang kukuh, berakhlak, sihat, berilmu dan harmoni"

### OBJEKTIF

- 1) Memastikan kepentingan golongan yang berhak menerima nafkah melalui perintah nafkah yang dikeluarkan oleh mahkamah terpelihara;
- 2) Merealisasikan pelaksanaan dan pematuhan kepada setiap keputusan/perintah mahkamah yang melibatkan isu-isu berkaitan kekeluargaan;
- 3) Meningkatkan status dan bidanguasa Mahkamah Syariah terutama dalam aspek pematuhan perintah mahkamah dan aspek pelaksanaan;
- 4) Menyelesaikan dan mengenalpasti masalah pemiutang/penghutang penghakiman terutama yang melibatkan nafkah dan seumpamanya;
- 5) Mengatasi masalah isu kelewatan dalam pengendalian kes-kes penguatkuasaan perintah kehakiman; dan
- 6) Memelihara hak dan tanggungjawab pihak-pihak yang terbabit di dalam institusi kekeluargaan.

## 2. FUNGSI DAN PERANAN BAHAGIAN

- 1) Memberi khidmat nasihat dan perundangan syariah kepada pihak-pihak terlibat secara khusus berkaitan tuntutan nafkah serta tatacara penguatkuasaan dan pelaksanaan penghakiman atau perintah selepas suatu penghakiman atau perintah dibuat oleh Mahkamah Syariah;
- 2) Melaksanakan tugas Peguam Syar'ie dan Bailif dalam pelaksanaan penghakiman dan penguatkuasaan perintah yang dibuat oleh Mahkamah Syariah berkaitan dengan nafkah bagi memastikan sesuatu perintah dapat dipatuhi dan dilaksanakan oleh semua pihak;
- 3) Melaksanakan pengurusan pentadbiran yang berkaitan dengan penguatkuasaan dan pelaksanaan penghakiman atau perintah Mahkamah Syariah antara negeri-negeri berjalan dengan lancar tanpa sebarang halangan; dan

- 4) Menguruskan bantuan pendahuluan nafkah melalui sumber yang diharuskan Syarak melalui tapisan kelayakan, laporan unit khidmat nasihat perundangan untuk pertimbangan Jawatankuasa Akaun Amanah bagi membantu pemiutang penghakiman terutamanya isteri dan anak-anak yang menjadi mangsa kegagalan pembayaran nafkah oleh penghutang penghakiman.

Unit-Unit Seksyen Bahagian Sokongan Keluarga (SBSK) :-

- \* Unit Khidmat Nasihat Perundangan (UKNP)
- \* Unit Pengurusan Dana (UPD)
- \* Unit Penguatkuasaan & Pelaksanaan Perintah (UPPP)

### 3. FUNGSI UNIT-UNIT

#### Unit Khidmat Nasihat Perundangan (UKNP)

- 1) Bertanggungjawab mengendalikan sesi khidmat nasihat kepada pelanggan;
- 2) Mengeluarkan notis kehadiran yang bertujuan untuk memanggil dan menjalankan siasatan terhadap bekas suami atau bapa; dan
- 3) Menjalankan proses Rundingcara yang mana pegawai BSK/SBSK akan berusaha untuk mendapatkan persetujuan bersama daripada kedua-dua belah pihak dalam melaksanakan perintah nafkah.

#### Unit Pengurusan Dana (UPD)

- 1) Membuat bayaran pendahuluan nafkah sementara kepada ibu dan/atau anak-anak yang berkelayakan selama tempoh 6 bulan;
- 2) Menyediakan syor kelulusan penerima dana untuk pertimbangan Jawatankuasa Akaun Amanah;
- 3) Mengemaskini maklumat kutipan balik dana oleh penghutang penghakiman/pemiutang penghakiman; dan
- 4) Menyelia dan menyelenggara Akaun Amanah BSK dan KWASK agar mematuhi prosedur kewangan.

#### Unit Penguatkuasaan & Pelaksanaan Perintah (UPPP)

- 1) Menjalankan tugas sebagai Peguam Syar'ie dalam mendapatkan perintah penguatkuasaan daripada Mahkamah Syariah yang berkaitan.
- 2) Bertanggungjawab sebagai Bailif bagi menjalankan kaedah-kaedah penguatkuasaan yang diputuskan oleh mahkamah.
- 3) Menentukan jenis tindakan penguatkuasaan dan pelaksanaan perintah dalam salah satu bentuk tindakan seperti Notis Tunjuk Sebab/Komitil, Penyitaan Dan Penjualan, Penyitaan Dan Penghantarserahan Harta Alih, Hiwalah, Saman Penghutang Penghakiman, Notis Penghakiman dan Ubah Perintah saman penghutang penghakiman.



**PERJAWATAN DAN PENGISIAN  
BAHAGIAN SOKONGAN KELUARGA (BSK)  
JABATAN KEHAKIMAN SYARIAH MALAYSIA (JKSM )**

GRED JAWATAN	JWT. LULUS	ISI	KEKOSONGAN	CATATAN
LS 52	1	1	0	
LS 48	1	1	-	
LS 44	-	-	-	
LS 41	-	1	-	Seorang pegawai ditempatkan secara pentadbiran dari SBSK Labuan ke BSK, JKSM Putrajaya
LS 27	2	2	-	
LS 17	2	3	1	Seorang pegawai dipinjamkan dari BPSMP ke BSK
W 27	1	1	-	
W 17	-	1	-	Seorang pegawai dipinjamkan dari SBSK WPKL ke BSK JKSM Putrajaya
N 17	2	2	-	Seorang pegawai ditempatkan di BSK Seorang pegawai ditempatkan secara pentadbiran di BKPSM
N 1	1	1	-	
<b>JUMLAH</b>	<b>10</b>	<b>13</b>	<b>1</b>	


**PERJAWATAN DAN PENGISIAN  
BAHAGIAN SOKONGAN KELUARGA (BSK)  
JABATAN KEHAKIMAN SYARIAH NEGERI-NEGERI**

GRED JAWATAN	LULUS	ISI	KEKOSONGAN	CATATAN
LS 44	14	13	1	Hanya Sarawak yang belum diisi
LS 41	16	9	7	Seorang pegawai LS41 dipinjamkan ke BSK JKSM
LS 27	28	28	-	
LS 17	14	14	-	
W 17	14	14	-	
<b>JUMLAH</b>	<b>87</b>	<b>78</b>	<b>9</b>	

**STATISTIK PENDAFTARAN DAN PENYELESAIAN KES DI UNIT-UNIT BSK  
SELURUH MALAYSIA DARI TAHUN 2009-2013**

**STATISTIK ADUAN KES DI UNIT KHIDMAT NASIHAT PERUNDANGAN (UKNP)**

**STATISTIK KES KHIDMAT NASIHAT PERUNDANGAN  
BSK SELURUH MALAYSIA 2013**



Unit Khidmat Nasihat Perundangan (UKNP) merupakan unit yang berperanan menerima aduan kes pengabaian perintah nafkah. Unit ini akan membantu pengadu mencapai persetujuan dan penyelesaian terbaik terhadap kes yang diadu melalui proses Rundingcara terhadap pihak-pihak (Pemiutang Penghakiman dan Penghutang Penghakiman). Walaubagaimanapun, jika tiada hasil yang positif melalui kaedah Rundingcara, Pemiutang Penghakiman dinasihatkan memfailkan kes tersebut untuk tindakan penguatkuasaan terhadap pemiutang penghakiman.


Carta di atas mencatatkan jumlah keseluruhan aduan yang diterima dan berjaya diselesaikan di BSK Seluruh Malaysia pada tahun 2013. Dari keseluruhan aduan yang didaftarkan berjumlah 1223 kes, SBSK Johor mencatatkan pendaftaran kes tertinggi iaitu 163 aduan diikuti SBSK Selangor sebanyak 149 aduan dan SBSK Wilayah Persekutuan 132 aduan. Dari segi penyelesaian pula, samada penyelesaian tersebut melalui proses Rundingcara Berjaya/Gagal/Tarik Balik, SBSK Johor berjaya menyelesaikan sebanyak 164 aduan merangkumi kes-kes yang berbaki pada tahun 2012 iaitu sebanyak 7 aduan. Sebanyak 140 dan 114 aduan berjaya diselesaikan oleh SBSK Selangor SBSK Wilayah Persekutuan.

Keseluruhan pendaftaran kes aduan yang didaftarkan sepanjang tahun 2013 adalah 1223 aduan dan 1114 aduan berjaya diselesaikan menjadikan peratusannya sebanyak 77.6 peratus (%) berbanding 71.1% (844 kes) pada tahun 2012 dan hanya 55.2 % pada tahun 2011.

Statistik pendaftaran dan penyelesaian kes di UKNP dari tahun 2009-2013 mencatatkan 4303 aduan diterima untuk didaftarkan di UKNP manakala 3984 aduan berjaya diselesaikan samada melalui rundingcara berjaya/gagal/tarik balik kes mewakili 92.6 peratus (%). Realitinya berlaku peningkatan aduan pada tahun 2010 (960 kes) , 2012 (869 kes) dan 2013 (1223 kes) kecuali pada tahun 2011 hanya 578 aduan diterima berbanding tahun sebelumnya.

## ii) UNIT PENGUATKUASAAN DAN PELAKSANAAN PERINTAH (UPPP)

**STATISTIK UNIT PENGUATKUASAAN DAN PELAKSANAAN PERINTAH SELURUH MALAYSIA TAHUN 2009-2013**



Secara keseluruhannya, pendaftaran kes di UPPP meningkat saban tahun kecuali berlaku sedikit penurunan pada tahun 2011 iaitu 436 kes manakala bilangan kes selesai pula menunjukkan peningkatan dari tahun ke tahun sehingga 2013. Jumlah pendaftaran keseluruhan dari tahun 2009 sehingga 2013 sebanyak 2608 kes manakala kes yang berjaya diselesaikan pada tempoh yang sama berjumlah 1765 kes bersamaan 67.7 peratus (%).

### LAPORAN KEJAYAAN PELAKSANAAN SBSK NEGERI-NEGERI

Usai lima tahun penubuhannya, kini BSK mampu berbangga dengan hasil yang diperolehi melalui kejayaan demi kejayaan yang telah dicapai BSK Seluruh Malaysia dalam usaha mengembalikan hak kepada isteri/ bekas isteri dan anak-anak. Perjuangan mengembalikan hak mereka yang teraniaya ini bukanlah suatu perkara yang boleh dipandang enteng, tetapi merupakan satu perjalanan yang memerlukan komitmen dan kesabaran yang begitu tinggi. Tanpa perancangan dan strategi yang sistematik serta kerjasama jitu daripada pelbagai pihak termasuklah agensi kerajaan, swasta dan badan bukan kerajaan, BSK tidak mungkin mampu untuk berjaya ke tahap yang ada pada hari ini. Hasilnya, BSK mampu berbangga apabila kes-kes yang diadu dan difailkan untuk tindakan penguatkuasaan melalui BSK Seluruh Malaysia berjaya mencapai matlamat utamanya iaitu mengembalikan hak kepada mereka yang berhak menerimanya. Berikut adalah beberapa contoh kejayaan SBSK negeri-negeri dalam membantu menguatkuasa dan melaksanakan perintah nafkah:

NEGERI	KEJAYAAN
MELAKA	<p><b>1) MAHKAMAH : MRS JASIN KES : NOTIS PENGHAKIMAN TUNGGAKAN : RM7,500.00</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Penghutang Penghakiman diperintahkan membayar tunggakan nafkah berjumlah RM7,500.00 sebelum jam 4.00 petang pada hari pendengaran kes.</li> <li>• Penghutang Penghakiman telah ditahan di Bilik Kurungan Mahkamah. Pihak waris (isteri) penghutang penghakiman hadir membawa rantai emas untuk tujuan Gadaian.</li> <li>• Hasilnya, pada jam 2.55 petang hari yang sama isteri penghutang penghakiman hadir ke Mahkamah untuk membuat pembayaran tunggakan nafkah berjumlah RM7,500.00</li> </ul>
	<p><b>2) KES : SAMAN PENGHUTANG PENGHAKIMAN TUNGGAKAN : RM22,400.00</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Disebabkan kegagalan Penghutang Penghakiman untuk hadir ke Mahkamah walaupun Saman telah diserahkan kepada beliau, Bailif SBSK Melaka dengan kerjasama pihak Polis telah menjalankan Waran Tangkap ke atas Penghutang Penghakiman.</li> <li>• Penghutang Penghakiman telah dibawa ke MRS Alor Gajah dan dengan jaminan seorang penjamin untuk hadir ke Mahkamah pada tarikh bicara.</li> <li>• Kes berjaya diselesaikan dengan Penghutang Penghakiman diperintahkan membayar tunggakan nafkah anak berjumlah RM22,400.00 secara ansuran RM200.00 setiap bulan terus ke Akaun Bank Pemiutang Penghakiman.</li> </ul>

NEGERI	KEJAYAAN
<p><b>PULAU PINANG</b></p>	<p><b>1) MAHKAMAH : MRS SEBERANG PRAI TENGAH</b>  <b>KES : NOTIS PENGHAKIMAN</b>  <b>TUNGGAKAN : RM13,950.00</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Penghutang Penghakiman diperintahkan membayar tunggakan nafkah anak sebanyak RM9,350.00 bermula Ogos 2009 sehingga April 2011 melalui perintah Saman Penghutang Penghakiman bertarikh 17 Oktober 2011 dan juga tunggakan nafkah anak berjumlah RM4,600.00 bermula November 2011 sehingga September 2012 menjadikan jumlah keseluruhan adalah RM13,950.00.</li> <li>• Notis Penghakiman berjaya diserahkan kepada penghutang penghakiman oleh Bailif BSK pada 13 Mac 2013 hasil carian alamat melalui bantuan agensi kerajaan dan swasta. Penghutang Penghakiman hadir ke Mahkamah pada 19hb. Mac 2013 dan menawarkan bayaran pendahuluan tunggakan nafkah anak sebanyak RM5,000.00 secara tunai kepada Pemiutang Penghakiman di dalam mahkamah pada hari tersebut juga. Mahkamah mengarahkan bayaran sepertimana penawaran.</li> <li>• Kes kemudiaannya ditangguhkan kepada tarikh 02hb. Julai 2013 bagi Penghutang Penghakiman membayar baki tunggakan nafkah anak yang masih berbaki sebanyak RM8,950.00.</li> <li>• Pada 02hb. Julai 2013, Penghutang telah hadir ke mahkamah dan Penghutang Penghakiman telah membuat bayaran sebanyak RM4,000.00 ke dalam akaun pemiutang penghakiman dan telah mengemukakan resit bank sebagai bukti pembayaran. Pemiutang penghakiman akui dengan pembayaran tersebut.</li> <li>• Mahkamah telah menangguhkan kes pada hari tersebut kepada tarikh 31hb. Disember 2013 bagi Penghutang Penghakiman membayar keseluruhan tunggakan nafkah anak yang masih berbaki sebanyak RM4,950.00. Mahkamah telah memerintahkan Penghutang Penghakiman membayar keseluruhan baki tersebut sebelum 31hb. Disember 2013.</li> <li>• Pada 31hb. Disember 2013, bayaran sebanyak RM4,950.00 telah dibuat oleh Penghutang Penghakiman di samping membuat tambahan bayaran RM100.00 untuk perbelanjaan Hari Raya dan RM200.00 untuk perbelanjaan persekolahan. Bukti resit bank telah dikemukakan berjumlah RM5,250.00. Keseluruhan tunggakan telah selesai dan tiada lagi tunggakan nafkah anak kerana nafkah semasa anak-anak telah berjalan dengan baik dan teratur</li> </ul>


NEGERI	KEJAYAAN
<b>KELANTAN</b>	<p><b>1) MAHKAMAH : MRS PASIR MAS</b>  <b>KES : SAMAN PENGHUTANG PENGHAKIMAN</b>  <b>TUNGGAKAN : RM5000.00</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Sebutan kes kali pertama pada 3hb Mac 2013. Kes ini berlanjutan sehingga 2hb Oktober 2013.</li> <li>• Penghutang Penghakiman hadir ke Mahkamah pada 2hb Oktober 2013 melalui waran tangkap yang dilaksanakan oleh Penguatkuasa Agama Shah Alam.</li> <li>• Pada 2hb Oktober 2013, Mahkamah telah mensabitkan tunggakan nafkah anak sebanyak <b>RM28,740 bermula Januari 2001 hingga September 2013</b>. Mahkamah telah memerintahkan Penghutang Penghakiman menjelaskan sebanyak <b>RM5000.00</b> pada hari tersebut sebelum jam 3.00 petang dan sekiranya gagal berbuat demikian, Penghutang Penghakiman akan dipenjarakan. Manakala baki tunggakan hendaklah dijelaskan dalam tempoh 4 bulan dan peguam Pemiutang Penghakiman boleh memfailkan Notis Penghakiman sekiranya Penghutang Penghakiman gagal membayar baki tunggakan nafkah tersebut.</li> <li>• Pada hari tersebut, Penghutang Penghakiman telah membayar tunggakan nafkah sebanyak <b>RM5000.00</b>.</li> </ul> <p><b>2) MAHKAMAH : MRS TUMPAT</b>  <b>KES : SAMAN PENGHUTANG PENGHAKIMAN</b>  <b>TUNGGAKAN : RM5000.00</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Kes diselesaikan pada 28hb Mei 2013. Kes ini telah berjaya diperingkat UKNP dan telah difailkan ke Mahkamah untuk merekodkan perjanjian persetujuan di antara Pemiutang Penghakiman dan Penghutang Penghakiman.</li> <li>• Di antara butir perjanjian tersebut ialah:             <ol style="list-style-type: none"> <li>a) Bahawa pihak-pihak bersetuju jumlah tunggakan nafkah sebanyak RM10,930.00 (<b>Ringgit Malaysia : Sepuluh Ribu Sembilan Ratus Tiga Puluh Sahaja</b>) bermula September 2005 sehingga Januari 2013;</li> <li>b) Pihak-pihak bersetuju bahawa tunggakan nafkah anak tersebut dibayar secara ansuran sebanyak RM200.00 sebulan bermula Februari 2013 antara 25 sehingga 30 pada setiap bulan dan berakhir pada Januari 2017 selama 49 bulan.</li> <li>c) Perintah nafkah semasa anak berjalan seperti Perintah yang dikeluarkan oleh Mahkamah Rendah Syariah Tumpat pada 11 September 2005.</li> <li>d) Pihak-pihak bersetuju bahawa bayaran tunggakan nafkah anak dan bayaran nafkah anak semasa dimasukkan ke dalam akaun bank Pemiutang Penghakiman (Maybank: 156132514639)</li> </ol> </li> <li>• Perjanjian Persetujuan telah dipatuhi sehingga sekarang.</li> </ul>

NEGERI	KEJAYAAN
NEGERI SEMBILAN	<p><b>1) MAHKAMAH : MRS SEREMBAN</b>  <b>KES : SAMAN PENGHUTANG PENGHAKIMAN</b>  <b>TUNGGAKAN : RM17,800.00</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Kes Selesai dan Permohonan diluluskan. Sabit tunggakan RM17,800.00 dari Januari 2002 hingga Februari 2012 dan dibayar secara ansuran melalui potongan gaji felda sebanyak RM600 selama 30 bulan.</li> </ul>
	<p><b>2) MAHKAMAH : MTS SEREMBAN</b>  <b>KES : NOTIS PENGHAKIMAN</b>  <b>TUNGGAKAN : RM25,600.00</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Kes Selesai dan Permohonan Diluluskan. Sabit tunggakan RM25,600.00 dan bayaran dibuat setelah mencapai umur 55 tahun melalui pengeluaran KWSP sekaligus pada 21.07.2014.</li> </ul>
	<p><b>3) MAHKAMAH : MRS SEREMBAN</b>  <b>KES : NOTIS PENGHAKIMAN</b>  <b>TUNGGAKAN : RM23,052.50</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Kes Selesai dan Permohonan diluluskan. Tunggakan RM23,052.50 diabayar secara ansuran sebanyak RM500.00 melalui potongan pencen.</li> </ul>

**STATUS TERKINI SUMBANGAN DANA OLEH MAJLIS AGAMA ISLAM NEGERI (MAIN)  
 KEPADA SBSK NEGERI**

**STATUS TERKINI SUMBANGAN DANA OLEH MAJLIS AGAMA ISLAM NEGERI (MAIN) KEPADA SBSK NEGERI**

**PERUNTUKAN DANA MAJLIS AGAMA ISLAM KEPADA BSK SEKSYEN NEGERI SEHINGGA DISEMBER 2013**



Carta menunjukkan jumlah dana Majlis Agama Islam negeri-negeri yang diterima oleh BSK Seluruh Malaysia sehingga Disember 2013 berjumlah RM1,700,000.00

**PERUNTUKAN DANA KEPADA BSK SEKSYEN NEGERI SEHINGGA 2013**



Carta di atas menunjukkan status keseluruhan peruntukan dana sumbangan MAIN dan dana Persekutuan serta jumlah keseluruhan dana yang diterima oleh BSK Seluruh Malaysia



## LAPORAN PENYALURAN DANA SEKSYEN 10 DAN SEKSYEN 9 MENGIKUT NEGERI



Pendahuluan nafkah hanya diberikan kepada penerima yang layak melalui kriteria yang ditetapkan iaitu kebarangkalian BSK/SBSK boleh membuat kutipan balik dana pendahuluan tersebut samada melalui penghutang penghakiman atau pun pemiutang penghakiman.

Sehingga Disember 2013, Kumpulan Wang Amanah Sokongan Keluarga (KWASK) Seksyen 10 telah menyalurkan pendahuluan nafkah berjumlah RM215,150.00 (92 penerima). Bagi dana Akaun Amanah Bahagian Sokongan Keluarga (AABSK) Seksyen 9 pula, sebanyak RM797,119.00 telah disalurkan kepada seramai 344 orang penerima dari seluruh Negara.

### STATISTIK PENYALURAN DANA BAGI SETIAP NEGERI

NEGERI	BIL PENERIMA DANA		JUMLAH (RM)	
	DANA PERSEKUTUAN	DANA NEGERI	DANA PERSEKUTUAN	DANA NEGERI
<b>WILAYAH PERSEKUTUAN</b>	6	89	17,100.00	349,430.00
<b>SELANGOR</b>	13	50	33,600.00	179,250.00
<b>N.SEMBILAN</b>	5	5	7,000.00	4,200.00
<b>MELAKA</b>	9	19	19,500.00	35,469.00
<b>JOHOR</b>	6	10	22,800.00	37,600.00
<b>PULAU PINANG</b>	-	17	-	21,800.00
<b>PERLIS</b>	1	5	3,000.00	10,380.00
<b>PERAK</b>	5	2	22,200.00	4,500.00
<b>KEDAH</b>	3	18	2,880.00	1,300.00
<b>PAHANG</b>	5	6	7,860.00	11,940.00
<b>TERENGGANU</b>	7	55	16,200.00	101,010.00
<b>KELANTAN</b>	12	18	25,860.00	18,520.00
<b>SABAH</b>	13	-	26,950.00	-
<b>SARAWAK</b>	7	50	10,200.00	21,720.00
<b>JUMLAH</b>	<b>92</b>	<b>344</b>	<b>215,150.00</b>	<b>797,119.00</b>

STATISTIK PENDAHULUAN DANA DAN KUTIPAN BALIK DANA KWASK SEKSYEN 10  
MENGIKUT PECAHAN NEGERI




Di awal operasi BSK, penyaluran dana pendahuluan nafkah menggunakan dana KWASK Sekyen 10 memandangkan majoriti negeri belum lagi mewujudkan Akaun Amanah Bahagian Sokongan Keluarga (Seksyen 9) kecuali Negeri Pulau Pinang.

Merujuk kepada statistik di atas, jumlah keseluruhan pendahuluan dana yang disalurkan kepada penerima yang layak adalah sebanyak RM215,150.00 dan ianya merangkumi penerima dari 13 buah negeri di seluruh negara kecuali negeri Pulau Pinang yang menggunakan dana AABSK Seksyen 9 negeri tersebut.

Daripada jumlah RM215,150.00 yang telah disalurkan, sebanyak RM34,130 telah berjaya dikutip sehingga Disember 2013 mewakili 8 buah negeri iaitu Negeri Sembilan, Johor, Kedah, Pahang, Kelantan, Sarawak, Terengganu dan Selangor mewakili 15.86 peratus (%). Walaupun peratusan kutipan yang dicatatkan agak rendah berbanding dengan jumlah pendahuluan yang disalurkan, perlu juga dimaklumkan bahawa pembayaran balik dana pendahuluan ini adalah berdasarkan kepada kemampuan kewangan penghutang penghakiman atau pemiutang penghakiman dan pembayaran bukannya dilakukan secara sekaligus.


Namun, jumlah kutipan balik dicatatkan di atas boleh dikirakan sebagai suatu perkembangan positif memandangkan banyak faktor yang menjadi halangan kepada kutipan balik seperti tauliah peguam Syar'ie, pihak penghutang yang tidak dapat dikesan dan tidak memberikan kerjasama.

**STATISTIK PENDAHULUAN DAN KUTIPAN BALIK DANA KWASK MENGIKUT PECAHAN NEGERI YANG MENERIMA DAN TIDAK MENERIMA TAULIAH PEGUAM SYAR'IE SEHINGGA DISEMBER 2013**




Carta menunjukkan pendahuluan dana KWASK (Seksyen 10) mengikut jumlah (RM) dan bilangan penerima dana bagi negeri-negeri yang menerima tauliah peguam syar'ie berjumlah RM 161,570.00 bagi 70 penerima dan tidak menerima tauliah peguam syar'ie berjumlah RM 53,580.00 bagi 22 penerima sehingga Disember 2013.

**STATISTIK KUTIPAN BALIK DANA KWASK (SEKSYEN 10) MENGIKUT JUMLAH (RM) DAN BILANGAN (ORANG) BAGI NEGERI-NEGERI YANG MENERIMA DAN TIDAK MENERIMA TAUHIAH PEGUAM SYARIE SEHINGGA DISEMBER 2013**



Carta menunjukkan kutipan balik dana KWASK (Seksyen 10) yang diterima mengikut jumlah (RM) dan bilangan pembayar dana bagi negeri-negeri yang menerima tauliah peguam syarie berjumlah RM29,450.00 bagi 29 pembayar dan tidak menerima tauliah peguam syarie berjumlah RM 4,680.00 bagi 4 pembayar sehingga Disember 2013.

**PERBEZAAN PENDAHULUAN DAN KUTIPAN BALIK DANA KWASK (SEKSYEN 10) BERMULA SEPTEMBER 2010 SEHINGGA DISEMBER 2013**




Carta menunjukkan perbezaan jumlah pendahuluan dana dan kutipan balik dana KWASK (Seksyen 10) bermula September 2010 sehingga Disember 2013 termasuk peratusan kutipan balik mengikut tahun. Statistik di atas menunjukkan jumlah pendahuluan nafkah yang telah disalurkan mengikut kategori negeri-negeri yang menerima tauliah peguam Syarie dan negeri-negeri yang tidak menerima tauliah peguam Syarie sehingga Disember 2013.


Jumlah pendahuluan nafkah yang telah disalurkan di negeri-negeri yang menerima tauliah peguam Syarie adalah RM267,139.00 mewakili 187 penerima manakala negeri-negeri yang tidak menerima tauliah peguam Syarie pula jumlah pendahuluan nafkah berjumlah RM529,980.00 untuk 110 penerima. Jumlah keseluruhan pendahuluan yang telah disalurkan adalah RM797,119.00.

Dari sudut kutipan balik pula, jumlah kutipan bagi negeri-negeri yang menerima tauliah peguam Syarie adalah RM38,610.00 mewakili 43 pembayar manakala negeri-negeri yang tidak menerima tauliah peguam Syarie pula telah berjaya mencatat kutipan sebanyak RM25,150.00 dengan bilangan pembayar sebanyak 22 orang menjadikan jumlah kutipan keseluruhan sebanyak RM63,760.00.

STATISTIK PENDAHULUAN DAN KUTIPAN BALIK DANA AABSK (SEKSYEN 9) TAHUN 2013  
MENGIKUT PECAHAN NEGERI



Carta menunjukkan pendahuluan dana Akaun Amanah BSK (Seksyen 9) mengikut jumlah (RM) dan bilangan penerima dana sehingga Disember 2013.



Carta menunjukkan kutipan balik dana Akaun Amanah BSK (Seksyen 9) yang diterima mengikut jumlah (RM) dan bilangan pembayar dana sehingga Disember 2013.


Statistik di atas menunjukkan jumlah pendahuluan nafkah yang telah disalurkan mengikut kategori negeri-negeri yang menerima tauliah peguam Syar'ie dan negeri-negeri yang tidak menerima tauliah peguam Syar'ie sehingga Disember 2013.

Jumlah pendahuluan nafkah yang telah disalurkan di negeri-negeri yang menerima tauliah peguam Syar'ie adalah RM267,139.00 mewakili 187 penerima manakala negeri-negeri yang tidak menerima tauliah peguam Syar'ie pula jumlah pendahuluan nafkah berjumlah RM529,980.00 untuk 110 penerima. Jumlah keseluruhan pendahuluan yang telah disalurkan adalah RM797,119.00.


Dari sudut kutipan balik pula, jumlah kutipan bagi negeri-negeri yang menerima tauliah peguam Syar'ie adalah RM38,610.00 mewakili 43 pembayar manakala negeri-negeri yang tidak menerima tauliah peguam Syar'ie pula telah berjaya mencatat kutipan sebanyak RM25,150.00 dengan bilangan pembayar sebanyak 22 orang menjadikan jumlah kutipan keseluruhan sebanyak RM63,760.00.

### PELABURAN DANA KUMPULAN WANG AMANAH SOKONGAN KELUARGA, SEKSYEN 10

**STATISTIK KEUNTUNGAN DARI PELABURAN SEHINGGA DISEMBER 2013**



**PELABURAN DANA KUMPULAN WANG AMANAH SOKONGAN KELUARGA, SEKSYEN 10**




Bermula Januari 2012, Mesyuarat Jawatankuasa Kumpulan Wang Amanah Sokongan Keluarga (JKW), Seksyen 10 telah membuat ketetapan untuk melaburkan sejumlah RM10 juta dana KWASK. Pelaburan yang dilakukan adalah menggunakan instrumen kewangan Islam dan diurus tadbir oleh Kementerian Kewangan melalui Jabatan Akauntan Negara Malaysia (JANM).

Berdasarkan keputusan Mesyuarat di atas, sebanyak RM10 juta telahpun dilaburkan dengan pecahan RM5 juta dilaburkan ke Bank Pembangunan (M) Berhad selama tempoh satu (1) tahun dengan kadar keuntungan sebanyak 31.47%, manakala RM5 juta lagi dilaburkan di Malaysia Building Society Berhad (MBSB) selama enam (6) bulan dengan nisbah keuntungan sebanyak 55.38%.

Mesyuarat JKW juga memutuskan supaya pelaburan dana RM10 juta tersebut diteruskan lagi pada tahun 2013 dengan jumlah keuntungan hasil pelaburan adalah RM337,956.26. Jumlah ini sedikit menguncup jika dibandingkan dengan keuntungan pada tempoh yang sama tahun 2012 iaitu RM345,900.18.

## PENYELESAIAN KES MENERUSI PENGUATKUASAAN DAN PELAKSANAAN PERINTAH




Masih ramai masyarakat yang tidak mengetahui atau kurang pendedahan tentang betapa penting sesuatu perintah nafkah yang dikeluarkan Mahkamah Syariah dikuatkuasakan terlebih jika perintah nafkah yang dikeluarkan gagal dipatuhi oleh pihak suami/bekas suami atau bapa.

Maka, di sinilah peranan utama dimainkan BSK selaras dengan hasrat utama penubuhannya iaitu membantu menguatkuasa dan melaksanakan perintah nafkah. BSK melalui Unit Penguatkuasaan dan Pelaksanaan Perintah (UPPP) mengambil langkah proaktif dari semasa ke semasa dalam memastikan segala perintah nafkah yang dikeluarkan oleh mahkamah Syariah dipatuhi oleh penghutang penghakiman. Di samping itu, keberkesanan unit ini juga akan memberi impak positif dalam menjamin pembayaran balik dana pendahuluan nafkah yang telah disalurkan kepada pemiutang penghakiman.

Carta di atas menggambarkan statistik kes penguatkuasaan di SBSK seluruh negara bermula dari awal pendaftaran kes sehingga mencapai penyelesaian sama ada melalui proses Rundingcara, prosiding Mahkamah atau Tarik Balik. Statistik menunjukkan bahawa SBSK Johor mencatatkan pendaftaran kes tertinggi berjumlah 153 kes diikuti SBSK Selangor dan Terengganu masing-masing dengan jumlah 141 dan 94 kes. Dari sudut penyelesaian pula menyaksikan SBSK Terengganu mencatatkan kes paling banyak berjaya diselesaikan iaitu sebanyak 113 kes (merangkumi kes tahun 2012 sebanyak 117 kes) diikuti SBSK Negeri Sembilan dengan kes selesai berjumlah 102 kes dan SBSK Pulau Pinang sebanyak 75 kes.

Keseluruhan pendaftaran kes pada tahun 2013 berjumlah 893 kes berbanding 669 kes pada tahun 2012. Kes selesai pula berjumlah 664 kes berbanding 443 pada tahun 2012. Peratus keseluruhan kes yang berjaya diselesaikan pada tahun 2013 adalah 40.4 peratus berbanding 36.4 peratus (%) pada tahun 2012 dan hanya 29.5 peratus (%) pada tahun 2011.

TAHUN	PERATUS (%) SELESAI
TAHUN 2013	40.4
TAHUN 2012	36.4
TAHUN 2011	29.5





## PERMASALAHAN DAN KEKANGAN YANG DIHADAPI

Selari dengan peredaran masa, BSK melangkah dengan penuh yakin dalam usaha memastikan keadilan Syariah tertegak di Malaysia iaitu dengan matlamat menguatkuasa dan melaksanakan perintah nafkah yang dikeluarkan Mahkamah Syariah. Justeru, salah satu unit terpenting di BSK ialah Unit Penguatkuasaan dan Pelaksanaan Perintah yang berperanan membantu secara khusus ibu/isteri/anak-anak yang dibiarkan oleh suami/bekas tanpa sebarang pembiayaan nafkah. Namun, disebalik kejayaan-kejayaan yang dicapai, terdapat perkara yang begitu penting menghalangi usaha-usaha BSK dalam memastikan kejayaan dan keberkesanan gerak kerja yang dilaksanakan. Berikut adalah beberapa permasalahan yang dihadapi oleh BSK dan SBSK negeri:

### 1. PENERIMAAN PEGAWAI SBSK SEBAGAI PEGUAM SYAR'IE

Pentauliahan peguam Syar'ie kepada pegawai BSK merupakan suatu keperluan mendesak ke arah menjayakan hasrat penubuhan BSK iaitu membantu menguatkuasa dan melaksanakan perintah nafkah yang dikeluarkan Mahkamah Syariah. Ketiadaan tauliah sememangnya terbukti memberi kesan yang sangat signifikan kepada pegawai BSK untuk mewakili mereka yang berhak.

Justeru, suatu keputusan telah dicapai dalam Mesyuarat Ketua-ketua Hakim Syar'ie kali ke-51 supaya pegawai SBSK diterima masuk sebagai peguam Syar'ie. Sehingga 2013, sebanyak sepuluh (10) buah negeri telah pun menganugerahkan tauliah peguam Syar'ie kepada pegawai BSK berbanding hanya empat (4) negeri pada tahun 2011. Empat (4) Negeri lagi yang masih belum menganugerahkan tauliah peguam Syar'ie iaitu Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Selangor, Kedah dan Perak.

Berikut adalah jadual secara terperinci pentauliahan peguam Syar'ie di Negeri-Negeri mengikut pecahan negeri perkhidmatan guna sama dan bukan guna sama:

PENTAULIAHAN PEGUAM SYAR'IE DI NEGERI-NEGERI					
GUNASAMA			BUKAN GUNASAMA		
	YA	TIDAK		YA	TIDAK
Wilayah Persekutuan		X	Kelantan	√	
Selangor		X	Terengganu	√	
Negeri Sembilan	√		Pahang	√	
Pulau Pinang	√		Johor	√	
Sabah	√		Kedah		X
Melaka	√		Perak		X
			Perlis	√	
			Sarawak	√	
<b>JUMLAH</b>	<b>4</b>	<b>2</b>		<b>6</b>	<b>2</b>

### 2. PENERIMAAN BAILIF SBSK SEBAGAI PEGAWAI MAHKAMAH

Penyerapan bailif SBSK sebagai pegawai mahkamah telah diputuskan menerusi ketetapan Mesyuarat Ketua-Ketua Pendaftar Seluruh Malaysia Kali Ke-43. Ketetapan tersebut juga bertepatan dengan keputusan yang telah dicapai di dalam Mesyuarat Ketua-ketua Hakim Syar'ie kali ke-51 pada Mac 2010 berhubung penerimaan kakitangan SBSK sebagai bailiff Mahkamah.

Sehingga kini, kakitangan di Dua Belas (12) buah negeri telah menerima arahan daripada YAA Ketua Hakim Syar'ie Negeri yang mengarahkan agar bailiff SBSK bertindak selaku pegawai mahkamah. Negeri-negeri yang terlibat ialah Perak, Sabah, Wilayah Persekutuan, Negeri Sembilan, Pulau Pinang, Perlis, Johor, Selangor, Melaka, Kelantan, Pahang dan Kedah.

Berikut adalah jadual secara terperinci berhubung perlantikan bailif di Negeri-Negeri mengikut pecahan negeri perkhidmatan guna sama dan bukan guna sama:

PERLANTIKAN BAILIF DI NEGERI-NEGERI					
GUNA SAMA			BUKAN GUNA SAMA		
	YA	TIDAK		YA	TIDAK
Wilayah Persekutuan	√		Kelantan	√	
Selangor	√		Terengganu		X
Negeri Sembilan	√		Pahang	√	
Pulau Pinang	√		Johor	√	
Sabah	√		Kedah	√	
Melaka	√		Perak	√	
			Perlis	√	
			Sarawak		X
<b>JUMLAH</b>	<b>6</b>	<b>0</b>		<b>5</b>	<b>2</b>

#### REAKSI DAN PANDANGAN MASYARAKAT BERHUBUNG PERANAN BSK

Keberadaan BSK dalam membantu masyarakat di Malaysia terutamanya isteri, bekas isteri dan anak-anak tidak mampu disanggah lagi. Menginjak usia lima tahun operasinya, pelbagai reaksi samada positif atau negatif serta kritikan sudah dianggap sebagai satu motivasi ke arah menambah baik gerak kerja BSK dengan lebih sistematik pada masa akan datang. Tidak keterlaluan jika dikatakan majoriti masyarakat sama ada melalui temubual langsung, bertulis atau spontan menyatakan kepuasan hati mereka terhadap khidmat yang ditawarkan BSK samada melalui pendahuluan nafkah atau pun tindakan penguatkuasaan yang dilaksanakan.

Berikut adalah secebis kata-kata pujian dan maklumbalas masyarakat terhadap peranan BSK:

Puan Noerhayaty Dollah dari Kuala Lumpur, Penerima dana pendahuluan tahun 2013 menyatakan "Kini saya boleh menarik sedikit nafas lega apabila menerima bantuan RM1000.00 daripada BSK Mahkamah Syariah Wilayah Persekutuan sejak Ogos lalu sebagai menambah perbelanjaan hidup sekeluarga. Beliau juga menambah, kehadiran dua orang pelajar dari Universiti Malaya ke rumahnya Julai lalu memberi sinar apabila masalah saya dirujuk kepada BSk dan mendapat perhatian segera".

"Terima kasih banyak sebab tolong akak, nafkah anak dah dilaksanakan bekas suami."- Puan Nazul Zalia, klien BSK MSWP

"Terima kasih banyak BSK, dengan tindakan penguatkuasaan yang dibuat disokong dengan ketegasan Hakim, keluarga bekas suami ambil berat tentang tunggakan nafkah nafkah semasa anak"- Puan Ramizah

Pelanggan bernama Nurul Ashikin Binti Zinal Habedin dari Johor menyatakan: "Kalau BSK Johor tak panggil ex husband saya, saya tak tau bila dia (bekas suami) akan bayar hutang. Asik mengelak dan lari je. Alhamdulillah, BSK Johor dapat bantu saya untuk belanja anak-anak."

Seorang lagi pelanggan dari SBSK Johor iaitu Puan Misnani binti Rahmat pula memberi maklumbalas "Puas dah saya ke sana ke sini nak hak saya. Ditambah pula dengan karenah anak yang memeningkan kepala saya. Baguslah BSK Johor dapat tolong penjarakan dia (bekas suami) sampailah dia bayar RM10,000.00 dan saya sedikit lega"

Komen dan reaksi positif di atas bukan sahaja memberi gambaran baik kepada masyarakat malah mampu menyuntik semangat yang lebih jitu dan padu kepada setiap jiwa penggerak BSK di seluruh Malaysia. Semoga dengan kehadiran BSK di lapangan ini akan terus menerus dapat membantu isteri, bekas isteri dan anak-anak yang menjadi mangsa terhadap kegagalan suami, bekas suami atau bapa dalam menjalankan tanggungjawab memberi nafkah.

#### AKTIVITI BSK JKSM 2013

BIL.	PERKARA	TARIKH	TEMPAT
1.	Memberikan Taklimat Berkaitan Peranan dan Fungsi BSK kepada Agensi Kerajaan Negeri Perak	16 Januari 2013	Bilik Gerakan Aras 3, Jabatan Kehakiman Syariah Negeri Perak
2.	Pengarah BSK sebagai Panel Jemputan Ceramah Mengenai Undang-Undang Syariah Kpd Pemimpin Moro Islamic Liberation Front (MILF)	21-23 Januari 2013	Cotabato City, Mindanao Filipina
3.	Mengurusetia Bengkel Pengukuhan Institusi Kekeluargaan Islam Di Mahkamah Syariah Wilayah Persekutuan (MSWP)	26 Mac 2013	Dewan Persidangan, MSWP Kuala Lumpur
4.	Pengarah BSK, Dr Mohd Na'im Bin Mokhtar sebagai <i>Visiting Fellow</i> di <i>Harvard Law School, United States of America (USA)</i>	31 Januari – 2 Jun 2013	Harvard Law School, USA
5.	Kunjung Hormat Bahagian Sokongan Keluarga Ke Yayasan Dakwah Islamiah Malaysia (YADIM)	1 Julai 2013	Pusat Islam Kuala Lumpur
6.	Pengarah BSK diundang Ke Majlis Pembentangan Dan Sidang Media Dapatan Kajian "Pemacuans Transformasi Sistem Perundangan Islam di Malaysia"	1 Julai 2013	Dewan Besar Institut Kefahaman Islam Malaysia (IKIM), Jalan Duta, Kuala Lumpur
7.	Pengarah BSK sebagai Panel Jemputan Tajuk :Isu Tunggakan Nafkah, Terbelakah Nasib Ibu Tunggal Dan Anak-Anak Selepas Perceraian	21 Ogos 2013	Institut Latihan Kehakiman dan Perundangan (ILKAP), Bangi
8.	Pengarah BSK bersiaran dalam Slot Dinamika Perundangan	19, 26 Sept. 2013 & 3, 10 Okt. 2013	Kont Radio, IKIM.fm, Jalan Duta, Kuala Lumpur
9.	Kunjungan Hormat Bahagian Sokongan Keluarga Ke Unit Permodenan Tadbiran Dan Perancangan Pengurusan Malaysia (MAMPU)	30 September 2013	Unit Permodenan Tadbiran dan Perancangan Pengurusan Malaysia (MAMPU).
10.	Pengarah BSK Sebagai Ahli Panel Forum "The Challenges In The Registration Of A Newborn" Anjuran Majlis Peguam	19 Oktober 2013	Jawatankuasa Peguam KL, Tingkat 8, Wisma Kraftangan)
11.	Pengarah BSK Sebagai Penceramah Undang-Undang Jenayah Syariah, Majlis Ilmu 2013	22-28 Oktober 2013	Brunei
12.	Mengurusetia Persidangan Pegawai dan Kakitangan BSK Seluruh Malaysia Kali Pertama	7-9 November 2013	Eagle Ranch Resort, Port Dickson Negeri Sembilan.
13.	Lawatan Kerja Bahagian Sokongan Keluarga (BSK) Ke Perbadanan Produktiviti Malaysia (MPC)	21 November 2013	Pejabat Perbadanan Produktiviti Malaysia (MPC), Petaling Jaya.
14.	Pengarah BSK sebagai Ahli Panel Wacana/ Forum : Isu Wanita dan undang-Undang	23 November 2013	Dewan Kuliah 1,L50.UTM Skudai)
15.	Pengarah BSK dalam Slot Momentum Di Radio IKIM.fm	11 Disember 2013	IKIM
16.	Pengarah BSK sebagai Panel jemputan sempena "Seminar On Islamic Law In Practice With Global Perspective"	25 Disember 2013	Balai Ilmu Akedemi Pengajian Islam UM


AKTIVITI SEKSYEN BAHAGIAN SOKONGAN KELUARGA, NEGERI-NEGERI 2013

BIL.	PERKARA	TARIKH	TEMPAT
1.	Sesi Soal Jawab Pegawai SBSK Sabah Berkaitan BSK dalam slot Program Informasi Khidmat Awam (PIKA Bersama RTM Sabah	11 Januari 2013	RTM Sabah
2.	Penolong Pengarah Kanan SBSK Selangor Di Rancangan Khidmat Syariah TV Alhijrah	12 Januari 2013	Stesen TV Al-Hijrah
3.	Kerjasama Bailif SBSK Kelantan dengan Bahagian Penguatkuasaan Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Kelantan (JAHEIK)	30 Januari 2013	Bahagian Penguatkuasaan (JAHEIK)
4.	Lawatan dari Jabatan Pembangunan Wanita ke BSK Transit Kuala Lumpur, Jalan Duta	14 Februari 2013	BSK Transit, Jalan Duta.
5.	Seminar Celik Undang-Undang Syariah Keluarga Islam "Nafkah: Fahami Hak Anda"	22 Februari 2013	Dewan Jubli Intan Daerah Mersing, Johor
6.	Kunjungan Hormat SBSK Kelantan ke Jabatan Imigresen Kelantan untuk mengadakan kerjasama mengesan Penghutang Penghakiman	24 Februari 2013	Jabatan Imigresen Kelantan
7.	SBSK Pahang sertai Klinik Bantuan Guaman 1 Malaysia	25 Februari 2013	Jabatan Bantuan Guaman, Kuantan.
8.	Kunjung Hormat SBSK Wilayah Persekutuan ke atas Hakim Mahkamah Tinggi Syariah Putrajaya	25 Februari 2013	MSWP Putrajaya
9.	SBSK Perak Di Seminar Kefahaman Undang-Undang	27 Februari 2013	Dewan Kuliah Masjid Nurul Hidayah Seri Manjung, Perak Darul Ridzuan
10.	SBSK Johor Di Karnival Mahabbah IKIM.fm	10 Mac 2013	Dataran Plaza Angsana, Johor Bharu
11.	Kunjungan Hormat SBSK Kelantan ke Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP)	12 Mac 2013	KWSP, Kota Bharu
12.	Kunjungan Hormat SBSK Kelantan ke Jabatan Pendaftaran Negeri Kelantan	19 Mac 2013	Jabatan Pendaftaran Negeri Kelantan
13.	Seminar Kekeluargaan Islam Peringkat Negeri Perak : "Isu Nafkah – Beban Atau Tanggungjawab..?"	21 Mac 2013	JKSN Perak
14.	Penyelarasan Kod Akaun Amanah Dan Majlis Penyampaian Dana Seksyen Bahagian Sokongan Keluarga, Jabatan Kehakiman Syariah Negeri Sabah	2 April 2013	Hotel Promenade, Kota Kinabalu
15.	Majlis Penyampaian Wang Dana Pendahuluan Nafkah, Seksyen Bahagian Sokongan Keluarga, Jabatan Kehakiman Syariah Terengganu Bagi Tahun 2013	4 April 2013	Jabatan Kehakiman Syariah Terengganu
16.	Kunjungan Hormat SBSK Pahang Dengan Kerjasama Jksp Ke Jbg Kuantan, Pahang	15 April 2013	JBG Pahang

BIL.	PERKARA	TARIKH	TEMPAT
17.	Lawatan Kerja Rasmi Seksyen Bahagian Sokongan Keluarga (SBSK JKSTR) Ke Jabatan Pembangunan Wanita Negeri Terengganu	22 April 2013	Jabatan Pembangunan Wanita Negeri Terengganu
18.	SBSK Melaka mengadakan lawatan kerja ke Jabatan Imigresen Malaysia Negeri Melaka	23 April 2013	Jabatan Imigresen Malaysia Negeri Melaka
19.	Kunjung hormat SBSK Kelantan ke (Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO) Kelantan	29 April 2013	PERKESO, Kota Bharu
20.	Majlis Pelancaran BSK Transit Dan Penyerahan Pendahuluan Nafkah BSK Jabatan Kehakiman Syariah Selangor	31 Mei 2013	JAKESS
21.	Kunjung Hormat SBSK JKSND Kedah ke Pejabat Pembangunan Wanita Negeri Kedah (PPWNK)	9 Jun 2013	Kompleks Alor Setar
22.	SBSK Wilayah Persekutuan Perkukuh Hubungan Dengan MAIWP, JPW dan JBG LABUAN	14 Jun 2013	MSWP Labuan
23.	Kunjungan Hormat BSK Jabatan Kehakiman Syariah Sarawak Ke Jabatan Imigresen Malaysia Sarawak	20 Jun 2013	Bangunan Sultan Iskandar
24.	Kunjungan Hormat Seksyen Bahagian Sokongan Keluarga Negeri Sembilan ke Ibu Pejabat Polis Daerah Seremban 2, Negeri Sembilan Pengenalan	3 Julai 2013	Ibu Pejabat Polis Daerah Seremban
25.	Lawatan Kerja Seksyen Bahagian Sokongan Keluarga Negeri Sembilan Ke Syarikat Air Negeri Sembilan (SAINS)	5 Julai 2013	Syarikat Air Negeri Sembilan (SAINS)
26.	Kunjungan Hormat BSK Jabatan Kehakiman Syariah Sarawak Ke Jabatan Pendaftaran Negara Negeri Sarawak	31 Julai 2013	Bangunan Tun Datuk Patinggi, Tuanku Haji Bujang Kuching Sarawak.



Sekitar Bengkel Pengukuhan Institusi Kekeluargaan Islam di Mahkamah Syariah Wilayah Persekutuan pada 26 Mac 2013.



Dr Mohd Na'im Mokhtar ketika sebagai Fello Pelawat di Harvard Law School, USA dari Februari sehingga Mei 2013.



BSK






# BAHAGIAN DASAR & PENYELIDIKAN (BDP)



# CARTA ORGANISASI BAHAGIAN DASAR DAN PENYELIDIKAN





## Kajian Komprehensif

### 1. Kajian Keberkesanan Sulh di Mahkamah Syariah Seluruh Malaysia.

Kajian ini dilaksanakan adalah untuk melihat sejauh mana keberkesanan pelaksanaan Majlis Sulh di Mahkamah Syariah seluruh Malaysia. Dalam kajian ini, metodologi yang digunakan ialah kualitatif (temu bual) dan kuantitatif (borang soal selidik). Selain itu, kajian ini juga akan melihat kepada halangan-halangan yang menyumbang kepada kegagalan Majlis Sulh serta keperluan dan kemudahan yang diperlukan bagi memastikan kelancaran perjalanan Majlis Sulh.

Hasil kajian tersebut penyelidik berjaya menemui dapatan kajian berkaitan pengendalian dan pengurusan Majlis Sulh di mahkamah Syariah, penilaian terhadap Prosedur Majlis Sulh, tahap kompetensi Pegawai Sulh, pengurusan sumber manusia, persekitaran dan fasiliti Majlis Sulh, penilaian terhadap proses perjalanan Majlis Sulh sebelum, semasa dan selepas, Keberkesanan Majlis Sulh mengikut persepsi Pegawai Sulh dan pihak-pihak.

Secara kesimpulannya, sulh adalah sangat berkesan dalam mempercepatkan penyelesaian kes di mahkamah Syariah selaras dengan objektif penubuhannya iaitu bagi mengurangkan kes-kes tertunggak dan menjimatkan kos-kos mahkamah serta pihak-pihak. Sehubungan dengan itu, Majlis Sulh perlu diteruskan dan diperkasakan pada masa akan datang kerana ia memberi banyak impak yang positif kepada institusi kehakiman khususnya dan masyarakat umumnya. Di samping itu juga, penambahbaikan yang berterusan adalah perlu sejajar dengan keperluan perundangan semasa bagi meningkatkan keberkesanan dan kecekapan pentadbiran sulh di mahkamah Syariah seluruh Malaysia.

Kajian tersebut telah berjaya disempurnakan pada bulan Mac 2013 dan telah dibukukan sebagai rujukan hasil kajian yang telah dilaksanakan oleh Bahagian Dasar & Penyelidikan.

### 2. Kajian Penyelesaian Kes Dalam Tempoh Dua Belas Bulan Di Mahkamah Syariah Seluruh Malaysia.

Kajian ini telah dicadangkan dalam Mesyuarat Ketua Pendaftar Seluruh Malaysia kali ke-50 Bil.1/2012 pada 27-29 Februari 2012 bertempat di Hotel Felda Residence Kuala Terengganu.

Secara umumnya kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti bebanan tugas pengendalian kes yang terpaksa dihadapi oleh seorang hakim syarie dalam menyelesaikan kes di Mahkamah Syariah dalam tempoh satu tahun. Lebih khusus, objektif kajian ini adalah seperti berikut:

- i. Untuk mengenal pasti peratusan penyelesaian kes oleh seseorang Hakim
- ii. Untuk mengenal pasti peratus penyelesaian kes mal dan jenayah oleh seorang Hakim di Mahkamah Rayuan Syariah, Mahkamah Tinggi Syariah dan Mahkamah Rendah Syariah dalam tempoh setahun di Mahkamah Syariah yang mempunyai bilangan kes banyak dan di Mahkamah Syariah yang mempunyai bilangan kes yang sedikit.
- iii. Untuk mencadangkan langkah penambahbaikan pada masa akan datang.

Gerak Kerja Kajian ini bermula pada bulan Oktober 2013 dan masih lagi dalam tindakan. Kajian ini dijangka siap sepenuhnya pada 30 April 2014.

### **3. Kertas Laporan Kajian Kepuasan Pelanggan MS ISO 9001:2008 berkaitan Pengendalian Kes Mahkamah Rayuan dan Arahan Amalan Mahkamah Syariah**

Kajian ini telah disiapkan sepenuhnya pada 30 September 2013 dan akan dibentangkan dalam MKSP 2013 yang akan diadakan pada bulan Mac 2014.

Objektif kualiti bagi kepuasan pelanggan MS ISO 9001:2008 berkaitan Pengendalian Kes Mahkamah Rayuan dan Arahan Amalan Mahkamah Syariah adalah bertujuan memastikan proses pengendalian maklumbalas pelanggan dilaksanakan dengan cekap dan teratur supaya tindakan penambahbaikan terhadap sistem pengurusan kualiti dapat dilaksanakan secara berkesan dan berterusan.

#### **Kertas Cadangan berkaitan Arahan Amalan**

##### **1. Kertas Cadangan Arahan Amalan Berkaitan Prosedur Pelaksanaan Waran Tangkap Kes Mal**

Tujuan kertas konsep ini dibuat adalah untuk mengemukakan cadangan bagi memasukkan Prosedur pelaksanaan waran tangkap kes mal untuk dijadikan sebagai Arahan Amalan.

Mesyuarat Jawatankuasa Induk Arahan Amalan telah bersetuju supaya kertas konsep tersebut diterima untuk dijadikan Arahan Amalan Tahun 2013.

##### **2. Kertas Konsep Cadangan Pembatalan Arahan Amalan No.6 Tahun 2000 (Jangkamasa Penyelesaian Kes Mengikut Piagam Pelanggan)**

Tujuan kertas konsep ini dibuat adalah untuk mendapat pertimbangan dan kelulusan ahli mesyuarat terhadap cadangan untuk pembatalan Arahan Amalan No. 6 Tahun 2000 berkenaan Jangka Masa Penyelesaian Kes Mengikut Piagam Pelanggan.

Mesyuarat Jawatankuasa Induk Arahan Amalan bersetuju supaya kertas konsep tersebut diterima untuk dijadikan Arahan Amalan dengan pindaan seperti berikut :

- i. Menukar tajuk Arahan Amalan kepada "Had Masa Sebutan Dan Perbicaraan"
- ii. Menukar ayat dalam draf daripada "...tempoh penyelesaian kes adalah 180 hari..." kepada "Sebutan satu-satu kes hendaklah dibuat dalam tempoh 21 hari selepas kes difailkan dan tempoh penyelesaian kes adalah 30 hari dengan syarat segala kehendak kes dipatuhi dan prosiding kes berjalan lancar."
- iii. Membatalkan Arahan Amalan No.6 Tahun 2000 dan Arahan Amalan No.2 Tahun 2001

##### **3. Kertas Cadangan Penyeragaman Pendengaran permohonan Perintah Luar Bidang Kuasa Mengenai Saman/Perintah/Waran.**

Tujuan kertas konsep ini dibuat adalah untuk mendapatkan pertimbangan dan persetujuan Ahli Jawatankuasa Arahan Amalan berhubung dengan cadangan penyeragaman prosedur pendengaran permohonan perintah luar bidang kuasa (perintah bersaling) bagi seluruh Malaysia.

Mesyuarat Jawatankuasa Induk Arahan Amalan bersetuju supaya kertas konsep tersebut diterima untuk dijadikan Arahan Amalan dengan pindaan iaitu menggabungkan Arahan Amalan No.16 Tahun 2002 dengan cadangan yang baharu serta membatalkan Arahan Amalan No.16 Tahun 2002.

#### 4. Kertas konsep Tempoh Had Masa Bagi Proses Penyampaian Saman Luar Bidang Kuasa Di semenanjung, Sabah, Sarawak dan Luara Negara.

Tujuan kertas konsep ini dibuat adalah untuk mendapatkan pertimbangan dan persetujuan Ahli Jawatankuasa Arahan Amalan berhubung penetapan tempoh masa yang sesuai daripada permohonan keluar perintah hingga affidavit penyampaian difailkan. Dengan adanya penetapan tempoh ini sekaligus dapat member masa yang lebih kepada penyampai notis untuk menyerahkan saman/waran/perintah.

Kertas kerja tersebut telah dibentangkan di Mesyuarat Ketua Pendaftar pada 8-10 Oktober 2013 dan diterima dengan pindaan terhadap kertas konsep yang dikemukakan seterusnya akan dibentangkan dalam Mesyuarat jawatankuasa kerja Arahan Amalan bagi tahun 2014.

Program dan Aktiviti yang dijalankan Bahagian Dasar & Penyelidikan Tahun 2013

BIL	NAMA AKTIVITI/PROGRAM	TARIKH	TEMPAT	PESERTA
1.	Mesyuarat Jawatan Kuasa Khas Isu Harta Al-Mafqud	14 Januari	Dewan Persidangan Aras 4, Mahkamah Syariah Putrajaya	Dipengerusikan oleh YB Menteri di Jabatan Perdana Menteri. Mesyuarat telah dihadiri oleh pelbagai agensi berkaitan antaranya JAKIM, JAWHAR, Kementerian Kewangan, Jabatan Peguam Negara, Amanah Raya Berhad, ASNB, KWSP, LHDN, Jabatan Akauntan Negara, Persatuan Institusi Perbankan Islam Malaysia (AIBIM), Bank Negara Malaysia dan JKPTG (NRE)
2.	Mesyuarat Eksekutif al-Mafqud.	8 Oktober	Grand Season Hotel, Kuala Lumpur.	Bengkel tersebut dihadiri seramai 23 orang peserta dari pelbagai agensi dan dipengerusikan oleh Y.A.A Tan Sri Dr. Ibrahim bin Lembut.
3.	Bengkel J/K Teknikal Nas Al Quran, Al Hadis dan Pendapat Al Fuqaha bagi Portal E Syariah	Bil.1 25-27 Feb, Bil.2 1-3 Julai, Bil.3 27-29 Ogos Bil.4 11-13 Nov	Sekitar Lembah Klang, Negeri Sembilan dan Melaka	Terdiri daripada Ahli J/K yang telah dilantik dan tenaga pakar dari luar.
4.	Bengkel Eksekutif Panel Pentashih Nas Portal E-Syariah	17-19 Sep	Hotel Concorde Shah Alam.	YAA Tan Sri, Hakim Rayuan dan ahli panel yang dilantik.
5.	Muzakarah Pegawai Penyelidik Malaysia kali ke 3.	21-23 Oktober	Hotel Aston Nilai, Negeri Sembilan	Dihadiri oleh Pegawai Penyelidik BDP, Penyelidik HMRy, Penyelidik KHS dan HMTS dan ALAS negeri di seluruh Malaysia
6.	Bengkel Penulisan Ilmiah & Penguruan Artikel	11- 13 Disember	Hotel Oriental Crystal Kajang	Para peserta terdiri daripada pegawai penyelidik Hakim Mahkamah Rayuan Syariah JKSM, Pengawai penyelidik JKSN/MSN zon tengah, JAWI dan Pegawai-pegawai Bahagian Dasar & Penyelidikan JKSM

## Mesyuarat Jawatan Kuasa Khas Isu Harta Al-Mafqud

Bahagian Dasar Dan Penyelidikan JKSM dengan kerjasama Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) dan Jabatan Wakaf dan Haji (JAWHAR) telah mengadakan Mesyuarat Jawatankuasa khas Isu Harta Al Mafqud pada 14hb. Januari 2013 (Isnin) jam 10.00 Pagi di Bilik Persidangan Aras 4, Mahkamah Syariah Wilayah Persekutuan Putrajaya. Mesyuarat ini telah dihadiri oleh 22 agensi yang terlibat. Antara agensi-agensi tersebut adalah seperti Kementerian Kewangan, Jabatan Peguam Negara, Amanah Raya Berhad, ASNB, KWSP, LHDN, Jabatan Akauntan Negara, Persatuan Institusi Perbankan Islam Malaysia (AIBIM), Bank Negara Malaysia dan JKPTG (NRE).

Tujuan Mesyuarat ini diadakan, hasil daripada pembentangan kertas cadangan bertajuk “ Al-Mafqud : Permasalahan dan Penyelesaian Menurut Perundangan Syariah di Malaysia” yang telah dibentangkan oleh JKSM dalam mesyuarat Pengurusan JPM Bil.4 Tahun 2012 dan Mesyuarat Jawatankuasa Kerja kepada Jawatankuasa Tadbir Urus JPM Bil.3 Tahun 2012. Mesyuarat tersebut telah bersetuju untuk menubuhkan Jawatankuasa Khas bagi melaksanakan kajian terperinci mengenai isu harta al-Mafqud. Hasil daripada mesyuarat yang dipengerusikan oleh YB. Mejar Jeneral Dato’ Seri Jamil Khir bin Hj. Baharom (B) telah bersetuju agar Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia (JKSM) bekerjasama dengan Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) untuk menubuhkan makmal al Mafqud.



## BENGKEL EKSEKUTIF PANEL PENTASHIH NAS AL-QURAN, AL-HADITH & FUQAHA' PORTAL E-SYARIAH 2013

Bahagian Dasar dan Penyelidikan dengan kerjasama Bahagian Latihan telah mengadakan Bengkel Eksekutif Panel Pentashih Nas al-Quran', al-Hadith dan Fuqaha' pada 17 hingga 19 September 2013 bertempat di Hotel Concorde, Shah Alam, Selangor. Bengkel Eksekutif itu dipengerusikan oleh YAA. Tan Sri Dr. Ibrahim Lembut Ketua Pengarah/Ketua Hakim Syarie Malaysia JKSM manakala ahli-ahli lain terdiri dari kalangan YA. Hakim-hakim Mahkamah Rayuan, ahli akademik universiti tempatan yang merupakan pakar dalam bidang al-Quran, al-Hadith, fiqh dan bahasa arab.

Bengkel ini diadakan bertujuan bagi menyemak, meneliti dan mengesahkan (tashih) nas-nas yang bertepatan dengan kod-kod kes Mal dan Jenayah di Mahkamah Syariah seluruh Malaysia untuk digunapakai oleh para hakim syarie, peguam syarie, pendakwa syarie, pengamal undang-undang dan ahli akademik untuk dijadikan sebagai bahan rujukan dalam pelbagai aspek baik dalam bidang perundangan kehakiman syariah atau bagi tujuan akademik dalam kerangka mendidik masyarakat agar lebih dekat dengan nas-nas yang digunapakai di Mahkamah Syariah.

Pada tahun 2013, nas portal merupakan Indeks Petunjuk Pencapaian Prestasi (KPI) bagi YAA. Tan Sri Dr. Ibrahim Lembut dengan kadar yang ditetapkan adalah Pencapaian 80% pentashihan daripada 50 nas-nas al-Quran', al-Hadith dan Fuqaha' bagi portal E-Syariah. Sebanyak 104 nas-nas yang diangkat oleh ahli-ahli Jawatankuasa Teknikal Nas Portal yang dipengerusikan oleh YBhg. Tuan Mohd Radzi bin Abd. Latif Ketua Pendaftar JKSM. Alhamdulillah dengan kerjasama dan komitmen semua pihak yang terlibat, BDP telah berjaya mencapai 87.5% KPI YAA Tan Sri Dr sekaligus melebihi tahap yang ditetapkan sebanyak 80%.

Pihak BDP mengucapkan tahniah dan ucapan jutaan terima kasih kepada para penal pentashih atas kegigihan, komitmen dan kerjasama yang ditunjukkan sehingga Petunjuk Prestasi YAA. Tan Sri Dr dapat dicapai dengan cemerlang pada tahun 2013 ini. Semoga segala komitmen itu dibalas dengan pahala yang setimpal oleh Allah SWT dan dijadikan amal soleh.



## MUZAKARAH PEGAWAI PENYELIDIK KALI KE-3 TAHUN 2013

Bahagian Dasar dan Penyelidikan, Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia telah menganjurkan Muzakarah Pegawai Penyelidik Seluruh Malaysia Kali Ke-3 Tahun 2013 pada 21 hingga 23 Oktober 2013 bertempat The Aston Hotel Nilai Negeri Sembilan yang bertemakan ‘Ke Arah Pemantapan Penyelidikan Mahkamah Syariah’. Peserta muzakarah terdiri daripada Penasihat Undang-undang negeri, Pegawai Penyelidik Hakim Mahkamah Rayuan JKSM dan Pegawai Penyelidik Mahkamah Syariah seluruh Malaysia.

Pengisian muzakarah dimulakan dengan sesi pembentangan hasil penyelidikan Pegawai Penyelidik dari zon tengah dan zon utara berkenaan ‘Pernikahan Ahli Kitab’ dan ‘Isu Talaq Tiga Samada Jatuh Satu Atau Tiga Sekaligus’. Tajuk tersebut telah dikupas dengan lebih mendalam oleh Tuan Guru Syaikh Muhammad Nuruddin bin Haji Marbu bin Abdullah Thayyib Al-Banjari Al-Makki yang merupakan pendakwah bebas di Malaysia.

Bersempena dengan Muzakarah tersebut satu lawatan ke Institut Pengurusan dan Penyelidikan Fatwa Sedunia (INFAD) USIM yang telah diadakan pada 22 Oktober 2013, diketuai oleh YBhg. Datin Siti Maszuriyati binti Aziz yang merupakan Pengarah Bahagian Dasar dan Penyelidikan, JKSM. Lawatan tersebut disambut baik oleh Pengarah INFAD iaitu Prof. Dr. Haji Abdul Samat bin Musa serta beberapa orang kakitangan INFAD. Sesi lawatan dimulakan dengan ucapan wakil kedua-dua belah pihak, taklimat berkenaan INFAD dan penyerahan cenderahati sebagai tanda kenangan. Peserta juga dibawa meninjau ke pejabat INFAD untuk mengenali dengan lebih dekat proses dan kaedah yang dilaksanakan pihak INFAD dalam mengurus fatwa sedunia. Kunjungan ini bertujuan mengeratkan lagi hubungan silaturrahim antara kedua-dua belah pihak dan menjalinkan kerjasama demi pembangunan Islam di Malaysia.





Majlis penutup muzakarah ini telah disempurnakan oleh YA. Dato' Haji Yusof bin Musa, Hakim Mahkamah Rayuan JKSM pada 23 Oktober 2013. Di dalam ucapan perasmian penutup beliau berharap agar Pegawai Penyelidik dapat meningkatkan ilmu pengetahuan dari semasa ke semasa khususnya dalam bidang penyelidikan. Diharapkan muzakarah ini dapat mempertingkatkan kepakaran Pegawai Syariah dalam memahami penyelidikan yang bersistematik dan berkualiti.

### **BENKEL PENULISAN ILMIAH DAN PENGURUSAN ARTIKEL**

Bahagian Dasar dan Penyelidikan (BDP), JKSM telah menganjurkan Bengkel Penulisan Ilmiah dan Pengurusan Artikel, bertempat di Hotel Oriental Crystal Kajang, pada 11 hingga 13 Disember 2013. Objektif bengkel ini diadakan adalah untuk memberi kesedaran kepada peserta tentang pentingnya metod kajian penyelidikan dan penulisan ilmiah serta meningkatkan kemahiran dalam memahami penyelidikan yang bersistematik dan berkualiti.

Pengisian bengkel selama tiga hari ini telah disampaikan oleh Dr. Othman bin Talib, merupakan pensyarah dari Fakulti Pengajian Pendidikan, Universiti Putra Malaysia. Para peserta telah diberi pendedahan berkaitan penggunaan Mendeley, kaedah penulisan tesis cepat dan analisis data menggunakan sistem Atlas.ti. Semoga segala ilmu yang dipelajari akan dimanfaatkan dengan sebaiknya.

Para peserta terdiri daripada pegawai penyelidik Hakim Mahkamah Rayuan Syariah JKSM, Pegawai penyelidik JKSN/MSN zon tengah, JAWI dan Pegawai-pegawai Bahagian Dasar & Penyelidikan JKSM. Peserta amat berpuashati dengan modul yang dilaksanakan dan diharap dapat meneruskan dari masa ke semasa dan disebar laus lagi bagi meningkat kemahiran para pegawai Syariah seluruh Malaysia dalam menyediakan penulisan ilmiah.






# BAHAGIAN TEKNOLOGI MAKLUMAT DAN KOMUNIKASI (BTMK)





# CARTA ORGANISASI BAHAGIAN TEKNOLOGI MAKLUMAT DAN KOMUNIKASI




## 1. PERJAWATAN DAN PENGISIAN

GRED JAWATAN	LULUS	ISI	KEKOSONGAN	% PENGISIAN
F52	1	1	0	100
F48	2	2	0	100
F44	1	1	0	100
F41	21	19	2	90.48
LS41	1	0	1	0
F29	19	19	0	100
LS27	1	1	0	100
FT17	31	30	1	96.77
LS17	2	2	0	100
N17	2	2	0	100
<b>JUMLAH</b>	<b>81</b>	<b>77</b>	<b>4</b>	<b>95.06</b>


KUMPULAN PERKHIDMATAN	LULUS	ISI	KEKOSONGAN	% PENGISIAN
Pengurusan dan Profesional (Gred 41-54)	26	23	3	88.46
Sokongan (Gred 1-40)	55	54	1	98.18
<b>JUMLAH</b>	<b>81</b>	<b>77</b>	<b>4</b>	<b>95.06</b>

## 2. PERBANDINGAN BILANGAN PELAWAT LAMAN WEB RASMI JKSM BAGI TAHUN 2012 DAN 2013

	Tahun	
	2012	2013
<b>Bilangan Pelawat</b>	61,376	60,561




**3. BILANGAN PELAWAT LAMAN WEB RASMI JKSM MENGIKUT BULAN BAGI TAHUN 2013**





#### 4. ADUAN KEPENGGUNAAN E-SYARIAH



#### 5. OBJEKTIF KUALITI BAHAGIAN

Penyelenggaraan aduan berkaitan aplikasi dan perkakasan diambil tindakan dalam tempoh 2 hari bekerja dari tarikh aduan diterima.

Pencapaian objektif bahagian

Bagi tempoh Januari hingga Disember 2013, sebanyak 57 aktiviti dirancang untuk dilaksanakan oleh BTMK. Dalam tempoh tersebut sebanyak 41 aktiviti dapat dilaksanakan iaitu peratus capaian objektif bahagian adalah sebanyak 72%.

Pencapaian objektif kualiti bahagian:

Bagi tempoh Januari hingga Disember 2013, sebanyak 937 aduan berkaitan aplikasi dan perkakasan telah diterima dan sebanyak 909 aduan tersebut telah diambil tindakan dalam tempoh 2 hari. Peratusan objektif kualiti penyelenggaraan aduan berkaitan aplikasi dan perkakasan diambil tindakan dalam tempoh 2 hari bekerja dari tarikh aduan adalah sebanyak 97%.

Mekanisme yang digunakan untuk mengukur pencapaian objektif bahagian adalah berdasarkan bilangan aktiviti yang telah dilaksanakan berdasarkan perancangan Jabatan (blueprint) yang telah ditetapkan pada awal tahun. Pengukuran pencapaian objektif kualiti BTMK dibuat berdasarkan bilangan aduan yang diterima melalui Sistem Meja Bantuan (helpdesk).

1.1 Pencapaian objektif bahagian:

Bilangan aktiviti yang dilaksanakan oleh BTMK dari bulan Januari 2013 hingga Disember 2013 adalah seperti di Jadual 1.

	Tahun	
	2012	2013
<b>Bilangan Pelawat</b>	61,376	60,561


*Jadual 1: Bilangan Aktiviti BTMK Dari Januari Hingga Disember 2013*

Statistik perbandingan bilangan aktiviti yang diterima bagi tahun 2012 hingga 2013 adalah seperti di jadual 2 berikut :

Tahun	Bilangan Sasaran	Bilangan Pencapaian	Peratus Pencapaian
2012	56	25	45%
2013	57	41	72%

*Jadual 2: Perbandingan Bilangan Aktiviti BTMK tahun 2012 dan 2013*

Analisis perbandingan pencapaian objektif bahagian digambarkan melalui carta seperti di Carta 1.



*Carta 1 : Pelaksanaan Aktiviti BTMK bagi tahun 2012 dan 2013*

• Ulasan :

Punca aktiviti bahagian tidak dapat dilaksana adalah kekangan peruntukan dan kewangan. Namun demikian, terdapat beberapa aktiviti yang telah dilaksanakan melebihi bilangan sasaran yang ditetapkan.

Pencapaian objektif kualiti bahagian:

Bilangan aduan yang diterima dari bulan Januari 2013 hingga Disember 2013 adalah seperti di Jadual 3.



Tempoh tindakan diambil	Bilangan Aduan	Peratus (%)
Dalam tempoh 2 hari (tercapai)	909	97%
Melebihi 2 hari (tidak tercapai)	28	3%
Jumlah aduan	937	

Jadual 3: Bilangan Aduan berkaitan aplikasi dan perkakasan tahun 2013

• Ulasan :


Punca objektif kualiti tidak tercapai dimana maklumbalas aduan melebihi 2 hari adalah kerana pegawai bertukar Jabatan dan juga peralihan kontraktor penyelenggaraan sistem E-Syariah

Statistik perbandingan bilangan aduan yang diterima bagi tahun 2011 hingga 2013 adalah seperti di jadual 4 berikut :

Jadual 4 : Perbandingan bilangan aduan berkaitan aplikasi dan perkakasan tahun 2011, 2012 dan 2013

Tempoh tindakan diambil	2011	2012	2013
Dalam tempoh 2 hari (tercapai)	1500	1024	909
Melebihi 2 hari (tidak tercapai)	12	26	28
Jumlah aduan	1512	1050	937
Peratus tercapai (%)	99%	98%	97%

Analisis perbandingan pencapaian objektif kualiti digambarkan melalui carta seperti di Carta 2.



Carta 2 : Pencapaian objektif kualiti BTMK tahun 2011, 2012 dan 2013

Secara keseluruhannya, peratus pencapaian objektif BTMK bagi menjalankan aktiviti yang ditetapkan di dalam blueprint Jabatan bagi tahun 2013 adalah sebanyak 72%. Peratus pencapaian objektif kualiti BTMK tahun 2013 bagi penyelenggaraan aduan berkaitan aplikasi dan perkakasan diambil tindakan dalam tempoh 2 hari adalah sebanyak 97%.



## 6. PEROLEHAN DAN PEMBANGUNAN ICT

### 6.1. PEMBANGUNAN SISTEM

	Nama Projek	Nilai (RM)
1.	Mengkaji, Membangun, Menaiktaraf, Membekal, Memasang, Menguji, Mentauliah Dan Menyelenggara (Dalam Tempoh Jaminan) Aplikasi E-Faraid, Integrasi Sistem, Perkakasan, Perisian Dan Infrastruktur Rangkaian Yang Diperlukan Untuk Melaksanakan Aplikasi e-Faraid Di Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia	5,797,195.00

### 6.1.PEROLEHAN PERKHIDMATAN

	Nama Projek	Nilai (RM)
1.	Penyelenggaraan E-Syariah	1,493,788.00
2.	Perkhidmatan Pembaharuan Dan Penyelenggaraan Lesen Perisian Lotus Domino dan Oracle Bagi Sistem E-Syariah Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia	2,638,900.00
3.	Perkhidmatan Pembaharuan Lesen Firewall dan Mail Gateway bagi Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia (JKSM)	476,888.00
4.	Perkhidmatan Penyelenggaraan Pusat Data Bagi Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia (JKSM)	202,000.00
5.	Perkhidmatan Pembaharuan, Peluasan Dan Penyelenggaraan Lesen 'Business Intelligence' Bagi Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia	494,500.00
6.	Perkhidmatan Penyelenggaraan dan Khidmat Sokongan Sistem Pengurusan Latihan Elektronik	48,000.00
7.	Consultancy Service For The Preparation Of The ICT Strategic Plan (ISP) For The Department Of Syariah Judiciary Malaysia (JKSM)	276,750.60

## 7. PROGRAM DAN AKTIVITI SEPANJANG TAHUN

### 7.1. PEMBANGUNAN STANDARD OPERATING PROCEDURE (SOP) ICT VERSI 2.0



Pembangunan SOP Versi 2.0 telah dilaksanakan berikutan terdapat pembaharuan serta penambahbaikan dalam proses kerja selepas E-Syariah Versi 2 siap dibangunkan. Buku Standard Operating Procedure (SOP) bagi Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia (JKSM) versi 2.0 telah dijilidkan pada tahun 2013. Proses pembangunan SOP ini melibatkan semua kakitangan Teknologi Maklumat JKSM/JKSN/MSN. Objektif pembangunan SOP ini bertujuan menjadi garis panduan dan rujukan bagi seluruh kakitangan JKSM dalam membuat keputusan serta tindakan sama ada di peringkat pengoperasian atau pengurusan. Buku SOP ini dijilid kepada dua (2) bahagian utama iaitu SOP UMUM dan SOP TEKNIKAL.

Bahagian UMUM mengandungi sebanyak enam (6) tajuk utama yang meliputi pengurusan perkakasan ICT, pengurusan rangkaian, pengurusan e-mel dan aplikasi yang mengandungi rujukan umum bagi pengguna bukan ICT. Bahagian TEKNIKAL pula mengandungi sebanyak sebelas (11) tajuk utama yang merangkumi tatacara teknikal bagi pengurusan aset ICT, pengurusan aplikasi E-Syariah, pengurusan pusat data, pengurusan storan, pengurusan e-mel, pengurusan kawalan capaian dan rangkaian serta pengurusan storan data dan ia merupakan rujukan utama untuk pegawai-pegawai teknikal ICT.



Penganjuran AIKP merupakan inisiatif yang diperkenalkan oleh Bahagian Teknologi Maklumat dan Komunikasi, JKSM bagi menilai dan mengukur kemajuan prestasi E-Syariah yang telah dicapai di Jabatan Kehakiman Syariah Negeri / Mahkamah Syariah Negeri (JKSN/MSN) termasuk Mahkamah Syariah Daerah (MSD) di seluruh negara. Objektif penganjuran AIKP ini bertujuan:

- a) Memberi pengiktirafan kepada institusi kehakiman syariah yang mencapai tahap penggunaan sistem E-Syariah yang optimum dalam semua urusannya;
- b) Memupuk minat, meningkatkan kesedaran dan menyemarakkan budaya kerja berorientasikan ICT melalui penggunaan sistem E-Syariah dalam mengendalikan tugas pengurusan kes-kes Mahkamah Syariah agar lebih efisien, cekap dan cepat;
- c) Menyebarkan hasil pencapaian yang boleh dijadikan sebagai benchmark untuk dicontohi bagi faedah institusi kehakiman syariah negeri yang lain;
- d) Menggalakkan persaingan sihat di antara institusi kehakiman syariah negeri disamping mengenalpasti tahap 'best practices' dalam aspek pemakaian dan penggunaan E-Syariah;
- e) Memberi manfaat kepada institusi untuk menilai dan mengukur tahap kecemerlangan masing-masing serta mengetahui kekuatan, kelemahan dan cadangan penambahbaikan yang dapat menyumbang kepada peningkatan kualiti penyampaian perkhidmatan kepada pelanggan.

Penilaian AIKP Tahun 2012 telah dijalankan di seluruh negara bermula pada 25 Februari 2013 dan berakhir pada 15 Mac 2013. Sebanyak tujuh (7) pasukan penilai yang turut disertai oleh seorang wakil MAMPU iaitu Tuan Muhamad bin Ali, Pengarah Bahagian Pematuhan ICT MAMPU telah membuat tinjauan dan penilaian ke setiap lokasi JKSN/MSN serta MSD terpilih. Kesemua pasukan ini ditugaskan menilai tahap pelaksanaan dan pematuhan dalam aspek penggunaan E-Syariah, kawalan aset ICT, keselamatan ICT, Pusat Data, tadbir urus ICT, amalan budaya kerja, khidmat sokongan teknikal (helpdesk) dan latihan ICT. Selain daripada membuat lawatan pemeriksaan, pasukan penilaian turut menemubual pegawai-pegawai yang terlibat disamping memberi cadangan penambahbaikan yang perlu dilaksanakan ke arah pengukuhan persekitaran ICT di semua lokasi yang dilawati. Berdasarkan hasil pengauditan yang dijalankan telah menunjukkan peningkatan prestasi di mana sebanyak tujuh (7) JKSN/MSN dan empat (4) MSD berjaya mencapai tahap peratusan melebihi 80%.







Senarai pemenang AIKP Tahun 2012 mengikut kategori adalah seperti berikut:

Pencapaian	JKSN / MSN	MSD
Tempat Pertama	MSN Melaka	MRS Labuan
Tempat Kedua	MSN Wilayah Persekutuan	MRS Jasin
Tempat Ketiga	JKS Negeri Sembilan	MRS Port Dickson



## 7.2. PENSIJILAN MS ISO/IEC 27001:2006 INFORMATION SECURITY MANAGEMENT SYSTEM (ISMS)

ISMS merujuk kepada keselamatan aset teknologi maklumat dan komunikasi, ringkasnya ICT, berkait rapat dengan perlindungan maklumat yang terkandung dalam aset ICT tersebut. Keperluan mendapatkan pensijilan ISMS ini bertujuan memastikan prosedur-prosedur keselamatan ICT menyokong keperluan perkhidmatan dan mengekalkan keperluan keselamatan dengan melaksanakan kawalan-kawalan ISMS yang bertepatan. Skop ISMS JKSM merujuk kepada Pengurusan Sistem Keselamatan Maklumat (ISMS) merangkumi pengoperasian Pusat Data JKSM bagi Sistem E-Syariah. Sebanyak tiga (3) siri pengauditan telah dijalankan oleh pihak MAMPU dan CyberSecurity Malaysia sepanjang tahun 2013 untuk menilai pematuhan kriteria-kriteria yang ditetapkan sebelum berjaya dipersijilkan. Pengauditan tersebut adalah seperti berikut:

Bil	Auditan	Tarikh	Penemuan Audit	
			Ketaakuran / Non Conformity (NC)	Peluang Penambahbaikan / Opportunity For Improvement (OFI)
1.	MAMPU : Audit Dalam	25 Februari 2013 hingga 1 Mac 2013	8	13
2.	CyberSecurity Malaysia : Audit Luar Stage 1	17 hingga 18 Oktober 2013	11	7
3.	CyberSecurity Malaysia : Audit Luar Stage 2	4 hingga 5 Disember 2013	4	3





BTMK



### 7.3. BENGKEL PELAN KESINAMBUNGAN PERKHIDMATAN (PKP) JKSM BIL.1/2013

Bengkel ini telah diadakan di Hotel Oriental Crystal, Kajang, Selangor bermula pada 9 hingga 11 Mei 2013 dan telah dirasmikan oleh Tuan Rozman bin Mat Sidekselaku Pengarah Bahagian Teknologi Maklumat dan Komunikasi, Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia. Bengkel ini bertujuan untuk membangunkan Pelan Kesinambungan Perkhidmatan JKSM daripada versi draf kepada versi 1.0. Objektif utama bengkel ini diadakan adalah:

- a) Membangunkan Pelan Kesinambungan Perkhidmatan JKSM;
- b) Menjamin kesinambungan operasi perkhidmatan jabatan agar tidak tergendala dan memastikan penyampaian perkhidmatan yang berterusan kepada pelanggan; dan
- c) Memenuhi kriteria pensijilan MS ISO/IEC 27001:2007 Pengurusan Sistem Keselamatan Maklumat (ISMS).

Seramai 28 orang peserta terlibat terdiri daripada Bahagian Pendaftaran, Keurusetian dan Rekod, Bahagian Latihan, Bahagian Teknologi Maklumat dan Komunikasi, Bahagian Khidmat Pengurusan dan Sumber Manusia dan Unit Komunikasi Korporat. Kesemua peserta bengkel yang hadir telah memberikan komitmen serta kerjasama yang sangat baik dalam membangunkan pelan tersebut. Bengkel ini telah dikawal selia oleh seorang fasilitator daripada pihak MAMPU bagi membantu mengendalikan keseluruhan bengkel tersebut. Secara keseluruhannya, bengkel ini telah berjaya membangunkan sebanyak empat (4) pelan seperti berikut:

1. Pelan Kesinambungan Perkhidmatan (PKP) JKSM
2. Pelan "Communication Crisis" (CCP)
3. Pelan "Disaster Recovery" (DRP)
4. Pelan "Emergency Response" (ERP)



#### 7.4. KURSUS PENGGUNAAN SISTEM PENGURUSAN KES MAHKAMAH SYARIAH (SPKMS) DAN SISTEM PENDAFTARAN PEGUAM SYARIE (SPPS), JKSM

Bahagian Teknologi Maklumat dan Komunikasi, Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia (JKSM) telah mengadakan Kursus Penggunaan Sistem Pengurusan Kes Mahkamah Syariah (SPKMS) dan Sistem Pendaftaran Peguam Syarie (SPPS), JKSM. Sebanyak dua siri kursus telah diadakan bagi tahun 2013 iaitu pada 22 hingga 25 April 2013 dan 20 hingga 22 Mei 2013. Objektif kursus ini diadakan:

- a) Memberi pendedahan kepada kumpulan-kumpulan pengguna E-Syariah seperti Pendaftar, Penolong Pendaftar, Penghantar Notis, Bailif dan Kewangan berkenaan peranan dan tanggungjawab mereka di dalam melaksanakan sistem E-Syariah;
- b) Mengenal pasti masalah-masalah yang dihadapi oleh pengguna dalam melaksanakan tanggungjawab menggunakan sistem E-Syariah; dan
- c) Mewujudkan perkongsian pintar di kalangan pengguna E-Syariah menerusi perbincangan dan pengalaman sebenar semasa melaksanakan proses kerja seharian.

SPKMS dan SPPS merupakan dua aplikasi utama bagi Sistem E-Syariah yang digunakan di semua Mahkamah Syariah seluruh negara. Aplikasi ini digunakan bagi menyokong proses kerja utama di kaunter-kaunter pendaftaran sehingga kepada penyediaan alasan penghakiman yang diputuskan oleh hakim bagi sesuatu kes yang didaftarkan. Seiring dengan pembangunan E-Syariah versi 2 yang baru dan pertambahan bilangan perjawatan di kalangan Pegawai Syariah, maka kursus ini disediakan untuk melahirkan pegawai dan kakitangan mahkamah syariah yang berpengetahuan dan sentiasa memiliki kemahiran Sistem E-Syariah yang terkini.

#### 7.5. KURSUS E-BICARA

Bahagian Teknologi Maklumat dan Komunikasi, Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia (JKSM) telah mengadakan sebanyak 3 siri Kursus e-Bicara bagi tahun 2013. e-Bicara merupakan salah satu daripada aplikasi terbaharu yang dibangunkan dalam Projek E-Syariah versi 2. Aplikasi ini digunakan oleh para Hakim Syarie bagi tujuan prosiding mahkamah secara dalam talian melibatkan prosiding sebutan / perbicaraan kes yang digunakan di dalam kamar Hakim, mahkamah terbuka dan mahkamah tertutup sekiranya infrastruktur ICT dan rangkaian komputer disediakan. Aplikasi ini menyediakan kemudahan bagi melaksanakan prosedur kes Mal Permohonan, Mal Tuntutan, Faraid, Jenayah dan Rayuan.

Objektif kursus ini diadakan adalah:

- a) Menjelaskan peranan dan tanggungjawab Hakim Syarie dalam melaksanakan Sistem E-Syariah seterusnya memantapkan kemahiran dalam melaksanakan proses kerja seharian;
- b) Menyeragamkan prosiding sebutan / perbicaraan kes bagi semua Mahkamah Syariah di seluruh negara; dan
- c) Membantu Hakim dalam mempercepatkan proses perbicaraan dan mengelakkan kebocoran maklumat di samping menjadikan prosiding kes lebih teratur dan efektif.

Pengguna utama bagi aplikasi ini ialah Hakim, Pembantu Hakim dan Pendaftar. Kursus ini merupakan kali pertama dianjurkan oleh Bahagian Teknologi Maklumat dan Komunikasi, JKSM tidak termasuk latihan pendedahan kepada sebahagian pengguna yang diberikan dalam tempoh kontrak pembangunan E-Syariah Versi 2. Kursus tersebut telah diadakan di Bilik Latihan Komputer, Aras 3, Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia pada 25.3.2013, 1.4.2013 dan 29.4.2013. Kursus ini diadakan selama 3 hari serta melibatkan 6 kumpulan peserta yang terdiri daripada Hakim Mahkamah Rayuan JKSM, Hakim Mahkamah Tinggi JKSN/MSN dan Hakim Mahkamah Rendah JKSN/MSN.

## 7.6. KURSUS PEMBANGUNAN LAMAN WEB PROFESIONAL JOOMLA! 2.5

Bahagian Teknologi Maklumat dan Komunikasi, Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia (JKSM) telah mengadakan Kursus Pembangunan Laman Web Profesional Joomla! 2.5 dari 8 hingga 10 April 2013 bertempat di Bilik Latihan Komputer, Aras 3, Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia. Kursus ini merupakan salah satu kursus utama BTMK yang disasarkan kepada Webmaster bagi melahirkan pereka dan pembangun laman web jabatan yang memiliki pengetahuan dan kemahiran professional dalam membangunkan reka bentuk dan kandungan laman web yang terbaik sepertimana digariskan oleh pihak MAMPU. Objektif kursus ini diadakan adalah:

- a) Memberi pendedahan mengenai konsep, teknik pembangunan dan pengurusan kandungan web yang bersistematik;
- b) Membina daya kreativiti serta kemahiran mereka bentuk susun atur antaramuka terkini untuk penghasilan laman web yang berkualiti dan baik; dan
- c) Mewujudkan kumpulan pereka dan pembangun laman web di kalangan kakitangan teknikal ICT yang berpengetahuan dan berkemahiran.

Seramai 22 orang peserta terlibat dan mereka terdiri daripada Pegawai Teknologi Maklumat, Penolong Pegawai Teknologi Maklumat dan Juruteknik Komputer dari JKSN/MSN. Bengkel ini telah dikelolakan oleh Encik Mohd Zaki Bin Haji Mohamad dari Syarikat Livewebs Networks & Technology Sdn Bhd.

Secara keseluruhannya, bengkel ini mendapat maklum balas yang baik dari semua peserta yang terlibat dan berharap agar kursus lanjutan dapat dilaksanakan bagi meningkatkan ilmu pengetahuan dan juga kemahiran dalam membangunkan laman web di masa akan datang.






## 7.7. KURSUS PENGATURCARAAN PHP

Bahagian Teknologi Maklumat dan Komunikasi, Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia (JKSM) telah mengadakan Kursus Pengaturcaraan PHP mulai 13 hingga 15 Mei 2013. Kursus ini merupakan kali ketiga dianjurkan selepas tahun 2007 dan 2011 bagi memenuhi keperluan utama tugas Pegawai Teknologi Maklumat dan Penolong Pegawai Teknologi Maklumat di JKSM dan Unit ICT JKSN/MSN dalam menguasai bahasa pengaturcaraan PHP. PHP merupakan bahasa pengaturcaraan yang sangat meluas digunakan dalam membangunkan sesebuah sistem maklumat khususnya melibatkan pembangunan secara dalaman atau 'in-house development'. Kursus tersebut telah diadakan di Bilik Latihan Komputer, Aras 3, Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia.

Objektif Kursus PHP diadakan bertujuan:

- Memberi pendedahan mengenai teknologi perisian sumber terbuka sebagai alternatif kepada perisian yang digunakan oleh kakitangan teknikal ICT di JKSM dan JKSN/MSN.
- Meningkatkan kefahaman dan pengetahuan dalam bidang pengaturcaraan web dan pangkalan data dalam membantu pembangunan sistem maklumat dan laman web Mahkamah Syariah seluruh Malaysia.
- Menggalakkan penggunaan perisian sumber terbuka selaras dengan inisiatif kerajaan bagi mewujudkan Malaysia Public Sector Open Source Software Programme (OSS).



Kursus ini telah dikendalikan oleh seorang pengajar berpengalaman iaitu Encik Mahandran A/L Muthu dari Syarikat Chain Resources (M) Sdn Bhd. Seramai 19 orang peserta terdiri daripada Pegawai Teknologi Maklumat dan Penolong Pegawai Teknologi Maklumat dari Unit ICT JKSM dan JKSN/MSN telah hadir dengan jayanya. Secara keseluruhannya, para peserta kursus telah memberikan maklum balas yang baik dan berharap agar kursus pengaturcaraan ini dapat diteruskan pada masa-masa akan datang selaras dengan perkembangan teknologi semasa dan versi yang terkini.

#### 7.8. KURSUS MULTIMEDIA (ADOBE AFTER EFFECT)

Bahagian Teknologi Maklumat dan Komunikasi, Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia (JKSM) telah mengadakan Kursus Multimedia (Adobe After Effects) pada 27 hingga 29 Mei 2013 bertempat di Bilik Latihan Komputer, Aras 3, Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia. Kursus ini disasarkan kepada kumpulan Webmaster bagi memberi pendedahan khusus mengenai konsep serta teknik pembangunan kesan khas animasi secara professional dan bersistematik.

Seramai 19 orang peserta terdiri daripada Pegawai Teknologi Maklumat, Penolong Pegawai Teknologi Maklumat dan Juruteknik Komputer dari JKSN/MSN telah menghadiri kursus selama 3 hari ini dengan jayanya. Tenaga pengajar profesional yang dilantik daripada Syarikat Maxvec Sdn. Bhd. iaitu Encik Salafian Bin Salleh merupakan seorang Adobe Certified Expert (ACE) yang berpengalaman luas mengendalikan kursus teknikal ICT serta pernah terlibat dengan projek PPSMI dan Schoolnet dari pihak Kementerian Pendidikan Malaysia.

Secara keseluruhannya, bengkel ini mendapat maklum balas yang baik dari semua peserta yang terlibat dan berharap agar kursus lanjutan dapat dilaksanakan bagi meningkatkan ilmu pengetahuan dan juga kemahiran dalam menghasilkan animasi multimedia yang menarik dan terbaik.

#### 7.9. BENGKEL PENYELARASAN STATISTIK BIL.1/2013

Bahagian Teknologi Maklumat dan Komunikasi (BTMK) telah mengadakan Bengkel Penyelarasan Statistik Bil.1/2013 pada 10 hingga 12 April 2013 bertempat di Hotel Concorde, Shah Alam, Selangor. Para peserta yang terlibat terdiri daripada Pegawai-Pegawai ICT JKSM dan JKSN/MSN yang bertanggungjawab menguruskan statistik di negeri masing-masing. Rumusan hasil bengkel yang diperolehi adalah berikut:

- a) Format laporan statistik untuk kegunaan menyeluruh yang dipersetujui akan dibentangkan dalam Mesyuarat Ketua Pendaftar untuk kelulusan;
- b) Satu sistem khas untuk kerja-kerja memasukkan data lama tanpa sebarang flow kerja akan dilaksanakan tahun 2014;
- c) Sistem ini bagi menangani masalah tempoh penyelesaian kes yang panjang dalam statistik yang disebabkan oleh pendaftaran semula kes lama ke dalam sistem E-Syariah;
- d) JKSM akan menyerahkan senarai kes tertunggak bagi setiap 2 bulan;
- e) Pihak negeri dikehendaki untuk menghantar laporan statistik bulanan pada setiap bulan sebelum 15hb mengikut format yang dipersetujui sebelum ini;
- f) Pihak negeri menggunakan Laporan Statistik BI sementara masalah Laporan Statistik SPKMS dapat diselesaikan;
- g) Laporan Statistik BI juga akan digunakan untuk menjana laporan statistik secara ad-Hoc; dan
- h) Segala masalah ketepatan data perlu diajukan kepada JKSM beserta screen shot dan senarai kes sebagai bukti dan untuk memudahkan JKSM membuat semakan.

## 7.10. BENGKEL PENYELARASAN STATISTIK BIL.1/2013

Bahagian Teknologi Maklumat dan Komunikasi (BTMK) telah mengadakan Bengkel Penyelarasan Statistik Bil.1/2013 pada 10 hingga 12 April 2013 bertempat di Hotel Concorde, Shah Alam, Selangor. Para peserta yang terlibat terdiri daripada Pegawai-Pegawai ICT JKSM dan JKSN/MSN yang bertanggungjawab menguruskan statistik di negeri masing-masing. Rumusan hasil bengkel yang diperolehi adalah berikut:

- a) Format laporan statistik untuk kegunaan menyeluruh yang dipersetujui akan dibentangkan dalam Mesyuarat Ketua Pendaftar untuk kelulusan;
- b) Satu sistem khas untuk kerja-kerja memasukkan data lama tanpa sebarang flow kerja akan dilaksanakan tahun 2014;
- c) Sistem ini bagi menangani masalah tempoh penyelesaian kes yang panjang dalam statistik yang disebabkan oleh pendaftaran semula kes lama ke dalam sistem E-Syariah;
- d) JKSM akan menyerahkan senarai kes tertunggak bagi setiap 2 bulan;
- e) Pihak negeri dikehendaki untuk menghantar laporan statistik bulanan pada setiap bulan sebelum 15hb mengikut format yang dipersetujui sebelum ini;
- f) Pihak negeri menggunakan Laporan Statistik BI sementara masalah Laporan Statistik SPKMS dapat diselesaikan;
- g) Laporan Statistik BI juga akan digunakan untuk menjana laporan statistik secara ad-Hoc; dan
- h) Segala masalah ketepatan data perlu diajukan kepada JKSM beserta screen shot dan senarai kes sebagai bukti dan untuk memudahkan JKSM membuat semakan



## 7.11. MAJLIS KICK OFF PROJEK E-FARAID

Majlis Kick Off Projek e-Faraid telah berlangsung pada 30 Ogos 2013 bertempat di Bilik Mesyuarat Utama, JKSM dan telah disempurnakan oleh YAA Tan Sri Dr. Ibrahim Lembut, Ketua Pengarah / Ketua Hakim Syarie, JKSM dengan dihadiri oleh YA Hakim-Hakim Rayuan JKSM, Ketua Pendaftar, Pengarah Kanan (Kehakiman), Pengarah Kanan (Pengurusan), Pengarah-Pegarah Bahagian serta pihak Syarikat BIT Group Sdn Bhd yang diketuai oleh Pengurus En Zamri Bin Yusoff serta wakil teknikal syarikat. Majlis ini menandakan bermulanya projek bagi perolehan tender Mengkaji, Membangun, Menaiktaraf, Membekal, Memasang, Menguji, Mentauliah Dan Menyelenggara (Dalam Tempoh Jaminan) Aplikasi E-Faraid, Integrasi Sistem, Perkakasan, Perisian Dan Infrastruktur Rangkaian Yang Diperlukan Untuk Melaksanakan Aplikasi E-Faraid Di Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia – JKSM.BEK/2/2013.

## 7.12. MAJLIS KICK OFF PROJEK E-FARAID

Majlis Kick Off Projek e-Faraid telah berlangsung pada 30 Ogos 2013 bertempat di Bilik Mesyuarat Utama, JKSM dan telah disempurnakan oleh YAA Tan Sri Dr. Ibrahim Lembut, Ketua Pengarah / Ketua Hakim Syarie, JKSM dengan dihadiri oleh YA Hakim-Hakim Rayuan JKSM, Ketua Pendaftar, Pengarah Kanan (Kehakiman), Pengarah Kanan (Pengurusan), Pengarah-Pegarah Bahagian serta pihak Syarikat BIT Group Sdn Bhd yang diketuai oleh Pengurus En Zamri Bin Yusoff serta wakil teknikal syarikat. Majlis ini menandakan bermulanya projek bagi perolehan tender Mengkaji, Membangun, Menaiktaraf, Membekal, Memasang, Menguji, Mentauliah Dan Menyelenggara (Dalam Tempoh Jaminan) Aplikasi E-Faraid, Integrasi Sistem, Perkakasan, Perisian Dan Infrastruktur Rangkaian Yang Diperlukan Untuk Melaksanakan Aplikasi E-Faraid Di Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia – JKSM.BEK/2/2013.




**MAJLIS KICK OFF E-FARAID**

MENGAJAI, MEMBANGUN, MENAIKARAF, MEMBEKAL, MEMASANG, MENGUJI, MENTAULIAH DAN MENYELENGGARA (DALAM TEMP OH JAMINAN) APLIKASI E-FARAID, INTEGRASI SISTEM, PERKAKASAN, PERISIAN DAN INFRASTRUKTUR RANGKAIAN YANG DIPERLUKAN UNTUK MELAKSANAKAN APLIKASI E-FARAID DI

JABATAN KEHAKIMAN SYARIAH MALAYSIA



23 SYAWAL, 1434H: 2-4:45 PETANG

**30 OGOS 2013**



**AGENDA**

1. PERUTUSAN YAA TAN SRI DR. IBRAHIM LEMBUT
2. UCAPAN PENGURUS BIT GROUP SDN. BHD
3. PEMBENTANGAN PELAKSANAAN PROJEK E-FARAID
4. PENUTUP
5. SESI BERGAMBAR dan JAMUAN





*Sesi bergambar pengurusan tertinggi JKSM yang diketuai oleh YAA Tan Sri Dr Ibrahim Lembut, Ketua Pengarah / Ketua Hakim Syarie JKSM bersama pihak BIT Group Sdn Bhd*

### 7.13. MAJLIS MENANDATANGANI PERJANJIAN PROJEK E-FARAID

Bahagian Teknologi Maklumat dan Komunikasi (BTMK), JKSM telah melaksanakan Sesi Menandatangani Perjanjian Mengkaji, Membangun, Menaiktaraf, Membekal, Memasang, Menguji, Mentauliah Dan Menyelenggara (Dalam Tempoh Jaminan) Aplikasi E-Faraid, Integrasi Sistem, Perkakasan, Perisian Dan Infrastruktur Rangkaian Yang Diperlukan Untuk Melaksanakan Aplikasi E-Faraid Di Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia – JKSM.BEK/2/2013 antara pihak Kerajaan dengan Pihak BIT Group Sdn. Bhd.



*Pengarah BTMK, Tuan Rozman bin Mat Sidek menyaksikan upacara menandatangani perjanjian antara pihak Kerajaan dengan BIT Group Sdn Bhd*

Sesi menandatangani perjanjian tersebut telah dilaksanakan sejurus tamatnya Mesyuarat Jawatan Kuasa Pemandu e-Faraid Bil.1/2013 yang telah diadakan di Blik Mesyuarat Utama, JKSM. Sesi tersebut turut dihadiri dan disaksikan oleh Ahli Jawatankuasa Pemandu e-Faraid Bil.1/2013 yang hadir.

## 8. PENCAPAIAN PORTAL DAN LAMAN WEB RASMI JKSM, JKSN/MSN DI DALAM MALAYSIA GOVERNMENT PORTALS AND WEBSITES ASSESSMENT 2013

Malaysia Government Portals and Websites Assessment (MGPWA) merupakan penilaian tahunan bagi portal dan laman web rasmi agensi kerajaan di mana objektif penilaian tersebut adalah untuk meningkatkan penyampaian perkhidmatan kerajaan menerusi portal dan laman web rasmi kerajaan. Keputusan Malaysia Government Portals and Websites Assessment (MGPWA) 2013 telah diterbitkan oleh MSC Malaysia. Pencapaian serta pemarkahan bagi portal dan laman web rasmi JKSM, JKSN dan MSN di dalam MGPWA 2013 adalah seperti jadual berikut:

Bil	Agensi	Rank	Score	Star	Pillar				
					C	U	Sec	P	Ser
1.	JKSM	26	85	5	25	32	5	8	15

Bil	Agensi	Rank	Score	Star	Pillar				
					C	U	Sec	P	Ser
1.	Melaka	159	85	5	30	32	5	8	10
2.	Pulau Pinang	206	83	5	30	30	5	9	9
3.	Sarawak	229	82	5	26	33	5	8	10
4.	N. Sembilan	249	81	5	30	30	5	8	8
5.	W. Persekutuan	401	74	4	30	28	5	3	8
6.	Terengganu	498	69	4	25	30	4	4	6
7.	Perak	498	69	4	22	31	5	7	4
8.	Sabah	704	59	3	26	22	5	3	3
9.	Pahang	704	59	3	27	18	5	2	7
10.	Selangor	755	56	3	23	17	5	5	6
11.	Kelantan	789	54	3	20	20	5	4	5
12.	Johor	813	53	3	15	24	5	4	5
